




# LAPORAN TAHUNAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



**BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG**



# ISI KANDUNGAN

## LATAR BELAKANG ORGANISASI

- 02 • ISI KANDUNGAN
- 04 • PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
- 06 • LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR
- 08 • PENGURUSAN TERTINGGI
- 09 • CARTA ORGANISASI DBKL
- 10 • VISI, MISI, OBJEKTIF
- 15 • PENGARAH-PENGARAH JABATAN
- 20 • JABATAN AUDIT DALAM
- 23 • JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN
- 27 • JABATAN PERANCANGAN KORPORAT
- 33 • JABATAN INTEGRITI

## SEKTOR PENGURUSAN

- 46 • JABATAN KEWANGAN
- 49 • JABATAN PENTADBIRAN
- 65 • JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT
- 72 • JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
- 95 • JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA





## SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

- 120 • JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA
- 135 • JABATAN PENGUATKUASAAN
- 143 • JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
- 170 • JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
- 185 • JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN
- 195 • JABATAN PERKHIDMATAN KAWASAN

## SEKTOR PENGURUSAN PROJEK

- 212 • JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN JABATAN
- 222 • KEJURUTERAAN AWAM DAN PENGANGKUTAN BANDAR
- 256 • JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
- 270 • JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI
- 283 • JABATAN UKUR BAHAN

## SEKTOR PERANCANGAN

- 288 • JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL & BANDAR
- 313 • JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR
- 321 • JABATAN KAWALAN BANGUNAN
- 327 • JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN



**Datuk Seri Haji Mhd Amin Nordin bin Abd Aziz**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

# PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Wilayahku Ceria

Alhamdulillah, pertamanya ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas berkat keizinan dan kurniaNya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan 2016 DBKL. Saya percaya, dengan penerbitan laporan ini, ia dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pelbagai pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi tahun 2016, pelbagai kejayaan telah diperolehi oleh DBKL di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Secara umumnya, DBKL berjaya mengekalkan prestasi sebagai PBT yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada warga kota.

Kejayaan DBKL merangkul Minister Award for Best Overall Performance 2016 sempena Hari Perancang Bandar Sedunia bagi penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan warga DBKL.

Seterusnya, DBKL dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam telah menjadi PBT yang pertama menyediakan kaunter 1Serve dan 1Pesara untuk kemudahan warga kota dan penjawat awam yang berada di sekitar Kuala Lumpur. 1Serve adalah

inisiatif transformasi kerajaan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bertujuan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan sektor awam.

Kejayaan yang telah dikecapi oleh DBKL ini diharap dapat meningkatkan semangat, kesungguhan dan akauntabiliti setiap warga DBKL dan warga kota untuk bersama-sama memastikan Kuala Lumpur mampu mencapai taraf bandar raya bertaraf dunia.

Akhir kata, saya berdoa semoga segala titik peluh dan pengorbanan warga DBKL akan diberkati dan segala urusan akan dipermudahkan Allah SWT, In Sha Allah.

Kuala Lumpur Bandar Raya Bertaraf Dunia Menjelang 2020 – Ayuh kita bersama-sama terus mengorak langkah untuk mencapai visi ini.

**DATUK SERI HAJI MHD. AMIN NORDIN ABD AZIZ**  
**Datuk Bandar Kuala Lumpur**



## AHLI LEMBAGA PENASIHAT

BANDARAYA KUALA LUMPUR

2016



- 01. YB. DATUK MUSTAPA KAMAL MOHD YUSOFF**
- 02. YBHG. DATUK DR. KAMARIAH NORUDDIN**
- 03. YBHG. DATUK RIZALMAN DATO' MOKHTAR**
- 04. YAD. DATO' SETIA DIRAJA DATO' ABDUL GHANI HAJI PATEH AKHIR**
- 05. YBRS PUAN A.SAMALAH A/P A.ARUMUGAN**
- 06. YBHG. DATO' HJ. MOHD SANI MISTAM**
- 07. YBHG. DATUK SERI FATEH ISKANDAR TAN SRI DATO' MOHAMED MANSOR**
- 08. YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN MOHD RAFIQUE**



## AHLI LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR LANTIKAN 2016



09. YBHG. DATUK WILSON LAU HOI KEONG
10. YBRS. ENCIK AHMAD FAISAL ABDUL KARIM
11. YBHG. DATO' SHAHROL ANUWAR SARMAN
12. YBHG. DATUK S. RAJAH
13. YAD. DATO' SETIA HAJI RAMLI MAHMUD
14. YBRS. AR. EZUMI HARZANI ISMAIL
15. YBRS. ENCIK NG HOW DOO



## PENGURUSAN TERTINGGI BANDARAYA KUALA LUMPUR



Datuk Haji  
Mohd. Sauffi bin Muhamad

Pengarah Eksekutif  
(Pembangunan Sosio-Ekonomi)

Datuk Haji Mohd  
Najib bin Mohd

Pengarah Eksekutif  
( Perancangan )

Datuk Haji Abdul  
Samad bin Lope Pihie

Pengarah Eksekutif  
( Pengurusan )

Datuk Syed  
Affandy Ali bin Syed Abid Ali

Pengarah Eksekutif  
( Pengurusan Projek )

Datuk Seri Haji Mhd Amin  
Nordin bin Abd Aziz

Datuk Bandar  
Kuala Lumpur

# CARTA ORGANISASI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



■ BATU ■ WANGSA MAJU ■ KEPONG ■ SEGAMBUT ■ TITIWANGSA ■ BUKIT BINTANG  
 ■ LEMBAH PANTAI ■ CHERAS ■ BANDAR TUN RAZAK ■ SEPUTEH ■ SETIAWANGSA





## LATAR BELAKANG DBKL

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (sole corporation) yang diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

## VISI DBKL

DBKL akan menjadi Pihak Berkua Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

## MISI DBKL

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang.

## OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

## DASAR KUALITI

Menyediakan dan mempertingkatkan perkhidmatan yang efisyen, mesra dan telus selari dengan kemajuan dan pembangunan kakitangan.



## SLOGAN

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

## FUNGSI

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Mengurus dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluarkan dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
12. Menyedia, mengurus dan menyenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid/surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas/teksi, tanah perkuburan dan krematorium).

## PIAGAM PELANGGAN

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial / pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk / Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7 hari).
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja secara berhemah.
8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.

## PENSTRUKTURAN SEMULA DBKL

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan pada 4 Ogos 2015 telah mengumumkan penstrukturran semula DBKL.

Jawatan Ketua Pengarah dan Timbalan – Timbalan Ketua Pengarah dihapuskan dan digantikan dengan jawatan empat Pengarah iaitu Pengarah Eksekutif Perancangan, Pengarah Eksekutif Pengurusan, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi. Dua Jabatan baru yang diwujudkan ialah Jabatan Integriti dan Jabatan Perkhidmatan kawasan. Jabatan yang digabungkan ialah Jabatan Perancangan Fizikal dan Jabatan Perancangan Bandar menjadi Jabatan Perancangan Fizikal & Bandar. Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran digabungkan dengan Jabatan Pengangkutan Bandar menjadi Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar.

Fungsi Elektrikal yang asalnya di bawah Jabatan Pengangkutan Bandar diletakkan kembali dibawah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal. Penstrukturran semula ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015.

### 1.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN TETAP

Selaras dengan kelulusan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kedudukan perjawatan tetap di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan telah berubah seperti berikut:

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Pengurusan Tertinggi	18	18	-
2.	Pengurusan & Profesional	559	526	33
3.	Sokongan I (Kumpulan B)	1236	1178	58
4.	Sokongan I (Kumpulan C)	3646	3536	110
5.	Sokongan II (Kumpulan D)	327	315	12
6.	Sokongan II (IMG)	2636	2299	337
7	Jawatan Jumud (Boleh Diisi – Pindaan Waran)	1048	991	57
8	Jawatan Jumud (Tidak Boleh Diisi)	103	82	21
<b>JUMLAH</b>		<b>9573</b>	<b>8945</b>	<b>628</b>

Kedudukan Perjawatan Tetap Mengikut Kumpulan Perkhidmatan



Pecahan Peratusan Perjawatan Tetap di DBKL

## 2.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN KONTRAK

Manakala kedudukan perjawatan kontrak di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut :

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
1	Pengurusan & Profesional	40
2.	Sokongan I (Kumpulan B)	236
3.	Sokongan I (Kumpulan C)	563
4.	Sokongan II (Kumpulan D)	423
5.	Sokongan II (Kumpulan IMG)	236
<b>JUMLAH</b>		<b>1498</b>

Kedudukan Perjawatan Kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan



Pecahan Peratusan Perjawatan Kontrak di DBKL

## PENCAPAIAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. Sijil Bersih Ketua Audit Negara ke atas penyata Kewangan DBKL bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.
2. Kutipan Hasil-Hasil Meningkat 5% bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 (Berdasarkan Laporan Interim Penyata Kewangan DBKL Pada 31 Disember 2015).
3. Pencapaian Tindakan Dan Kutipan Bayaran Notis Tertunggak dari 1 Februari 2015 hingga 31 Disember 2015 ialah :
  - i. Notis Dibayar Sebanyak RM450,950
  - ii. Kutipan Sebanyak RM20,016,460.00
4. Floria Diraja 2015 oleh Perbadanan Putrajaya
  - i. Piala Pusingan *Royal Floria Garden Prime Award 2015 Government/Corporate*
  - ii. *Gold Award Royal Floria Garden Award (Government Gardens)*
  - iii. *Gold Award Royal Floria Garden Starlight Award (Government Gardens)*
5. ASEAN PR Excellence Award 2015 oleh Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM)  
Keseluruhan – *Silver Award*  
Kategori :
  - i. *PR Campaign – KL Car Free Morning & Anti Dengue*
  - ii. *Crisis Management – Flood Humanitarian Mission to Kuala Krai, Kelantan*
  - iii. *CSR – Herb Garden Local Agenda 21*

# PENGARAH-PENGARAH JABATAN

## JABATAN-JABATAN DI BAWAH PEJABAT DATUK BANDAR




01

02

03

04

- 01. DATUK ROHAYAH BINTI KARIM**  
Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan
- 02. MOHAMAD BIN HAMIM @ MOHAMED KAMARUDDIN**  
Jabatan Audit Dalam
- 03. KHALID BIN ZAKARIA**  
Jabatan Perancangan Korporat
- 04. ZULFIKRI BIN ABD MANAF**  
Jabatan Integriti



# SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI



## 01. **HJ. MUSTAFA BIN MOHD NOR**

Jabatan Penguatkuasaan

## 02. **HJ. WAN MUHAMMAD GHAZALI BIN NOR**

Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti

## 03. **DATO' IBRAHIM BIN YUSOFF**

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja

## 04. **DR. HAYATI BINTI ABDULLAH**

Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar

## 05. **YM TUAN IDZAWI BIN RAJA ISMAIL**

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

## 06. **DR. ISMAIL BIN STAPA**

Jabatan Perkhidmatan Kawasan



## SEKTOR PERANCANGAN



01

02

03

04

### 01. DATUK HJ. SAHROM BIN UJANG

Jabatan Perancangan Bandaraya

### 02. HJ. NURAZIZI BIN MOKHTAR

Jabatan Perancangan Infrastruktur

### 03. ALIAS BIN MARJOSH

Jabatan Kawalan dan Pengawasan Bangunan

### 04. AB. SALIM BIN MANSOR

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan



## SEKTOR PENGURUSAN



01

02

03

04

05

**01. JABARILAH BINTI JA'AFAR**

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

**02. KAMARIAH BINTI IBRAHIM**

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

**03. MOHD SORI BIN HUSAIN**

Jabatan Pengurusan Maklumat

**04. HJ. AZMI BIN ABDUL HAMID**

Jabatan Pentadbiran

**05. OMAR BIN ABAS**

Jabatan Kewangan



# SEKTOR PENGURUSAN PROJEK



## 01. DR. LEONG SIEW MUN

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

## 02. HEW SEE SENG

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

## 03. ABDUL AZIZ BIN YUSOFF


Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar

## 04. ROLAN BIN ABDUL RAHMAN

Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi

## 05. HJ. MOHD SAHAK BIN SURIP

Jabatan Ukur Bahan



# JABATAN AUDIT DALAM

Jabatan Audit Dalam (JAD) telah diwujudkan pada 1 Julai 2011 dengan kekuatan seramai 32 orang pegawai dan kakitangan.

## 1.0. FUNGSI

- 1.1. Menentukan sama ada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan mematuhi dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- 1.2. Menentukan kekukuhannya, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod kewangan, perakaunan dan sistem kawalan dalam organisasi;
- 1.3. Menilai secara teratur dan sistematik operasi organisasi dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan keberkesanan;
- 1.4. Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, pengurusan projek, pengurusan ICT, pengurusan stor dan sumber-sumber lain demi meningkatkan integriti dan akauntabiliti;
- 1.5. Mengemukakan laporan-laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi organisasi supaya keputusan yang tepat dapat dibuat.

## 2.0. OBJEKTIF

- 2.1. Menjalankan audit berpandukan Rancangan Audit Tahunan (RAT) bagi memastikan semua aktiviti serta tanggungjawab Jabatan-Jabatan yang dilaksanakan adalah mengikut peruntukan undang-undang, Arahan Perbendaharaan, prosedur dan pekeliling yang digunakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan mengemukakan kepada Datuk Bandar laporan mengenai hasil auditnya
- 2.2. Membantu menjaga imej DBKL dari segi pengurusan kewangan yang bersih, sempurna dan teratur.

## 3.0. STRUKTUR ORGANISASI

JAD mempunyai lima bahagian seperti berikut :-

- 3.1. Bahagian Audit Sektor Perancangan
- 3.2. Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi
- 3.3. Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek
- 3.4. Bahagian Audit Sektor Pengurusan
- 3.5. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

#### **4.0. Rancangan Audit Tahunan (RAT)**

Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:-

BIL.	TAJUK	AUDITI
1.	Pengurusan Penyewaan Bangunan	JPPH
2.	Pengurusan Penyewaan Perumahan Awam (PA) & Perumahan Rakyat (PPR)	JPPPK
3.	Pengurusan Bayaran Emolumen	JKEW
4.	Keberkesanan e-Lesen (Fasa 2)	JPPP
5.	Keberkesanan Sistem Pusat Khidmat Setempat (OSC)	JPRB
6.	Pengurusan Penyelenggaraan Parit dan Sungai	JKPB
7.	Pengauditan Penyediaan Akaun Penamat Projek	JPPP JUB
8.	Pengauditan Pembayaran Perkhidmatan Pembersihan Sisa Pepejal	JKAS
9.	Kajian Sewaan di Pasar-Pasar DBKL	JPPPP

#### **PERSIDANGAN TAHUNAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP) BERSAMA AGENSI**

Tarikh : 17 hingga 19 Ogos 2016

Lokasi : Hotel Premiera, Kuala Lumpur

Persidangan ini merupakan satu inisiatif di bawah teras 5 Pelan Tranformasi Perkhidmatan Awam KWP

Tema Persidangan ialah **“Audit Dalam Pemangkin Kecemerlangan Organisasi”**

- Membentuk kesefahaman berhubung fungsi, peranan dan kepentingan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam sebagai pemacu kecemerlangan organisasi;
- Memberi nilai tambah terhadap kecemerlangan kualiti tadbir urus organisasi dan penyampaian perkhidmatan;
- Meningkatkan kesedaran memperkasakan Sistem Kawalan Dalaman berhubung prosedur dan sistem operasi di kalangan Auditi bagi mencegah ketirisan dan pembaziran sumber;
- Memperkenalkan Indeks Akauntabiliti sebagai alat ukur pengurusan kewangan yang berkesan di Agensi; dan
- Memberi pendedahan amalan terbaik Audit Dalam.

## Tujuan



Tujuan persidangan adalah untuk mengeratkan perhubungan antara UAD KWP dan Jabatan Audit Dalam Agensi di bawah KWP

### RETREAT GERAK KERJA

Tarikh : 23 hingga 25 November 2016  
Lokasi : Seri Suasana @ PD

#### Objektif :-

- i. Merangka program dan menyusun atur gerak kerja Audit 2017;
- ii. Merangka gerak kerja Pentadbiran JAD 2017;
- iii. Meningkatkan ukhwah bersama demi memantapkan dan melancarkan tugas harian JAD.



# JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan (JUP) ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali dengan nama Bahagian Undang-Undang. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan (JUP). JUP ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP) dan Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

## 1.0. OBJEKTIF

1. Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah Perbadanan Tunggal dan Pihak Berkuasa Tempatan dari segi undang-undang dalam semua transaksi dan dokumentasi perundangan.
2. Memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan-pelanggan dengan menjangkakan isu-isu perundangan dan membantu pentadbiran menyelesaikan isu-isu/masalah berdasarkan amalan pengurusan dan perundangan yang baik.

## 2.0. FUNGSI-FUNGSI UTAMA

1. Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam DBKL.
2. Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
3. Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.
4. Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
5. Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

## 3.0. PEWARTAAN PERUNDANGAN

Sebanyak 21 perundangan telah diwartakan iaitu :

### Akta Kerajaan Tempatan 1976

1. Kadar Tahunan Disatukan 2016
2. UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 – P.U. (A) 230/2016
3. UUK Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 – P.U. (A) 255/2016
4. UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 – P.U. (A) 343/2016
5. UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016 – P.U. (A) 361/2016
6. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 939/2016
7. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 1530/2016

8. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 938/2016
9. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN3926/2016
10. Pemberitahuan di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan dan Tatatertib) 1989 – GN 18751/2016

**Akta Pengangkutan Jalan 1987**

11. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan TLK) WPKL 2016 – P.U.(A) 196/2016
12. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan TLK) WPKL (Pindaan) 2016 – P.U. (A) 277/2016
13. Pelantikan warden lalulintas – P.U. (B) 83/2016
14. Notis di bawah subseksyen 70(2) – P.U. (B) 125/2016
15. Notis di bawah subseksyen 70(2) – P.U. (B) 227/2016
16. Notis di bawah subseksyen 70(2) – P.U. (B) 363/2016
17. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2016 – P.U. (A) 102/2016
18. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2016 – P.U. (A) 154/2016
19. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur)(No. 3) 2016 – P.U. (A) 238/2016

**Akta Ibu Kota Persekutuan 1960**

20. Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 1989 Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat – P.U (B) 418/2016

**Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974**

21. UUK Kerjatanah (WPKL)(Pindaan) 2016 – P.U. (A) 269/2016

## 4.0. SENARAI PERUNDANGAN

Terdapat 28 perundangan yang sedang dalam perbincangan iaitu:-

1. Draf Rang Undang-Undang Perancangan (Pindaan)
2. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan)(Permohonan Untuk Kebenaran Perancangan)(WPKL)
3. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan)(Lembaga Rayuan)
4. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Tatacara Untuk Pemulangan Caj Pembangunan)
5. Draf Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Kelas-Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan) (WPKL)
6. Draf Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL)(Pindaan) 2013
7. Draf Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL)(Pengkompaunan Kesalahan)

8. Draf UUK Vandalisme (WP)
9. Draf UUK Pelesenan Kolam Renang Persendirian (WPKL)
10. Draf UUK Larangan Meludah (WPKL)
11. Draf Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan dan Tata tertib)
12. Draf UUK Tanah Perkuburan Persendirian & Krematorium Persendirian (WPKL)
13. Draf UUK Kerajaan Tempatan (Pusat Sembelih Ayam)(WPKL)
14. Draf UUK Perumahan Awam (WPKL)
15. Draf UUK Kolam Renang (WP)
16. Draf UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (WPKL)
17. Draf UUK Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap
18. Draf UUK Tandas Awam (WPKL)
19. Draf UUK (Lembu Kerbau) Perbandaran
20. Draf UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WPKL)
21. Draf UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (WPKL)
22. Draf UUK Bangunan (WPKL)(Pindaan)
23. Draf Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
24. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
25. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pindaan)
26. Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) (WPKL) (Pindaan)
27. Draf Kaedah-Kaedah Kenderaan Barang (Memuat dan Memunggah) (Kuala Lumpur)
28. Draf RUU Hotel (WPKL)

## 5.0. DOKUMEN PERJANJIAN

Sebanyak 3120 dokumen perjanjian kontrak telah ditandatangani pada tahun 2016. Dokumen perjanjian yang ditandatangani terdiri daripada juruperunding, bekalan, kerja-kerja pemasangan, jualbeli, penyewaan, pinjaman pelajaran, biasiswa, pinjaman kenderaan/komputer, menduduki kuarters, kontrak kakitangan, penyenggaraan, pindahmilik, gadaian, pajakan, penyerahan tanah, penyerahan lantai untuk pusat penjaja dan sebagainya.

## 6.0. PROJEK PENSWASTAAN

Bagi projek-projek penswastaan DBKL, satu perjanjian telah ditandatangani pada 11 Oktober 2016 iaitu *Land Swap Agreement* Antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Paradigma Berkat Sdn Bhd bagi Projek Pembangunan di Salak Selatan.

## 7.0. KES-KES PENDAKWAAN

Kes-kes yang didakwa di Mahkamah dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

1. **DBR 87 – Kes Am :**

Sebanyak 5,426 kes am telah dikendalikan sepanjang tahun 2016 dengan 911 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2015 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2016 adalah sebanyak 4,515.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM138,100.00

2. **DBR 86 – Kes Trafik:**

Sebanyak 46,225 kes trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya telah dikendalikan sepanjang tahun 2016 dengan 13,708 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2015 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2016 adalah sebanyak 32,517. Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM33,550.00

3. **DBR 83 – Kes Tangkapan:**

Kes-kes tangkapan ini melibatkan kesalahan penjaga kereta haram iaitu kesalahan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sebanyak 89 kes tangkapan telah didaftarkan dan jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah RM5,100.00.

## 8.0. KES-KES SIVIL

1. **Kes Tuntutan Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Pada tahun 2016, sebanyak 12,819 kes tuntutan sivil telah dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan jumlah tuntutan sebanyak RM114,410,817.18.

2. **Kes Tuntutan Terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Sebanyak 22 kes tuntutan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur telah diterima dengan jumlah tuntutan sebanyak RM177,357,135.26.

## 9.0. LAPORAN KEWANGAN

Perbelanjaan jabatan telah diluluskan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM10,435,200.00 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM9,273,788.69.

# JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang. Antara fungsi utama jabatan adalah untuk menyelaras perhubungan antara DBKL dengan media menerusi penyampaian/ penyaluran maklumat yang tepat dan cepat; menyelaras penerbitan bahan bercetak, promosi dan pengurusan foto dan video; menyelaras majlis rasmi dan protokol; dan menyelaras hubungan dua hala negara luar dan bandar raya serta lawatan rasmi.

## 1.0. UNIT MEDIA

**Unit Media** sebagai penghubung di antara DBKL dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain daripada itu, unit ini juga menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2016, unit ini telah menyelaras **41 Sidang Media** dan **15 Temubual** bersama **Majlis Pengurusan Tertinggi DBKL** dan **Ketua Jabatan**.

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan hebatan maklumat dapat disampaikan kepada wargakota dan liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak **123 Liputan Media (Press Invitation)**, **135 Kenyataan Media (Press Release)** dan **31 Maklumbalas Media (Press Rebuttal)** sepanjang tahun 2016.

### 1.1. Sukan DBKL Bersama Media 2016 – Boling

Program telah diadakan di Arena Bowl, *Bukit Jalil Golf and Country Club* pada 6 Ogos 2016 khusus untuk mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan menghargai sumbangan pihak media menerusi penulisan mengenai DBKL. Lebih **92 orang pengamal media** hadir meliputi media cetak, media elektronik dan penulis laman blog.



Gambar 1 : Pertandingan Boling Bersama Media

## 2.0. UNIT MAJLIS RASMI & PROTOKOL

Unit Majlis Rasmi dan Protokol telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh DBKL, KWP mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun **2016**, unit ini telah terlibat secara langsung dalam **164** majlis rasmi di mana **123** ialah anjuran jabatan-jabatan dalaman DBKL dan **36** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan serta acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan dan **5** acara majlis rasmi melibatkan lawatan rasmi pembesar asing.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandar Raya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2016 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2016, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

### MAJLIS RASMI (ANJURAN DBKL, BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN) DAN LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING

BULAN	BILANGAN MAJLIS RASMI				JUMLAH
	DBKL	BERSAMA AGENSI KERAJAAN	BERSAMA AGENSI BUKAN KERAJAAN	LAWATAN RASMI PEMBESAR NEGARA	
Januari	8	-	-	-	8
Februari	9	16	-	-	25
Mac	11	1	-	-	12
April	10	3	-	-	13
Mei	14	2	-	2	18
Jun	15	11	-	-	26
Julai	3	-	-	-	3
Ogos	14	-	-	-	14
September	8	2	-	3	13
Oktober	11	-	-	-	11
November	14	-	-	-	14
Disember	6	1	-	-	7
<b>JUMLAH</b>	<b>123</b>	<b>36</b>	<b>-</b>	<b>5</b>	<b>164</b>

Jadual 1: Bilangan Majlis Rasmi Tahun 2016



Perhimpunan Pagi Bulan Januari 2016



Kenduri 1Wilayah Persekutuan Tahun 2016



Program Car Free Morning yang diadakan setiap Ahad minggu pertama dan ketiga setiap bulan tahun 2016

### 3.0. UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Unit ini berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri dan kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berikut merupakan statistik bagi jumlah ketiga-tiga perkara tersebut di atas:

PERKARA	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Jumlah Lawatan Dalam Negeri	34	846
Jumlah Lawatan Luar Negeri	22	265
Jumlah Kunjung Hormat	20	93
<b>JUMLAH</b>	<b>76</b>	<b>1,204</b>

Jadual 2: Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat Tahun 2016

Senarai Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	TARIKH	KUNJUNG HORMAT
1.	5 Januari	Kunjung Hormat daripada <i>Portland Metro Council Oregon Amerika Syarikat</i>
2.	21 Januari	Kunjung Hormat daripada KLFM
3.	21 Januari	Kunjung Hormat daripada <i>City Hall of FARS Municipal Organization</i>
4.	17 Februari	Kunjung Hormat daripada <i>Istanbul Metropolitan Municipality</i>
5.	14 Mac	Kunjung Hormat daripada Duta Besar Iran
6.	19 April	Kunjung Hormat daripada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
7.	27 April	Kunjung Hormat daripada Duta Besar Filipina
8.	21 Julai	Kunjung Hormat daripada <i>Mayor of Hiroshima</i>
9.	5 Ogos	Kunjung Hormat daripada <i>Mayor of Yunlin, Taiwan</i>
10.	26 Ogos	Kunjung Hormat daripada <i>The Steering Committee on Technology and Information of Agencies of the Central Communist Party of Vietnam</i>
11.	30 Ogos	Kunjung Hormat daripada Duta Besar Gambia
12.	5 September	Kunjung Hormat daripada <i>Councilor City of Melbourne</i>
13.	22 September	Kunjung Hormat daripada <i>Duta Kingdom Netherlands</i>
13.	11 Oktober	Kunjung Hormat daripada Duta Besar Lao PDR
14.	13 Disember	Kunjung Hormat daripada <i>Member of Committee, Communist Party of Vietnam</i>
15.	17 Disember	Kunjung Hormat daripada Syabas Sdn. Bhd.

Jadual 3: Senarai Kunjung Hormat Tahun 2016

#### 4.0. UNIT PROMOSI

Unit Promosi berfungsi melaksanakan kerja-kerja penerbitan, percetakan dan menghebahkan aktiviti serta program yang dilaksanakan oleh DBKL. Antara kerja-kerja yang dilakukan oleh Unit Promosi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016

#### **4.1. Menerbitkan Jendela Bandaraya**

Paparan berita dan laporan-laporan mengenai program, aktiviti dan projek yang dijalankan oleh DBKL serta rencana berbentuk informasi untuk makluman umum.

#### **4.2. Diari Tahunan DBKL**

Sebanyak 7730 naskah diari telah dicetak dalam tahun 2016 dan diedarkan secara percuma kepada kakitangan dan pegawai DBKL.

#### **4.3. Penerbitan Kalender Meja (*Desk Pad Calendar*)**

Sebanyak 600 unit kalender meja telah diedarkan kepada pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL (gred 41 dan ke atas).

#### **4.4. Penerbitan Kad-kad Ucapan Perayaan**

Kad-kad perayaan yang diterbitkan adalah seperti berikut:

- a. Kad Perayaan Hari Raya Aidilfitri
- b. Kad Perayaan Tahun Baru Cina
- c. Kad perayaan Deepavali
- d. Kad Perayaan Hari Krismas & Tahun Baru

#### **4.5. Percetakan *Bunting, Banner, Backdrop, Brochure, Buku Program & Pemasangan Iklan Mesej Komuniti di Hentian Bas***

Unit Promosi juga bertanggungjawab dalam membantu menerbitkan *bunting* dan *banner*, *backdrop*, *broucher* dan buku program untuk keperluan majlis/program bagi semua jabatan dalaman DBKL. Selain itu, bagi tahun 2016, unit ini juga menyediakan pelbagai *artwork* Mesej Komuniti untuk paparan di hentian bas yang dimiliki oleh syarikat Parasign Media.

Antaranya program-program yang turut dibantu oleh Unit Promosi seperti berikut:-

- a. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016
- b. Kempen Bayaran Cukai Taksiran
- c. Poster Alternatif Iklan Haram
- d. Bengkel Penyesiahan Aduan Awam
- e. Sukan SEA 29
- f. Majlis Pelancaran Perkhidmatan Kaunter 1Pesara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- g. Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2016
- h. Pertandingan Mencipta Logo Pengurusan Tenaga Lestari

#### **4.6. Portal DBKL**

Pada tahun 2016, Unit Promosi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi Jawatankuasa Pengurusan Kandungan yang diketuai oleh Pengarah JPRK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemaskini informasi berita, acara terkini dan pengumuman semasa di dalam portal.

### **5.0. BAHAGIAN PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN ADUAN AWAM**

Bahagian ini pada asalnya terdiri daripada dua seksyen yang berbeza iaitu Pusat Panggilan Setempat atau *Call Centre* dan Seksyen Khidmat Pelanggan. Penggabungan Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi unit Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) dan Unit Perhubungan Pelanggan (Kaunter 1Serve DBKL).

Fungsi dan peranan Bahagian ini meliputi 3 perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan

#### 5.1. Penerimaan panggilan melalui talian bebas tol 1-800-88-3255 bertempat di pusat panggilan setempat (Call Centre)

Pihak Call Centre telah pun menerima sebanyak **60,733** panggilan.

#### 5.2. Penerimaan dan penyelesaian aduan

Call Centre telah pun menerima sebanyak **21,188** aduan. Janaan data pada 13 Februari 2017 menunjukkan sebanyak **21,169 (99%)** aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak **19** aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan **Mac 2017**.

KATEGORI	TERIMA	PERATUS (%)
Kemudahan Awam	7,362	35%
Pokok	2,284	11%
Binatang	1,897	9%
Halangan	1,550	7%
Kebersihan	1,426	7%

Jadual 4: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

#### 5.3. Kehadiran pelanggan di Kaunter Khidmat Pelanggan -1Serve DBKL



Program Hari Bertemu Pelanggan

Seramai **4,230** orang pelanggan telah datang berurus di Kaunter Khidmat Pelanggan dari bulan Januari hingga Disember 2016 dengan purata kehadiran pelanggan adalah sebanyak **353** orang sebulan.

## JABATAN INTEGRITI

Jabatan Integriti ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 susulan dari Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat persekutuan dan negeri serta bertindak sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan di semua agensi awam. Jabatan Integriti menjalankan enam fungsi utama iaitu **Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Siasatan dan Risikan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.**

### 1.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2016

Peruntukan Tahun 2016 = RM 1,025,500.00

Perbelanjaan Tahun 2016 = RM 802,613.20

Peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan tahun 2016 adalah 78.3%.

### 2.0. FUNGSI UTAMA

Jabatan Integriti menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu :

- 2.1. **Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- 2.2. **Pengukuhan Integriti** - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- 2.3. **Siasatan dan Risikan** - Mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- 2.4. **Pengurusan Aduan** - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- 2.5. **Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;
- 2.6. **Tatatertib** - Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib;

### 3.0. STATISTIK AKTIVITI / PROGRAM JABATAN INTEGRITI

#### 3.1. Pengurusan Aduan

Unit Aduan berfungsi untuk menerima aduan kelakuan kakitangan melalui pelbagai kaedah. Antaranya surat layang, surat-menyurat, panggilan telefon, bersemuka dan sebagainya.

##### 3.1.1. Statistik Jenis Aduan

Sebanyak 129 aduan diterima dan 50 daripada aduan tersebut diterima terus daripada SPRM. Ringkasan adalah seperti berikut:

BIL	CARA PENERIMAAN ADUAN	JUMLAH
1.	Surat layang	25
2.	Pengadu datang sendiri	12
3.	<i>Emel</i>	7
4.	Surat menyurat	23
5.	Panggilan telefon / aplikasi <i>whatsapp</i>	2
6.	Lain-lain (sila nyatakan)	
	i) SPRM	50
	ii) Aduan ISPAAA	-
	iii) Arahan Pegawai	10
<b>JUMLAH</b>		<b>129</b>

### 3.1.2. Klasifikasi Aduan Mengikut Sektor

Aduan yang diterima juga dipecahkan mengikut sektor di mana Sektor Pentadbiran mempunyai jumlah terbanyak iaitu sebanyak 72 aduan yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti ringkasan berikut:

BIL.	KLASIFIKASI ADUAN MENGIKUT SEKTOR	JUMLAH
1.	Sektor Pentadbiran	72
2.	Sektor Perolehan	17
3.	Sektor Kewangan	5
4.	Sektor Penguatkuasaan	20
5.	Sektor Pelesenan	10
6.	Lain-lain (sila nyatakan)	5
<b>JUMLAH</b>		<b>129</b>

### 3.2. SIASATAN

Unit Siasatan akan menerima dan memproses aduan yang diterima di Jabatan. Sebelum siasatan dibuat, aduan yang diterima perlu dinilai sama ada berasas dan tidak berasas. Sekiranya berasas, siasatan akan dimulakan dan Kertas Siasatan dibuka melibatkan pengadu dan yang diadu untuk tindakan sewajarnya.

### 3.2.1. Statistik Kertas Siasatan Mengikut Jenis Kesalahan

Siasatan yang dibuat dipecahkan mengikut jenis kesalahan seperti berikut:

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1.	Rasuah (menerima)	-
2.	Rasuah (memberi / menawarkan)	-
3.	Salahguna kuasa	-
4.	Penyelewengan	-
5.	Tuntutan palsu	-
6.	Tipu / Pecah Amanah	-
7.	Kesalahan pentadbiran	
	1. Tatatertib	-
	2. Salah laku kakitangan	24
	3. Lain-lain kesalahan pentadbiran	-
8.	Lain-lain kesalahan (sila nyatakan) i) Proses Kerja ii) Kualiti Perkhidmatan	1 -
	<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>

### 3.2.2. Tindakan Ke Atas Maklumat dan Aduan

Maklumat dan aduan yang diterima sepanjang tahun 2016 telah diambil tindakan seperti berikut:

BIL.	TINDAKAN	JUMLAH
1.	Dirujuk ke SPRM	16
2.	Dirujuk ke Jabatan	68
3.	Tiada Tindakan Susulan (NFA)/ Tutup Kes	8
4.	Dalam Perhatian Jabatan (KIV)	12
	<b>JUMLAH</b>	<b>104</b>

## 3.3. TATATERTIB

### 3.3.1. Jenis Kesalahan Tatatertib

Terdapat 123 kes tatatertib yang dijalankan. Kes yang mencatat rekod tertinggi adalah berkaitan dengan ketidakhadiran/ kehadiran iaitu sebanyak 80 kes.

Ringkasan jenis kesalahan adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1	Ketidakhadiran	80
2	Gagal Mengakses Kad Waktu Masuk Dan Keluar	14
3	Datang Lewat	7
4	Cuti Sakit Melebihi Kelayakan	11
5	Meninggalkan Tempat Bertugas Tanpa Kebenaran	1
6	Sijil Cuti Sakit Palsu	8
7	Lewat Menghantar Buku Resit	1
8	Mengeluarkan Kenyataan Melalui Media	1
<b>JUMLAH</b>		<b>123</b>

### 3.3.2. Jenis Hukuman Tatatertib yang dijatuhkan

Terdapat 192 hukuman telah dijatuhkan kepada pegawai/ kakitangan antaranya Perlucutahkan Gaji dan Amaran dengan 77 hukuman setiap satu hukuman.

Ringkasan hukuman mengikut jenis adalah seperti berikut:

BIL	JENIS HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran	77
2	Celaan	0
3	Denda	18
4	Perlucutahkan Gaji	77
5	Turun Gaji	1
6	Turun Pangkat	0
7	Buang Kerja	9
8	Warta	5
9	Surcaj	0
10	Kes Digugurkan	5
<b>JUMLAH</b>		<b>192</b>

## 4.0. PENGUKUHAN INTEGRITI

Sebanyak 26 program integriti telah dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dengan dihadiri oleh 1,831 orang warga DBKL. Dari jumlah tersebut, seramai 142 peserta adalah dari Kumpulan Pengurusan dan Professional, 291 peserta dari Kumpulan Sokongan 1,995 peserta dari Kumpulan sokongan 2 dan 403 peserta dari Kumpulan Pelaksana.

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	24 Februari 2016	Auditorium, PKL
2.	Kursus Pemahaman Pelan Integriti DBKL Untuk Pegawai Integriti Jabatan DBKL	7- 9 Mac 2016	<i>Cherengin Hills</i> , Janda Baik,Pahang
3.	Program Pengukuhan Sahsiah	18 Mac 2016	Dewan Seminar, Masjid Jamek KL
4.	<i>Executive Talk</i> Oleh SPRM Berkaitan Isu Integriti DBKL Kepada Pengurusan Tertinggi DBKL	8 April 2016	Bilik Gerakan,Tkt 3, Menara DBKL 1
5.	Ceramah Pengisahan Tirai Besi	19 April 2016	Auditorium, PKL
6.	Kursus Pemantapan Integriti Untuk Kakitangan DBKL	25-27 Mei 2016	Seri Suasana @ DBKL, Port Dickson
7.	Kursus Pemantapan Ibadah Korban (Teori dan Praktikal) Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	25 Ogos 2016	Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju
8.	Program Khas Bicara Integriti Diae Selebriti	20 September 2016	Auditorium, Menara DBKL 1
9.	Kursus Pengurusan Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan	27-28 September 2016	Bilik Kuliah, Tkt 4, IDB
10.	Ceramah Pembentukan Sahsiah Diri Untuk Anggota Jabatan Penguatkuasan DBKL	28 Oktober 2016	Bilik Pulapen, JPK
11.	Ceramah Pemantapan Ibadah Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	18 November 2016	Auditorium, PKL
12.	Kursus Pemantapan Integriti Untuk Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL	29/ November – 1 Disember 2016	<i>Felda Residence Hot Spring</i> , Sungai Perak

Program integriti ini diadakan adalah untuk membangunkan modal insan peserta dalam mengamalkan nilai-nilai murni dan meningkatkan tahap integriti warga DBKL. Selain itu, program-program yang diadakan juga adalah untuk memotivasi warga DBKL bagi mempersiapkan diri ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti di samping membentuk sahsiah peribadi.

Berikut merupakan antara koleksi bergambar bagi program sepanjang Tahun 2016:



**CERAMAH INTEGRITI**



**PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI**



**KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI**



**PROGRAM PEMANTAPAN IBADAH KORBAN**

## 5.0. PEMATUHAN

Unit Pematuhan berperanan memastikan peraturan, undang-undang, sistem dan prosedur yang diwujudkan di Jabatan-Jabatan dilaksanakan dan dipatuhi oleh pegawai dan kakitangan di dalam aspek pelaksanaan tugas dan kerja sehari-hari.

Pemeriksaan pematuhan dan naziran integriti dilaksanakan bertujuan mengelakkan berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa, akibat ketidakpatuhan kepada sistem prosedur sediada, kelemahan sistem kerja sedia ada dan juga akibat tiadanya SOP yang bersesuaian bagi memberi panduan kepada pelaksanaan satu-satu kerja. Unit melaksanakan fungsinya melalui proses pemeriksaan pematuhan dan naziran integriti ke Jabatan-jabatan, unit dan pejabat cawangan.

Pada tahun 2016, Unit juga terlibat dengan Operasi Banteras Aktiviti Haram (Ops BAH) yang dianjurkan oleh Jabatan dalaman DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Antara aktiviti pematuhan dan naziran integriti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL	NAZIRAN / OPERASI MENGIKUT JABATAN	JUMLAH
1	Kementerian Wilayah Persekutuan	5
2	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	6
3	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	5
4	Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	4
5	Jabatan Perkhidmatan Kawasan	2
6	Jabatan Pentadbiran	1
7	Jabatan Penguatkuasaan	2
8	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>

Antara Operasi dan Aktiviti Pematuhan yang diadakan sepanjang Tahun 2016:

BIL	OPERASI / AKTIVITI PEMATUHAN	LOKASI OPERASI
1	Operasi Banteras Aktiviti Haram (BAH)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pusat Judi Q-Club Jalan Mengkudu, Ampang</li> <li>2. Perumahan Awam Sri Perak</li> <li>3. Rumah Tumpangan "No One Lodge", Pudu</li> <li>4. Hotel Bajet "Putra Hotel", Jalan Putra</li> <li>5. Pusat Snooker, Darts, Perjudian &amp; Rumah Urut, Jalan Maluri</li> <li>6. Kelab CS3, Jalan Kuchai Lama</li> <li>7. Pusat Hiburan, Taman Shamelin Perkasa</li> <li>8. Kelab Snooker, Bandar Tun Razak</li> </ol>
2	Naziran Bazaar Ramadhan 2016	Bazaar Ramadhan di Lorong Tunku Abdul Rahman & Jalan Masjid India
3	Operasi Meroboh Binaan Tambahan Tanpa Izin – Kawasan Blueprint Fasa 2 (Medan Idaman Business Center)	Lorong Belakang Pasaraya Ong Tai Kim, Jalan Jernai 3, Medan Idaman Business Center, Wangsa Maju.
4	Naziran Operasi Bersepadu Ke Atas Aktiviti Penjaja Tanpa Kebenaran Di Taman-Taman Awam	Taman Tasik Metropolitan/Titiwangsa
5	Naziran Operasi Penguatkuasaan (Roboh / Alih Barang dan Peralatan) Tanpa Perintah Pembangunan	Lot 2215, Jalan Raja Uda, Kampung Baru
6	Naziran Majlis Cabutan Undi Giliran Projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAHWIP) Residensi Razakmas	Dewan Megapuri, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
7	Naziran Lawatan Prestasi / Pengauditan Bagi Kerja-Kerja Membekal, Menanam Dan Menyelenggara Kerja-Kerja Landskap Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jalan Sultan Ismail</li> <li>2. Jalan Ampang KLCC</li> <li>3. Jalan Tun Razak</li> <li>4. Jalan Parlimen</li> </ol>
8	Lawatan Pengesahan Bagi Kerja-Kerja Mencantas Dan Menebang Pokok-Pokok Di Sekitar Kuala Lumpur	Sekitar Parlimen Seputeh dan Lembah Pantai

Berikut merupakan antara koleksi bergambar bagi operasi sepanjang Tahun 2016



**OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (BAH) DI PUSAT JUDI**



**OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (BAH) DI KELAB MALAM**



**OPERASI BANTERAS AKTIVITI HARAM (BAH) DI HOTEL BAJET**



**OPERASI PENGUATKUASAAN PENJAJA WARGA ASING**

## 6.0. TADBIR URUS

### 6.1. IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CORPORATE INTEGRITY PLEDGE)

Satu deklarasi oleh sesebuah organisasi korporat di Malaysia untuk menyokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ia juga dapat membantu organisasi dalam mengambil langkah pertama mengesan kegiatan rasuah serta memperkuatkan sistem kawalan dalam organisasi bagi mencegah rasuah.

Jabatan ini juga tidak terkecuali daripada menjalankan program ikrar ini kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan di DBKL.

4 program Ikran Integriti Korporat (CIP) yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

BIL	TARIKH PROGRAM	JABATAN TERLIBAT	BIL. KONTRAKTOR DIJEMPUT
1.	28 April 2016	Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan (JPP&PB)	44
2.	26 September 2016	Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar (JKAPB)	80
3.	28 November 2016	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (JKME)	49
4.	6 Disember 2016	Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar (JKAPB)	21
<b>JUMLAH</b>			<b>194</b>

Berikut merupakan antara koleksi bergambar bagi Program CIP Tahun 2016:



**IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)**

## 6.2. HARI INTEGRITI

Sambutan Hari Integriti peringkat DBKL telah diadakan pada 5 Disember 2016 iaitu pada hari Perhimpunan Bulanan DBKL dengan tema “Integriti Di Hatiku”.

Pengisian program pada hari berkenaan termasuklah Bacaan Ikrar Integriti oleh semua warga kerja DBKL dan Slot Ceramah Integriti yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Musa bin Tan Sri Hj. Hassan, mantan Ketua Polis Negara yang bertajuk “Integriti Di Hatiku”



**IKRAR INTEGRITI OLEH WARGA KERJA DBKL**





**CERAMAH “INTEGRITI DI HATIKU” OLEH MANTAN KETUA POLIS NEGARA,  
YBHG. TAN SRI MUSA BIN TAN SRI HJ. HASSEN**





# sektor **Pengurusan**



*BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG*

# JABATAN KEWANGAN

## 1.0. FUNGSI

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Jabatan Bendahari dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 257 orang. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian dan duabelas (12) unit.

## 2.0. LAPORAN PRESTASI BELANJAWAN DBKL 2016

### 2.1. Sumber-sumber Pembiayaan DBKL

BIL	PERKARA	RM	PERATUS %
1.	Hasil Cukai	1,026,114,000	37%
2.	Hasil Bukan Cukai	998,614,700	36%
3.	Rancangan Malaysia Ke-11	246,500,000	9%
4.	<i>National Key Economic Areas (NKEA - Greater KL / KV)</i>	170,100,000	6%
5.	Kumpulan Wang Penswastaan	93,074,600	3%
6.	Sewaan Perumahan Awam & Rakyat	82,441,000	3%
7.	Bantuan Kerajaan Pusat	89,700,000	3%
8.	<i>National Key Result Areas (NKRA)</i>	6,800,000	1%
9.	Swasta (Petronas)	2,000,000	1%
10.	Lain-Lain Pembiayaan	9,300,000	1%
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,724,644,300</b>	<b>100%</b>

## 2.2. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengurus DBKL 2016

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	% BELANJA
1.	Emolumen	492,319,680	444,198,903	90.2
2.	Bayaran Lebih Masa	73,988,220	72,114,401	97.5
3.	Perkhidmatan & Bekalan	1,069,296,025	889,551,401	83.2
4.	Pemberian & Kenaan Tetap	47,948,000	46,664,290	97.3
5.	Perbelanjaan Lain	36,814,700	24,400,959	66.3
6.	Aset Kecil (Inventori)	7,277,675	3,305,322	45.4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,727,644,300</b>	<b>1,480,235,276</b>	<b>85.7</b>

## 2.4. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan DBKL 2016

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	% BELANJA
<b>A.</b>	<b>Projek Pembangunan</b>			
1.	DBKL	1,075,269,900	1,046,847,623	97.4
2.	Rancangan Malaysia Ke-11	197,206,000	197,072,096	99.9
3.	<i>National Key Result Areas (NKRA)</i>	4,724,000	3,775,341	79.9
4.	<i>National Key Economic Areas (NKEA - Greater KL / KV)</i>	100,000,000	98,190,919	98.2
5.	Swasta (Petronas)	4,000,000	3,559,537	89.0
6.	Lain-lain Pembiayaan	11,700,000	10,928,091	93.4
<b>B.</b>	<b>Aset Modal - Kenderaan, Jentera, Aset dan Komputer</b>	31,180,100	29,523,610	94.7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,424,080,000</b>	<b>1,389,897,217</b>	<b>97.60</b>

### 3.0. PENGURUSAN BAJET

DBKL telah mengadakan *Retreat Bajet 2017* pada 15 hingga 17 Ogos 2016 yang telah diadakan selama tiga (3) hari bertempat di *Nilai Spring Resort*, Negeri Sembilan yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi DBKL dan semua ketua jabatan. Tujuan *retreat* diadakan adalah untuk membincangkan perancangan dan pelaksanaan program, aktiviti serta projek yang direncanakan oleh DBKL dengan mengambil kira pandangan, cadangan dan syor yang dikemukakan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL.

Dialog Bajet DBKL 2017 bersama Ahli Parlimen dan Pemimpin Masyarakat juga telah diadakan pada 4 November 2016 di Dewan Perdana Mestika IDB Bandar Tun Razak.

Bajet DBKL 2017 yang telah diluluskan adalah seperti berikut :-

- |                           |                         |
|---------------------------|-------------------------|
| a. Peruntukan Mengurus    | <b>RM 1,728,485,000</b> |
| b. Peruntukan Pembangunan | <b>RM 1,143,120,000</b> |
| Keseluruhan Bajet 2017 =  | <b>RM 2,871,605,000</b> |
| Anggaran Hasil DBKL =     | <b>RM 2,475,665,000</b> |

#### Majlis Dialog Bajet 2017 Bersama Ahli Parlimen dan Pemimpin Masyarakat Kuala Lumpur



Sidang Media Bajet DBKL 2017 yang telah diadakan pada 14 November 2016



## JABATAN PENTADBIRAN

Jabatan Pentadbiran pada awalnya dikenali sebagai Urusetia Bandaraya yang telah ditubuhkan pada tahun 1970. Manakala pada 1 Januari 1996, Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Bandaraya bersama Jabatan Personel telah digabungkan dan diwujudkan Jabatan Pengurusan Organisasi (JPO).

Pada 15 Ogos 2003 di bawah skim SSM, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan 4 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan, Jawatankuasa Tindakan dan pada awal Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan ini sehingga pertengahan bulan Disember 2006. Pada awal Januari 2007 Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran.

Walau bagaimanapun selepas penstrukturkan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi dan Korporat, Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur telah dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Kini Jabatan Pentadbiran mempunyai 5 bahagian utama sahaja iaitu Bahagian Pengurusan Perolehan, Bahagian Pentadbiran & Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Aset, Bahagian Urus Bangunan dan Pusat Rekod.

## FUNGSI UTAMA

Jabatan Pentadbiran diletakkan di bawah sektor Pengurusan yang diselia oleh Pengarah Eksekutif Pengurusan dan dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu:

- i) Bahagian Pengurusan Perolehan
- ii) Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan
- iii) Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan
- iv) Bahagian Pengurusan Rekod

Jabatan Pentadbiran diketuai oleh Pegawai Tadbir gred N54 dan mempunyai fungsi-fungsi utama seperti berikut:-

1. Keurusetiaan Mesyuarat Lembaga Penasihat, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan dan perjumpaan Datuk Bandar dan Ahli Parlimen WPKL.
2. Menyelaras jawapan pertanyaan parlimen peringkat DBKL.
3. Menguruskan pengurusan perolehan dan pelupusan harta Datuk Bandar berdasarkan perintah tetap Perolehan Bekalan Perkhidmatan dan Kerja Datuk Bandar Kuala Lumpur Bil.1/2012 dan kaedah perolehan yang diterimakai serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
4. Memastikan pengurusan aset alih Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut Tatacara Perintah Tetap, Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur tahun 2009.
5. Menguruskan bangunan Menara 1,2,3 dan PT 80.
6. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan Jabatan.
7. Menyelaras Acara Rasmi di Peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan dan Kebangsaan
8. Menyediakan Laporan Tahunan DBKL
9. Menguruskan penghantaran dan penerimaan surat-surat dan bungkusan.

## 1.0. BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Kewangan, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

### 1.1. Fungsi-Fungsi Utama

#### i. Unit Pentadbiran dan Kewangan.

- a) Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
  1. Perhimpunan Bulanan
  2. Sambutan Hari Pekerja
  3. Majlis Berbuka Puasa
  4. Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas)
- b) Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.
- c) Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.
- d) Menyelaras penyediaan kad e-akses pegawai / kakitangan DBKL.
- e) Mengurus perolehan, inventori dan asset jabatan termasuk Jawatankuasa Pelupusan Harta Jabatan.

#### ii. Unit Penyelarasan Acara

- a) Menyelaras pelantikan panel kontraktor bagi:
  - Katerer
  - Pemasangan bunting dan *billboard*
  - Pakaian seragam bagi Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.
- b) Menyelaras urusan jamuan/aktiviti sosial peringkat DBKL/ KWP
- c) Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL/ KWP/Kebangsaan/ Antarabangsa.
  - Sambutan Hari Kemerdekaan
  - Sambutan Hari Keputeraan YDP Agong
  - Kempen Kibar Bendera Wilayah sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan
  - Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari masa ke semasa
- d) Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
  - Mengurus & menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
  - Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.
- f) Menyelaras Program *My Best Buy*.
- g) Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.
- h) Urusetria sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan

### iii. Unit Keurusetiaan

- a. Menyelaras dan mengurus Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Ketua-ketua Jabatan, Mesyuarat PEMUDAH dan Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- b. Sepanjang tahun, unit ini telah menyelaraskan lima kali Mesyuarat Lembaga Penasihat, lapan siri Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan, sekali Mesyuarat PEMUDAH dan empat kali Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen WPKL.

#### 1.2. Aktiviti – Aktiviti Utama Sepanjang Tahun 2016



Perhimpunan Bulanan DBKL 2016



(Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas)



## Sambutan Majlis Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2016/1438H



Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang 2016

## 2.0. BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN

Ditubuhkan pada 15 Ogos 2003, berikutan penyusunan semula carta organisasi DBKL. Sebelum itu, Bahagian Pengurusan Perolehan bergabung dengan Bahagian Ukur Bahan di bawah Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan.

### 2.1. Fungsi-Fungsi Utama

- i. Menguruskan perolehan tender supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- ii. Menguruskan perolehan sebut harga dan kerja undi supaya selaras dengan kaedah perolehan yang ditetapkan.
- iii. Menguruskan pentadbiran kontrak seperti berikut:
  - Arahan Perubahan
  - Lanjutan Masa Kontrak
  - Rundingan Harga
  - Perkhidmatan Perunding
    - Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
    - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
    - Penyelarasan Fees Khidmat Perunding
- iv. Menguruskan hal ehwal kakitangan, pengurusan pentadbiran, pengurusan maklumat serta urusan pejabat dengan lebih berkesan melalui kaedah pengurusan terkini.

### 2.2. PRESTASI AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA


#### 2.2.1. Perolehan Tender, Sebut Harga Dan Kerja Undi

Sepanjang tahun 2016, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak **762** tawaran merangkumi perolehan tender, sebut harga dan kerja undi. Daripada perolehan tersebut, sebanyak **232** perolehan **tender**, **224** perolehan **sebut harga**, **286** perolehan **kerja undi** dan **20** perolehan **perkhidmatan perunding** telah dijalankan. **Jadual** dan **Gambar Rajah** berikut ialah adalah pecahan terperinci mengikut kategori perolehan:

Jadual 1 : Perolehan DBKL 2016

BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN PEROLEHAN
1.	TENDER	232
2.	SEBUT HARGA	224
3.	KERJA UNDI	286
4.	PERUNDING	20
	<b>JUMLAH</b>	<b>762</b>


Gambar Rajah 1 : Perolehan DBKL Tahun 2015 Dan 2016



Jadual 2 : Nilai Perolehan DBKL Tahun 2016

BIL.	KATEGORI PEROLEHAN	BILANGAN AWARD	NILAI (RM)
1.	TENDER	128	655,852,776.62
2.	SEBUT HARGA	144	66,722,368.05
3.	KERJA UNDI	286	20,816,957.20
4.	PERUNDING	20	18,586,840.74
	<b>JUMLAH</b>	<b>583</b>	<b>741,182,802.36</b>

Gambar Rajah 2 : Nilai Award (RM) Tahun 2015 dan 2016



### 2.3. Pengiklanan dan Penjualan Dokumen Tender dan Sebut harga

- 2.3.1. Tawaran Tender yang dipelawa sepanjang tahun 2016 telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu Utusan Malaysia dan *News Strait Times Press*. Penjualan dokumen Tender dan Sebut harga dibuat secara atas talian di [eperolehan.dbkl.gov.my](#). Transaksi pembayaran juga dibuat secara atas talian.
- 2.3.2. Penjualan dokumen Tender dan Sebut harga sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak **RM2,031,900.00**.
- 2.3.3. Pendaftaran pihak kontraktor sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak **2,209** pendaftaran telah dilakukan dan jumlah kutipan pendaftaran sepanjang tahun tersebut adalah sebanyak **RM268,700.00**.

## 3.0. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

### 3.1. Tugas dan Tanggungjawab Unit Pengurusan Aset dan Bangunan

- 3.1.1. Unit Pengurusan Aset adalah bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih / Jabatan meliputi:-
  - a) Penerimaan;
  - b) Pendaftaran;
  - c) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan;
  - d) Penyelenggaraan;
  - e) Pelupusan;
  - f) Kehilangan dan Hapus Kira.
- 3.1.2. Menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan.

- 3.1.3. Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPA) DBKL;
- 3.1.4. Menyelaras Laporan Suku Tahun daripada Kementerian/ Jabatan/ PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK yang akan diadakan setiap tiga (3) bulan sekali;
- 3.1.5. Menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan ke Jabatan Kewangan sebelum 28 Feb tahun berikutnya.

## 4.0. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

### 4.1. Tugas dan Tanggungjawab Unit Pengurusan Aset

- 4.1.1. Unit Pengurusan Aset adalah bertanggungjawab untuk menguruskan semua Aset Alih / Jabatan meliputi:-
  - g) Penerimaan;
  - h) Pendaftaran;
  - i) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan;
  - j) Penyelenggaraan;
  - k) Pelupusan;
  - l) Kehilangan dan Hapus Kira
- 4.1.2. Menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan
- 4.1.3. Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPA) DBKL;
- 4.1.4. Menyelaras Laporan Suku Tahun daripada Kementerian/ Jabatan/PTJ untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK yang akan diadakan setiap tiga (3) bulan sekali;
- 4.1.5. Menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan ke Jabatan Kewangan sebelum 28 Feb tahun berikutnya.

### 4.2. Jadual Pelupusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

Berikut adalah pecahan mengikut kategori aset seperti berikut:-

Jenis Pelupusan	Aset Alih	Aset Tak Alih	Aset Hidup	Aset Sitaan	Aset Stok	Jum. Keseluruhan Bil. Mesyuarat
Bilangan Mesyuarat	34	1	-	20	-	55

#### 4.2.1. Pemeriksaan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

Tujuan pemeriksaan diadakan bagi memastikan setiap aset mempunyai rekod/berdaftar yang lengkap, tepat dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu juga, setiap aset perlu berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar dan mengetahui keadaan aset tersebut berada dalam keadaan baik.

Pemeriksaan aset ini di jalankan berdasarkan kepada keadaan fizikal, rekod dan penempatan aset tersebut. Pemeriksaan aset ini hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan (BPAB) termasuk Jabatan/Pejabat seperti berikut :-

Jabatan/Pejabat Cawangan	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	5 Pejabat
Jabatan	24 Jabatan
Pejabat Cawangan	11 Pejabat
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>40</b>



Pemeriksaan Aset Alih

#### 4.2.2. Anugerah Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan Di DBKL

Pelaksanaan ini merangkumi aspek keselamatan seperti berikut:-

- i. Komitmen Pengurusan
- ii. Keselamatan Fizikal
- iii. Keselamatan Dokumen
- iv. Keselamatan Peribadi

DBKL telah menerima laporan penuh daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK) pada 27 Oktober 2016. Secara keseluruhan, DBKL telah berjaya mendapat 5 bintang dengan markah sebanyak 97 %.

### 4.3. UNIT URUS BANGUNAN

Memberi perkhidmatan dan menguruskan bangunan Menara DBKL 1,2,3 dan Pusat Perdagangan Jalan Bunus PT 80, Dataran Merdeka, Dataran DBKL dan hak milik Datuk Bandar di bawah seliaan Jabatan Pentadbiran.

#### 4.3.1. Fungsi Utama

- Pengurusan Bangunan (Tempat Letak Kereta, Kawalan Keselamatan, Pembersihan, Pengurusan Lanskap dan lain-lain).
- Perkhidmatan Bangunan (Penyewaan venue).
- Perkhidmatan Logistik.
- Pemantauan terhadap permohonan, perancangan dan prestasi perlaksanaan projek ubahsuai jabatan DBKL
- Penyelaras maklumbalas Parlimen.
- Pengendali Sistem Operator Telefon DBKL
- Perkhidmatan percetakan.

#### 4.3.2. Terdapat 2 Unit Di Bawah Seliaan Unit Urus Bangunan

##### A. FUNGSI UNIT REPROGRAFI

- Menguruskan hal ehwal percetakan.
- Menyelenggara mesin-mesin percetakan.

##### B. FUNGSI PARLIMEN

- Menyelaras jawapan maklumbalas Parlimen dari setiap jabatan DBKL

#### 4.3.3. Statistik Permohonan Penggunaan Venue

Bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 melalui e-Booking

Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Di tolak	Di batalkan
1.	Bilik Mesyuarat Tingkat 3	381	53	159	105	28	1	35
2.	Bilik Gerakan Tingkat 3	148	0	48	81	11	0	8
3.	Bilik Jamuan Tingkat 3	90	11	19	52	5	0	3
4.	Bilik Lembaga Tingkat 29	245	26	66	93	35	1	24
5.	Bilik Putra Tingkat 29	165	33	84	24	6	1	17
6.	Bilik Jamuan Tingkat 29	18	4	3	8	1	0	2
7.	Dewan Megapuri Tingkat 30	225	33	39	115	24	0	14
8.	Bilik Biru Tingkat 30	104	0	13	81	6	1	3
9.	Auditorium DBKL	90	0	40	33	14	1	2
10.	Anjung Singgahsana Tingkat 1 Auditorium	10	0	2	8	0	0	0
11.	Dataran Merdeka / Jalan Raja	97	0	68	0	24	0	5
12.	Dataran DBKL	27	0	24	0	1	2	0
13.	Lobi Menara 1	4	0	4	0	0	0	0

## 5.0. BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD

- 5.1. Fungsi-fungsi utama Bahagian Pengurusan Rekod seperti berikut:
- Merangka dasar, prosedur dan garis panduan berkaitan pengurusan rekod di DBKL.
  - Memastikan rekod DBKL diuruskan dengan sistematik dan berkesan mengikut peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan agar rekod dapat dipelihara dan diakses semula.
  - Memantau aktiviti pelupusan rekod DBKL dilaksanakan secara sistematik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
  - Memastikan rekod penting dan rekod yang mengandungi nilai-nilai sejarah DBKL dan Kuala Lumpur umumnya diurus dan dipelihara dengan teratur dan selamat.
  - Memastikan pelan tindakan bencana rekod DBKL disediakan dan dilaksanakan
- 5.2. Sebagai makluman, bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Rekod, Unit Repotori, Unit ICT dan Infrastruktur

### A. UNIT REKOD

Unit ini berperanan memastikan Rekod Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa diurus dengan teratur dan sistematik. Fungsi utama unit ini adalah seperti berikut:

- Menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai Pengendalian Fail dan Rekod
- Merancang dan melaksanakan khidmat nasihat pengurusan rekod di peringkat pewujudan, penggunaan dan penyenggaraan serta pemusnahan rekod
- Mengemukakan permohonan pelupusan rekod secara pemusnahan dari jabatan pewujud kepada Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi mendapatkan kebenaran/ kelulusan pemusnahan
- Merancang dan melaksanakan Inspektorat Pengurusan Rekod ke atas rekod-rekod DBKL
- Mengurus dan menyelaras pembangunan Klasifikasi Fail DBKL
- Mengurus dan menyelaras penyediaan Jadual Pelupusan Rekod DBKL
- Mengurus dan menyelaras penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod DBKL
- Merancang dan mengurus program kesedaran pengurusan rekod
- Mengemaskini pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ)

### 5.3. AKTIVITI UNIT REKOD SEPANJANG TAHUN 2016

#### 5.3.1. Program Pemantapan Pengurusan Rekod

- a) Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod



Kursus Pengurusan Rekod DBKL,  
Institut Latihan Dewan Bandaraya  
Kuala Lumpur,  
24 dan 25 Mei 2016

- b) Klasifikasi Fail Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Taklimat Pengharmonian Klasifikasi  
Fail Fungsian Terbaru DBKL  
Bil. 1/2016,  
20 April 2016



Retreat Pengharmonian Klasifikasi Fail  
Fungsian Terbaru DBKL Siri Akhir,  
Hotel Imperial Heritage Melaka,  
17-19 Mei 2016

### 5.3.2. Program Kesedaran Pengurusan Rekod

Pada tahun 2016 hanya Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik sahaja dipertandingkan dan Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak telah memenangi anugerah pada kali ini.




Majlis Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik yang dimenangi oleh Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak, Auditorium DBKL, 5 Disember 2016

### 5.3.3. Program Pemantauan Pengurusan Rekod

Bagi memastikan kepatuhan dalam pengendalian rekod DBKL, beberapa program pemantauan pengurusan rekod telah dijalankan. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan rekod DBKL bagi tahun 2016 ditahap BAIK dengan peratusan pencapaian sebanyak 72%.

## 5.4. Pemusnahan Rekod

Keputusan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Rekod DBKL Bil. 1/2016 yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan) pada 9 Ogos 2016, Bahagian Pengurusan Rekod bertindak sebagai perantara di antara jabatan dan agensi yang memberi kebenaran dan kelulusan pemusnahan rekod iaitu Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (jika perlu). Sepanjang tahun 2016, DBKL telah memusnahkan 788.73 m.p. (meter panjang) rekod dengan pecahan seperti berikut:



## B. UNIT REPOSITORY


Unit Repository merupakan unit yang bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau pemindahan rekod awam dari jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke jagaan dan kawalan OASIS@DBKL untuk simpanan kekal. Antara fungsi lain Unit Repository adalah:

- i. Melaksanakan pemprosesan rekod seperti penyisihan, pewasapan, pembersihan habuk dan kemasukan data ke dalam sistem.
- ii. Mengurus dan memantau kawalan suhu, kelembapan dan keselamatan gedung serta penyelenggaraan mesin-mesin pembersihan.
- iii. Mengurus dan melaksana khidmat nasihat berkaitan dengan pemindahan rekod ke OASIS@DBKL.

### 1.0. Statistik Penerimaan Rekod Awam Untuk Simpanan Kekal Di OASIS @DBKL Pada Tahun 2016

Sehingga 31 Disember 2016, Unit Repository telah menerima sebanyak 615 unit fail dan 986 unit bukan fail untuk disimpan di OASIS@DBKL yang berjumlah sebanyak 1,625 unit rekod. Berikut merupakan pecahan berdasarkan jumlah penerimaan rekod pada tahun 2016.

**Carta Penerimaan Rekod Awam 2016**



### 2.0. Pencapaian Aktiviti Tahunan

#### 2.1. Semakan dan penilaian rekod awam DBKL

Pada Februari 2016, Unit Repository telah melaksanakan semakan dan penilaian rekod awam DBKL yang telah dibahagikan kepada dua fasa.

- Fasa pertama 15 Februari - 8 Mac 2016
- Fasa kedua 7 April - 29 April 2016.

Berikut adalah jadual semakan dan penilaian rekod awam yang telah dilaksanakan pada tahun 2016.

BIL.	TARIKH	PEJABAT PENGURUSAN/ JABATAN/ PEJABAT CAWANGAN YANG TERLIBAT
	15 Februari 2016 (Isnin)	Pejabat Datuk Bandar
		Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan)
	16 Februari 2016 (Selasa)	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)
		Jabatan Perancangan Bandaraya
	17 Februari 2016 (Rabu)	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasian Bangunan
		Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan
	22 Februari 2016 (Isnin)	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio-Ekonomi)
		Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)
	23 Februari 2016 (Selasa)	Jabatan Reka Bentuk Bandar dan Bangunan
		Jabatan Ukur Bahan
	24 Februari 2016 (Rabu)	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
		Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti
		Perpustakaan Kuala Lumpur
	25 Februari 2016 (Khamis)	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
		Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
	29 Februari 2016 (Isnin)	Unit Pengurusan Hartanah Korporat
		Pejabat Cawangan Segambut
	01 Mac 2016 (Selasa)	Pejabat Cawangan Lembah Pantai
		Pejabat Cawangan Batu
	02 Mac 2016 (Rabu)	Pejabat Cawangan Kepong
		Pejabat Cawangan Wangsa Maju
	03 Mac 2016 (Khamis)	Pejabat Cawangan Titiwangsa
		Pejabat Cawangan Bukit Bintang
	07 Mac 2016 (Isnin)	Pejabat Cawangan Cheras
		Pejabat Cawangan Setiawangsa
	08 Mac 2016 (Selasa)	Jabatan Integriti
		Jabatan Pengurusan Maklumat

## 2.2. Bengkel/Khidmat nasihat berkenaan dengan pemindahan rekod ke OASIS@DBKL

Pada tahun 2016, terdapat sebanyak 3 buah jabatan telah membuat permohonan melaksanakan khidmat nasihat berkenaan dengan pemindahan rekod ke OASIS@DBKL. Manakala terdapat dua buah jabatan membuat permohonan untuk mengadakan taklimat dan latihan amali pelupusan rekod. Berikut merupakan jabatan yang telah membuat permohonan mengadakan khidmat nasihat:

Perkara	Jabatan/Bahagian	Tempoh
Khidmat Nasihat Penilaian Rekod Awam	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar	18 Ogos
Khidmat Nasihat Pemindahan Rekod Awam (Bukan Fail)	Jabatan Perancangan Korporat	23 September
Taklimat dan Latihan Amali Pelupusan Rekod dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	27-29 September
Taklimat dan Latihan Amali Pengurusan Rekod	Jabatan Perancangan Infrastruktur	28-30 November
Khidmat Nasihat Pelupusan Rekod Awam	Jabatan Ukur Bahan	16 Disember

### 2.3. **Taklimat dan Latihan Amali Pelupusan Rekod Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan.**

Taklimat dan latihan amali pelupusan rekod awam JPEP telah diadakan pada 27 hingga 29 September 2016 bertempat di Bilik Gerakan Tingkat 26, Menara DBKL1, Jalan Raja Laut. Seramai 25 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan JPEP turut terlibat dengan taklimat dan latihan amali pelupusan rekod secara langsung dan tidak langsung.



Taklimat dan latihan amali pelupusan rekod awam Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

### 2.4. **Lawatan Rasmi dari agensi Kerajaan**

Pada tahun 2016, OASIS@DBKL telah menerima lima(5) lawatan rasmi dari agensi kerajaan dalam dan luar negara. Berikut merupakan maklumat lawatan rasmi tersebut:

Perkara	Tarikh
Lawatan Rasmi Dari Majlis Bandaraya Alor Setar (MBSA)	26 Februari
Lawatan Balas Dari Bank Negara Malaysia (BNM)	21 April
Lawatan Rasmi Dari Kementerian Pelancongan Malaysia - Tourism Malaysia	5 Oktober
Lawatan Rasmi Dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	6 Oktober
Lawatan Rasmi Dari Delegasi Oman National Records And Archives Authority Of The Sultanate Of Oman	27 Oktober



Gambar lawatan rasmi dari delegasi Oman National Records And Archives Authority Of The Sultanate Of Oman pada 27 Oktober 2016

#### 2.5. Seminar Rekod dan Arkib di Serawak (**Records and Archival Seminar**)

Pustaka Negeri Serawak telah mengadakan Seminar berkaitan dengan rekod dan arkib pada 14 dan 15 November 2016 DBKL telah menghantar delegasi seramai tujuh (7) orang untuk menyertai seminar yang diadakan di Pustaka Negeri Serawak.

#### C. UNIT ICT DAN INFRASTRUKTUR

Unit ini berperanan untuk memberi sokongan teknikal ICT, aplikasi dan penyelanggaraan bangunan kepada Bahagian OASIS@DBKL bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan sebaiknya dalam membantu jabatan menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan. Berdasarkan peranan ini, unit ini telah menggariskan beberapa fungsi utama unit iaitu:

- Merancang, melaksana, memantau dan menyelenggara sistem/ aplikasi / mesin di jabatan supaya selamat dan terpelihara mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Memantau, kumpul, selaras dan kemaskini maklumat dalam laman web OASIS@DBKL.
- Mengumpul, pilih, urus dan jalankan proses kerja pendigitasian terhadap rekod rekod DBKL untuk simpanan di gedung OASIS@DBKL
- Bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan secara berkala tahap suhu dan kelembapan di dalam gedung dan memastikan ianya sentiasa ditahap yang telah ditetapkan.
- Memeriksa dan memastikan sistem CCTV dan Door Access diselia dengan baik.
- Membuat pemeriksaan berkala terhadap peralatan ICT dan mesin berfungsi dengan baik dari masa ke semasa.
- Memantau, kenal pasti, lapor kerosakan pada struktur pejabat oasis@dbkl, gedung dan ruang kerja kepada pihak berkaitan
- Menyediakan latihan kepada kakitangan OASIS@DBKL dalam menggunakan sistem-sistem berkaitan bagi memastikan operasi OASIS@DBKL berjalan dengan lancar.
- Mengurus dan memantau penggunaan email di OASIS@DBKL.

## JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini diperkuat seramai 98 orang kakitangan daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian yang besar dan disokong oleh unit-unit di bawah bahagian tersebut. Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah :

### A. Bahagian Dasar dan Pembangunan Aplikasi

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar dan polisi ICT serta menguruskan pembangunan sistem ICT *in house* dan *out source*.

### B. Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan infrastruktur ICT DBKL seperti perkhidmatan rangkaian, server, perkakasan dan telekomunikasi.

### C. Bahagian Multimedia dan GIS

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengurus dan mengemaskini Portal dan Intranet DBKL. Bahagian ini juga memberi khidmat rundingan mengenai pembangunan produksi multimedia.

## 1.0. FUNGSI JPM

Jabatan ini menyediakan infostruktur serta infrastruktur Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) di DBKL berdasarkan Pelan Strategik ICT DBKL. Ini meliputi penggubalan dasar dan polisi ICT, pembangunan sistem aplikasi dan multimedia, penyediaan dan pembekalan perkakasan serta perisian ICT, pengurusan data, rangkaian, *back-up* dan pemulihan bencana serta keselamatan ICT bagi memastikan sistem ICT DBKL beroperasi 24 jam di mana-mana sahaja tanpa gangguan. Fungsi ini dilaksanakan selaras dengan matlamat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan DBKL di tahap cemerlang sejajar dengan visi menjadikan ibu kota Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.


## 2.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN

### 2.1. Statistik Peruntukan Dan Perbelanjaan Bajet Mengurus

Statistik	Emolumen	Perkhidmatan & Bekalan Aset	Aset ( Inventori )	JUMLAH KESELURUHAN
				( RM )
Peruntukan	7,444,730.00	22,894,800.00	22,600.00	30,362,130.00
Perbelanjaan	5,933,918.56	21,684,363.22	19,133.00	27,637,414.78
Baki	<b>1,510,811.44</b>	<b>1,210,436.78</b>	<b>3,467.00</b>	<b>2,724,715.22</b>

**Jadual 2 :** Peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016


Rajah 1 : PERUNTUKAN BELANJAWAN MENGURUS BAGI TAHUN 2016



## 2.2. Statistik Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2015 Dan 2016

Statistik	Emolumen	Perkhidmatan & Bekalan Aset	Aset ( Inventori )	JUMLAH KESELURUHAN
	( RM )			
Perbelanjaan 2016	5,933,918.56	21,684,363.22	19,133.00	<b>27,637,414.78</b>
2015	5,048,795.65	16,492,409.64	11,298.00	<b>21,552,503.29</b>

Jadual 3 : Perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 dan 2015. (Sila rujuk Rajah 2 untuk rujukan)




### 3.0. BAJET PEMBANGUNAN

#### 3.1. Statistik Peruntukan Belanjawan Pembangunan

Perkara	Peruntukan Induk 2016	Peruntukan Tambahan 1/2016	JUMLAH
	( RM )		
Pembelian Pukal ( 60913/001 )	206,500.00*	836,900.00	1,043,400.00
Pembangunan Sistem ( 60913/002 )	7,348,800.00* ( 20 projek )	4,500,800.00 ( 06 projek )	11,849,600.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>12,893,000.00</b>

\* setelah potongan dibuat sebanyak RM 426,500 bagi pembelian pukal dan RM 8,728,200 bagi pembangunan sistem untuk tujuan penjimatan


Jadual 4 : Statistik peruntukan belanjawan pembangunan tahun 2016.  
(Sila rujuk Rajah 3 untuk rujukan)



### 3.2. Statistik Perbelanjaan Belanjawan Pembangunan

Perkara	Peruntukan Induk 2016	Peruntukan Tambahan 1/2016	JUMLAH
	( RM )		
Pembelian Pukal (60913/001)	633,000.00	176,517.50	809,517.50
Pembangunan Sistem (60913/002)	16,077,000.00	4,531,397.33	11,545,602.67
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>2,355,120.17</b>

Jadual 5 : Statistik peruntukan belanjawan pembangunan tahun 2016.  
(Rujuk Rajah 4 untuk rujukan).



JPM menerima peruntukan sebanyak **RM43,255,130.00** iaitu merangkumi bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2016. Sebanyak **RM39,992,534.95** perbelanjaan dicatatkan pada tahun 2016 iaitu **92%** daripada jumlah peruntukan tahun semasa dengan masing-masing sebanyak 95% di bawah Bajet Pembangunan dan 95% di bawah Bajet Mengurus. Prestasi perbelanjaan jabatan pada tahun 2016 adalah meningkat sebanyak 5% berbanding pada tahun 2015.

## 4.0. PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN

### 4.1. Hari Inovasi Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi Tahun 2016

JPM berjaya mendapat hadiah saguhati bagi Pertandingan Logo Ekosistem Kondusif Sektor Awam DBKL yang dianjurkan sempena Hari Inovasi Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi Tahun 2016 pada 29 November 2016 yang diwakili oleh Encik Mohd Samsul Hairi Bin Haji Senin.



#### 4.2. Pertandingan Fotografi DBKL 2016

JPM sekali lagi mengungguli dalam Pertandingan Fotografi DBKL 2016, pada 5 Disember 2016 di mana Encik Mohd Syafiq Bin Othman telah berjaya merangkul tempat pertama.



Pertandingan Fotografi DBKL 2016

#### 4.3. Penganugerahan Sijil Pematuhan **Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)**

DBKL telah mendapat pensijilan pematuhan *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)* bagi Sistem Kewangan dan Perakaunan di mana Jabatan Pengurusan Maklumat terlibat dalam 7 Kriteria Teknikal. Dengan pengiktirafan ini, sistem perakaunan dan kewangan agensi adalah lebih cekap, mantap dan mempunyai ciri keselamatan sistem yang terbaik dalam menguruskan hal-hal perakaunan dan kewangan di agensi masing-masing.



Panel Auditor dan Auditee SAGA



Mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan SAGA



Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA kepada 16 Agensi-Agenzia Kerajaan pada 20 Disember 2016 di Ipoh, Perak.

#### 4.4. Perkhidmatan ICT Untuk Kempen Membayar Tunggakan Hasil DBKL Di Setiap Parlimen Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) berfungsi sebagai tulang belakang kepada pembangunan dan pelaksanaan ICT di DBKL telah memberikan khidmat dan tenaga kerja bagi menyokong Kempen Membayar Tunggakan Hasil DBKL di setiap parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk tempoh **1 bulan** di lokasi yang telah ditetapkan bermula **1 Ogos 2016** sehingga **31 Ogos 2016**. Seramai 32 orang kakitangan Bahagian Infrastruktur, Jabatan Pengurusan Maklumat yang terlibat bagi menjayakan kempen tersebut.



Kehadiran pelanggan di SMK Desa Mahkota Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2016 sejurus kaunter pembayaran dibuka jam 9.00 pagi.

# JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman. Di samping itu, Jabatan juga menguruskan hal ehwal harta tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilikan harta tanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

## 1.0. FUNGSI JABATAN

- Membuat penilaian sumbangan membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.
- Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.
- Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli/disewa/diambil semula oleh DBKL.
- Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL
- Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam jualan milik DBKL.
- Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (*Commissioner of Buildings*) mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

## 2.0. SENARAI NILAIAN

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga **31 Disember 2016** ialah **545,760** harta. Jumlah nilai tahunan pada **tahun 2016** ialah **RM15,960,247,829.50** berbanding **RM15,390,994,826.40** pada **tahun 2015** iaitu pertambahan sebanyak **RM569,253,003.10 atau bersamaan 3.70%**.


Maklumat harta ini direkod dan dibukukan mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan di dalam **111 buah buku**.

### 2.1. Pertambahan Nilai Tahunan

Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2016 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Nilai Tahunan (RM)	Pertambahan Nilai Tahunan (RM)	Peratus Kenaikan (%)
2014	14,929,845,125.02	5,170,658,857.02	52.98%
2015	15,390,994,826.40	461,149,701.38	3.09%
2016	15,960,247,829.50	569,253,003.10	3.70%

Jumlah Nilai Tahunan pada tahun **2015** ialah **RM15,390,994,826.40** berbanding **RM15,960,247,829.50** pada tahun **2016** iaitu pertambahan sebanyak **RM569,253,003.10** atau bersamaan **3.70 %**.



## 2.2. Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilaian bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 dapat diringkaskan seperti berikut :-

Tahun	Jumlah Pindaan	Jumlah Bantahan	Peratus Bantahan (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%

Jumlah pindaan yang dibuat **tahun 2015** ialah **40,842** pindaan dan jumlah pindaan pada **tahun 2016** ialah **34,915** pindaan. Jumlah bantahan pada **tahun 2015** dan **tahun 2016** masing-masing **berjumlah 2,464** dan **2,061**, di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menurun daripada **6.00%** pada tahun **2015** kepada **5.90%** pada tahun **2016 (- 0.1%)**. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja.

### 3.0. KADAR PERATUSAN CUKAI TAKSIRAN

Berikut adalah kadar peratusan cukai taksiran yang dikaji semula berbanding kadar peratusan 2013 :-

Jenis Harta	Dalam 36 Batu Persegi		Luar 36 Batu Persegi	
	2013	2014 - Kini	2013	2014- Kini
Bangunan Perdagangan/Industri	12%	10%	10%	8%
Pangsapuri Servis	12%	7%	8%	5%
Tanah Kosong Perdagangan	10%	7%	6%	5%
Tanah Kosong Kediaman	7%	5%	6%	5%
Bangunan Kediaman	6%	4%	6%	4%
Kediaman Kos Rendah	6%	2%	6%	2%
Bangunan Di Kampung-kampung	3%	2%	3%	2%
Tanah kosong Di Kampung-kampung	2%	1%	2%	1%
Kampung Baru, Kampung Melayu Segambut, Sungai Penchala	2%	1%	2%	1%

Jumlah pendapatan yang sepatutnya diperolehi bagi **tahun 2016** berjumlah **RM1,123,487,711.51** (nilai tahunan di darab dengan kadar). Namun caj yang dikenakan hanyalah **RM1,030,110,660.35**

### 4.0. SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah satu bentuk percukaian yang dikenakan terhadap harta-harta yang dimiliki dan diduduki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Badan-badan Berkanun menurut Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan.

Sebagaimana Senarai Nilaian yang bertanggungjawab mengemaskini maklumat harta yang dikenakan cukai pintu, Sumbangan Membantu Kadar juga bertanggungjawab menyedia dan mengemaskini maklumat harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun yang dikenakan Sumbangan Membantu Kadar.

### 5.0. PROGRAM UTAMA

Tiga program utama telah dijalankan sepanjang tahun **2016** iaitu:-

- Penyediaan tuntutan Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun bagi akaun tahun penilaian 2016.
- Mengemaskinikan senarai utama Sumbangan Membantu Kadar harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.
- Menyelaras kerja-kerja pindaan aras nilaian (*tone of the list*) dan kadar peratus harta Sumbangan Membantu Kadar (SMK) mengikut Senarai Nilaian harta persendirian mulai 1 Januari 2016.

Kerja-kerja Penilaian Semasa harta-harta Sumbangan Membantu Kadar yang mana berkuatkuasa mulai dari **1 Januari 2016** telah dicapai di antara DBKL dengan pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun. Jumlah Sumbangan bagi Kerajaan Persekutuan menunjukkan penurunan sebanyak **18.55%** iaitu daripada **RM46,877,482.20** mulai **1 Januari 2015** kepada **RM38,180,070.80** mulai **1 Januari 2016**. Jumlah Sumbangan Kerajaan Negeri juga juga menunjukkan penurunan sebanyak **11.32%** iaitu daripada **RM247,996.80** kepada **RM219,924.00**. Bagi Badan Berkanun, jumlah Sumbangan Membantu Kadar turut mencatatkan penurunan sebanyak **14.63%** iaitu daripada **RM10,856,118.00** kepada **RM9,268,190.40**.

Secara keseluruhannya jumlah Sumbangan Membantu Kadar berkuatkuasa **1 Januari 2016** ini telah menurun sebanyak **17.79%** berbanding dengan tahun sebelumnya sebagaimana ditunjukkan pada jadual (**Lampiran A – C**). Penurunan jumlah Sumbangan Membantu Kadar bagi tahun **1 Januari 2016** adalah disebabkan oleh pindaan aras nilaian (*tone of the list*) dan kadar peratus bagi harta Sumbangan Membantu Kadar (SMK) di mana menggunakan Senarai Nilaian harta persendirian. Kadar peratus harta Sumbangan Membantu Kadar telah diturunkan sebanyak **1 - 3%** seperti yang di tunjukkan dalam **Lampiran D**. Pindaan aras nilaian (*tone of the list*) dan kadar peratus harta Sumbangan Membantu Kadar tersebut adalah selaras dengan surat pekililing Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan Bil. 2 Tahun 1989 yang mana dinyatakan nilaian harta-harta Sumbangan Membantu Kadar hendaklah dijalankan mengikut “*tone of the assessment list*” atau aras nilaian serta kadar cukai taksiran semasa di kawasan penguasa tempatan

**Lampiran A**

**RINGKASAN SENARAI NILAIAN HARTA-HARTA PERKARA 156, PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAGI  
TAHUN 2016**

Bil.	Pembayar Sumbangan	Bil. Fail	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM)	Kenaikan Nilai Tahunan (%)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM)	Peratus Kenaikan Sumbangan (%)
1.	Kerajaan Persekutuan	1935	395,000,676.00	379,747,738.00	4.02%	30,756,819.60	38,313,145.20	-19.72 %
	I) Harta Awam		186,775,640.00	175,004,160.00	6.73%	7,423,251.20	8,564,337.00	-13.32 %
2.	Harta Kerajaan Negeri	15	2,971,800.00	2,644,080.00	12.39%	219,924.00	247,996.80	-11.32 %
3.	Harta Badan Berkanun	197	107,522,760.00	100,976,040.00	6.48%	9,268,190.40	10,856,118.00	-14.63 %
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,147</b>	<b>692,270,876.00</b>	<b>658,372,018.00</b>	<b>5.15%</b>	<b>47,668,185.20</b>	<b>57,981,597.00</b>	<b>-17.79 %</b>

**Lampiran B**

**MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR BAGI  
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016**

Bil.	Pembayar Sumbangan	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM)	Kenaikan Nilai Tahunan (%)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM)
1.	JOHOR	64,200.00	42,000.00	52.86	2,568.00	2,520.00
2.	KEDAH	276,000.00	276,000.00	-	11,040.00	16,560.00
3.	PAHANG	130,800.00	100,200.00	30.54	5,232.00	6,012.00
4.	PERAK	64,200.00	53,400.00	20.22	2,568.00	3,204.00
5.	PERLIS	168,600.00	159,600.00	5.64	6,744.00	9,576.00
6.	PULAU PINANG	-	47,400.00	(100.00)	-	2,844.00
7.	SABAH	64,800.00	45,600.00	42.11	2,592.00	2,736.00
8.	SELANGOR	1,875,000.00	1,657,800.00	13.10	176,052.00	188,820.00
9.	TERENGGANU	328,200.00	262,080.00	25.23	13,128.00	15,724.80
	<b>Jumlah</b>	<b>2,971,800.00</b>	<b>2,644,080.00</b>	<b>12.39</b>	<b>219,924.00</b>	<b>247,996.80</b>

**Lampiran C**

**MAKLUMAT MENGENAI NILAI TAHUNAN DAN PENDAPATAN SUMBANGAN  
MEMBANTU KADAR BAGI BADAN BERKANUN TAHUN 2016**

Bil.	Pembayar Sumbangan	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Nilai Tahunan Mulai 1.1.2015 (RM)	Kenaikan Nilai Tahunan (%)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2016 (RM)	Jumlah Sumbangan Mulai 1.1.2015 (RM)
1.	Bank Negara Malaysia	25,186,680.00	21,671,280.00	16.22	2,362,260.00	2,543,976.00
2.	Bank Simpanan Nasional	9,659,520.00	7,942,920.00	21.61	965,952.00	953,150.40
3.	FELCRA	2,853,600.00	2,313,360.00	23.35	228,288.00	221,280.00
4.	FELDA	13,384,080.00	11,711,040.00	14.29	1,336,932.00	1,404,280.80
5.	Tabung Haji	4,466,400.00	4,135,800.00	7.99	446,640.00	496,296.00
6.	MARA	775,920.00	742,920.00	4.44	29,431.20	42,434.40
7.	MAIWP	2,910,120.00	1,766,880.00	64.70	151,108.80	192,433.20
8.	Kraftangan	1,641,600.00	1,562,400.00	5.07	164,160.00	187,488.00
9.	RISDA	4,260,480.00	4,208,280.00	1.24	409,308.00	497,613.60
10.	LGM (RRIM)	3,872,040.00	3,516,120.00	10.12	358,476.00	387,626.40
11.	UKM	1,393,320.00	1,111,560.00	25.35	55,732.80	70,375.20
12.	UTM	2,488,560.00	2,555,640.00	(2.62)	95,654.40	156,888.00
13.	UM	12,743,760.00	11,075,520.00	15.06	701,594.40	787,514.40
14.	Yayasan Selangor	539,760.00	427,800.00	26.17	21,590.40	25,668.00
15.	LPPKN	3,100,680.00	3,100,680.00	-	310,068.00	372,081.60
16.	KTM BHD	6,225,240.00	11,112,840.00	(43.98)	428,894.40	1,074,492.00
17.	<i>Open University</i>	27,000.00	27,000.00	-	2,700.00	3,240.00
18.	Suruhanjaya Syarikat M'sia	11,994,000.00	11,994,000.00	-	1,199,400.00	1,439,280.00
<b>JUMLAH</b>		<b>107,522,760.00</b>	<b>100,976,040.00</b>	<b>6.48</b>	<b>9,268,190.40</b>	<b>10,856,118.00</b>

**PINDAAN SEBELUM DAN SELEPAS KADAR PERATUS HARTA SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) BERDASARKAN KADAR PERATUS SENARAI NILAIAN HARTA PERSENDIRIAN**

Bil.	Jenis Harta	Dalam 36 Batu Persegi		Luar 36 Batu Persegi	
		2015 Sebelum Pindaan %	2016 Selepas Pindaan %	2015 Sebelum Pindaan %	2016 Selepas Pindaan %
	Bangunan Perdagangan	12	10	10	8
	Bangunan Kediaman	6	4	6	4
	Kampung Baru, Kampung Melayu Segambut dan Sungai Penchala (bangunan dan tanah kosong)	2	1	2	1
	Lain-lain Kampung :-				
	Bangunan	3	2	3	2
	Tanah Kosong	2	1	2	1

## 6.0. CAJ PEMBANGUNAN

Penilaian caj pembangunan adalah berdasarkan kenaikan nilai tanah akibat dari kelulusan menukar kegunaan tanah, menambah ketumpatan penduduk, lebihan luas lantai, menukar kegunaan tanah bagi tempoh sementara dan sumbangan. Sepanjang **tahun 2016**, sejumlah **295 kes** penilaian telah disiapkan. Di mana, bilangan kes telah bertambah sebanyak **14%** berbanding tahun **2015**.

Sepanjang tahun **2016**, didapati bilangan kes melebihi RM1 juta mencatatkan **116 kes (39%)** daripada keseluruhan permohonan penilaian caj pembangunan yang diterima. Manakala baki **179 kes (61%)** melibatkan penilaian caj pembangunan tidak melebihi RM1 juta.

Jabatan ini mula menerima permohonan bagi penilaian caj pembangunan melibatkan tempoh sementara mulai tahun 2016. Jumlah caj yang dikenakan kecil memandangkan tempoh 1 tahun dan saiz cadangan pembangunan yang kecil.

### Perbandingan Permohonan Penilaian Caj Pembangunan Dari Tahun 2014 - 2016

Bil.	Perkara	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	Peratus Perbezaan Di Antara Tahun 2015 - 2016
1.	Tukar Guna Tanah	659,611,000	1,015,716,936	1,173,475,069	+ 16%
2.	Menambah Kepadatan Penduduk	96,285,000	120,864,000	155,366,000	+ 29%
3.	Lebihan Luas Lantai	221,630,000	331,733,000	354,235,400	+ 7%

4.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	3,024,000	5,578,000	3,552,500	- 57%
5.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat	1,570,000	9,228,000	Tiada	Tiada
6.	Penukaran Zon Gunatanah Tempoh Sementara	Tiada	Tiada	2,169,571	Tiada
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>982,120,000</b>	<b>1,483,119,936</b>	<b>1,686,798,540</b>	<b>+ 14%</b>

Peratusan penilaian caj pembangunan yang melebihi 1 juta pada tahun 2016 adalah **39% (116/295)**

Bil.	Perkara	Bil. Kes
1.	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	58
2.	Menambah Kepadatan Penduduk	37
3.	Lebihan Luas Lantai	20
4.	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	1
<b>Jumlah Kes Melebihi 1 Juta</b>		<b>116</b>

## 7.0. PENGECUALIAN CUKAI

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras harta-harta yang layak diperakukan untuk kelulusan YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi maksud pengecualian ataupun pengurangan kadar (cukai taksiran) di bawah Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Secara umumnya pengecualian ataupun pengurangan kadar boleh diberi kepada pegangan ataupun sebahagian pegangan yang digunakan semata-mata sebagai tempat awam untuk sembahyang, tanah perkuburan, sekolah awam, bagi maksud khairat, sains, sastera, rekreasi, sosial ataupun kebajikan serta hendaklah tidak bermotifkan keuntungan.

Bagi maksud pengecualian kadar, pegangan terlibat diasingkan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:-

- i. **Bahagian A** iaitu pengecualian penuh ke atas keseluruhan harta menurut seksyen 134.
- ii. **Bahagian B** iaitu pengecualian penuh ke atas sebahagian harta menurut seksyen 134.
- iii. **Bahagian C** iaitu pengecualian penuh atau sebahagian ke atas harta-harta rekreasi, sosial atau kebajikan menurut seksyen 135.

Bagi tahun **2016** terdapat **209 harta** yang disyorkan untuk diberi pengecualian atau pengurangan cukai taksiran di bawah Seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 melibatkan sejumlah **RM3,050,787.98**. Bagi tahun 2016, jabatan telah mempertimbangkan **3 permohonan baru** bagi disyorkan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran untuk tahun 2016. Manakala permohonan yang didapati tidak layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:-

Status Kes	Jumlah Permohonan	Pengecualian/Pengurangan	Keputusan
Kes Sedia Ada	3 permohonan	Pengecualian 100%	Dikekalkan pengurangan seperti sebelum ini.
Kes Baru	10 permohonan	Pengecualian atau pengurangan cukai	Ditolak kerana tidak menepati peruntukan di bawah seksyen 134 dan 135, Akta Kerajaan Tempatan.

Bahagian	Bil.Harta		Jumlah Pengecualian Cukai Taksiran		+/- Cukai Taksiran	Catitan
	2015	2016	2015 (RM)	2016 (RM)		
A	87	87	545,357.20	545,357.20	-	
B	18	18	55,571.30	55,571.30	-	
C	102	104	2,438,660.48	2,449,859.48	(-) 11,199.00	3 kes baru
<b>Jumlah</b>	<b>207</b>	<b>209</b>	<b>RM3,039,588.98</b>	<b>RM3,050,787.98</b>	<b>207</b>	<b>-</b>

Ringkasan pengecualian dan pengurangan cukai taksiran bagi tahun 2016 adalah seperti jadual di bawah:-

Dasar kadar peratus pengurangan cukai taksiran telah ditetapkan menggunakan kadar **100%, 70% atau 50%** sahaja mulai dari senarai bagi tahun 2014. Jadual berikut menjelaskan dasar yang dimaksudkan:-

Kategori	% Kadar Pengurangan	Dasar Pengecualian Atau Pengurangan Cukai Taksiran
1	100	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harta-harta yang digunakan sebagai tempat awam bagi maksud keagamaan, pendidikan, sains, sastera atau seni halus.</li> </ul>
2	70	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harta-harta yang digunakan semata-mata bagi maksud persatuan, rekreasi, sosial &amp; kebajikan yang tiada motif keuntungan wang.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bangunan milik persatuan/pertubuhan Orang Kurang Upaya.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Persatuan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bangunan selain dari digunakan untuk aktiviti persatuan, rekreasi atau sosial juga mempunyai ruang untuk aktiviti ibadat.</li> </ul>
3	50	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harta-harta yang digunakan semata-mata bagi maksud persatuan, rekreasi, sosial atau kebajikan yang tiada motif keuntungan wang.</li> </ul>

## 8.0. PERMOHONAN DAN KAWALAN TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah seperti permohonan tanah kerajaan, rekod dan kawalan tanah-tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanah rizab DBKL, tanah kerajaan yang diluluskan Lesen Menduduki Sementara serta lain-lain urusan tanah kepentingan DBKL.

### 8.1. Butir-Butir Permohonan Tanah Bagi Tahun 2016

Bil.	Jenis Permohonan	2015	2016
1.	Hakmilik	58	41
2.	Lesen Menduduki Sementara	73	30
3.	Rizab	37	47
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>168</b>	<b>118</b>

### 8.2. Butir-Butir Kelulusan Permohonan Tanah Tahun 2016

Bil.	Jenis Kelulusan	2015	2016
1.	Hakmilik	18	19
2.	Lesen Menduduki Sementara	43	12
3.	Rizab	34	59
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>95</b>	<b>90</b>

## 9.0. REKOD TANAH DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Bahagian ini juga bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk butiran pemilikan.

Sepanjang tahun 2016, tumpuan kepada penyelarasan maklumat dan hakmilik asal bagi kira-kira **1,822 tanah** milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Maklumat pemilikan tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

Bil.	Seksyen/Mukim	Jumlah
1.	Seksyen	150
2.	Kuala Lumpur	694
3.	Setapak	456
4.	Batu	326
5.	Petaling	193
6.	Ampang/Ulu Kelang	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,822</b>

## 10.0. PENGAMBILAN BALIK TANAH

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan pengambilan tanah menurut **Akta Pengambilan Tanah 1960**, bagi setiap projek DBKL termasuk projek-projek usahasama dengan pihak swasta.

Bil.	Perkara	Jumlah Kes		Jumlah Lot	
		2015	2016	2015	2016
1.	Penyediaan laporan & anggaran awal (fail PE).	17	6	87	22
2.	Penetapan Kadar Sewa.	-	-	-	-
3.	Mengemukakan permohonan ke PTG untuk penwartaan	2	1	2	2
5.	Proses mendapatkan maklumat dan data bagi keperluan audit dan proses kajian.
6.	Penyediaan Laporan Audit Perjawatan ke atas Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi (P/O) Gred N19 Kontrak.
7.	Penyerahan Laporan audit perjawatan kepada Ketua Unit Perancangan Organisasi (UPO) untuk semakan pegawai.
8.	Penyerahan Laporan audit perjawatan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM).
9.	Perakuan/ keputusan Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM).

**Gambar-gambar Aktiviti**




**Retreat Cadangan Permohonan Rayuan Penstruktur Semula DBKL  
Marriott Putrajaya di Hotel Marriott, Putrajaya pada 21-24 Januari 2016**

## 18.0. PENGURUSAN MAKLUMAT PERSONEL

### 18.1. Pengemaskinian Buku Perkhidmatan Kakitangan

Berikut adalah aktiviti/program Buku Perkhidmatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2016:

BIL.	TARIKH/TEMPAT	AKTIVITI/PROGRAM
1.	<u>Siri 1</u> 1-3 Mac 2016 Seri Suasana, Port Dickson <u>Siri 2</u> 29-31 Mac 2016 Seri Suasana, Port Dickson <u>Siri 3</u> 4-6 April 2016 Seri Suasana, Port Dickson <u>Siri 4</u> 27-28 April 2016 Institut Latihan DBKL	<b>Kursus Pengurusan Buku Perkhidmatan</b> Latihan diberikan kepada semua wakil Jabatan dan Pejabat Cawangan sebagai persediaan untuk tugas pengemaskinian buku perkhidmatan kakitangan Jabatan dan Pejabat Cawangan masing-masing.  Kursus diadakan sebanyak empat siri bagi memastikan penglibatan semua wakil-wakil Jabatan dan Pejabat Cawangan.  Pengemaskinian buku perkhidmatan di Jabatan dan Pejabat Cawangan berkuatkuasa bulan Julai 2016.
2.	<u>Siri 1</u> 20-21 Jun 2016 <u>Siri 2</u> 23-24 Jun 2016 Institut Latihan DBKL	<b>Latihan Pemantapan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan</b> Program diadakan bagi memantapkan penguasaan pengemaskinian buku perkhidmatan oleh wakil-wakil jabatan.
3.	27 Oktober – 4 November 2016 Semua Jabatan dan Pejabat Cawangan	<b>Program Pemantauan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan di Jabatan dan Pejabat Cawangan DBKL</b> Unit telah mengaturkan pemantauan pengemaskinian buku perkhidmatan ke semua Jabatan dan Pejabat Cawangan bagi melihat tahap pemahaman mengenai tatacara mewujudkan buku perkhidmatan dan pengemaskinian buku perkhidmatan.



Carta Pai 19.1: Pecahan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan Bagi Tahun 2016

## 18.2. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management Information System – HRMIS*)

Antara faedah pelaksanaan HRMIS adalah:

- i. ***Electronic Guarantee Letter (eGL)*** – Pelaksanaan penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara online di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS.
- ii. **Pangkalan Data PSM Yang Berpusat** – Maklumat Rekod Peribadi serta Perisyiharan Harta boleh dicapai sekiranya pegawai dan kakitangan bertukar dari satu agensi kerajaan ke agensi kerajaan lain.
- iii. **Integrasi dengan Sistem POWER (Sistem Persaraan Jabatan Perkhidmatan Awam)** – Untuk memudahkan urusan persaraan.
- iv. **Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) secara *online*** – Penilaian prestasi dilaksanakan secara online bagi memudahkan urusan capaian dan rekod tahunan.

Pelbagai aktiviti/program dilaksanakan mencapai akses HRMIS adalah seperti berikut :

BIL.	TARIKH & TEMPAT	AKTIVITI/PROGRAM
1.	13 – 14 April 2016 Serdang	<b>Program Training on HRMIS For Users (THOR) bagi Modul Majlis Bersama Jabatan (MBJ)</b> Program dianjurkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melatih wakil-wakil agensi mengenai penggunaan Modul MBJ di dalam HRMIS.
2.	18 – 21 April 2016 Institut Latihan DBKL	<b>Latihan HRMIS Modul Rekod Peribadi dan Perisyiharan Harta</b> Menerangkan penggunaan modul rekod peribadi dan perisyiharan harta kepada wakil-wakil jabatan.
3.	30 Mei – 3 Jun 2016 DBKL	<b>Minggu HRMIS 2016</b> Minggu HRMIS diadakan bagi membuka peluang kakitangan berinteraksi dengan Unit mengenai pemasalahan mengenai HRMIS. Kaunter khas juga dibuka bagi pegawai dan kakitangan untuk menyemak dan mengemaskini data di dalam sistem HRMIS.
4.	1 – 2 September 2016 Institut Latihan DBKL	<b>Latihan penggunaan HRMIS bagi submodul Sasaran Kerja Tahunan (SKT)</b> Program diadakan bagi memberikan penerangan dan pendedahan kepada wakil-wakil Jabatan yang terlibat dengan pengisian maklumat Sasaran Kerja Tahunan secara online.
5.	29 November – 2 Disember 2016 Institut Latihan DBKL	<b>Latihan penggunaan HRMIS bagi submodul Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)</b> Program diadakan bagi memberikan penerangan dan pendedahan kepada wakil-wakil Jabatan yang terlibat dengan pengisian maklumat Laporan Penilaian Prestasi Tahunan secara online

## 19.0. PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL	JAWATAN	PINGAT	BILANGAN CALON	BILANGAN PENERIMA
1.	Pengurusan Tertinggi	<b>SMW</b>		<b>1</b>
		<b>PMW</b>	1	<b>1</b>
2.	Ketua Jabatan (Jusa C)	<b>PMW</b>	2	<b>3</b>
		<b>JMW</b>	2	<b>1</b>
3.	Gred 54	<b>JMW</b>	6	<b>2</b>
		<b>KMW</b>	3	-
4.	Gred 52	<b>KMW</b>	5	<b>1</b>
5.	Gred 41-48	<b>KMW</b>	2	<b>2</b>
6.	Gred 36-38	<b>AMW</b>	6	<b>2</b>
7.	Gred 1-32	<b>PPW</b>	26	<b>8</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>53</b>		<b>21</b>

## 20. KUARTERS DAN RUMAH SEWA KAKITANGAN

### 20.1. Kuarters

Kuarters dan Rumah Sewa Kakitangan DBKL diuruskan di bawah Unit Pentadbiran, Kuarters dan Rumah Rehat. Perkhidmatan pembersihan kuarters diuruskan oleh JPSM, manakala penyelenggaraannya diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Bangunan (UPB), Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, DBKL.

Kadar sewa bagi kuarters adalah potongan separuh Bantuan Sara Hidup(COLA) dan 75% daripada eluan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP). Pada masa ini, terdapat **259 unit Kuarters Kakitangan DBKL** yang diuruskan di **21 lokasi** seperti berikut :

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK	STATUS PENGHUNI	JUMLAH UNIT
1	Jalan Changkat Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur		A Ke Atas	11
2	Jalan Ikhlas, Bandar Tun Razak Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Teres 2 Tingkat (4 Bilik)	A	1
3	Jalan Pantai Murni 5, Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur	Teres 2 Tingkat (4 Bilik)	A	15
4	Jalan Ibu Kota 3, Taman Ibu Kota, 53100 Kuala Lumpur	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	A	1
5	Villa Laman Tasik, Bdr Sri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur	Town House (3 Bilik)	A	1
6	Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A	1

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK	STATUS PENGHUNI	JUMLAH UNIT
7	Kondominium Gurney Height, Jalan Bukit Keramat, 54000 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	14
8	Pangsa Murni, Seksyen 6, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	11
9	Kondominium Bandar Manjalara, Jalan 1/62B, Bandar Manjalara, 52200 Kepong, Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	20
10	Jln 5/106 Vista Tasik, Bdr Sri Permaisuri 56000 Cheras, Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A	4
11	Plaza 393 Jalan Shelley Off Jalan Peel, 55100 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	10
12	Blok A Pantai Permai, Jln Pantai Permai Pantai Dalam, 59000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	A/B	20
13	Blok 3B Nova II, Jalan 34/38A, Tmn Sri Sinar Segambut 51200 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	B	2
14	Jalan 5/22A, Pangsgapuri Melati, Taman Melati, 53000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	B	2
15	Blok F Warisan City View, Batu 2 ½ Cheras, Jalan 3/93A, 56000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	C/D	72
16	Taman Salak Jaya, Off Jalan Sungai Besi	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	C	2
17	Jalan Jaya, Bandar Tun Razak Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	B/C	2
18	Jalan Sentul, Sentul, 51000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (3 Bilik)	C	10
19	Jalan Semarak, 54000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (3 Bilik)	C	10
20	Pekan Kepong, Jalan 3/34A, 52100 Kepong, Kuala Lumpur	Town House (2 Bilik)	B/C/D	48
21	Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail, Jalan Tun Mohd Fuad, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (2 Bilik)	D	2
<b>JUMLAH UNIT KESELURUHAN</b>				<b>259</b>

Jadual 21.1 : Senarai Kuarters

## 20.2. Rumah Sewa Kakitangan

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK	STATUS PENGHUNI	JUMLAH UNIT
1	Blok A1, Seksyen 1 Bandar Baru Wangsa Maju 53000 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	35
2	Blok C7 Dan C8 , Seksyen 10, Blok A1, Seksyen 1 Bandar Baru Wangsa Maju 53000 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	80
3	Teratak Muhibbah 2, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	44
4	Blok B Pantai Permai, Jalan Pantai Permai ,Pantai Dalam, 59000 Kuala Lumpur	Flat (3 Bilik)	C	90
5	Jalan Semarak, 54000 Kuala Lumpur	Rumah Panjang (2 Bilik)	D	61
<b>JUMLAH UNIT KESELURUHAN</b>				<b>310</b>

## 21.0. RUMAH REHAT DAN RUMAH TRANSIT DBKL

### 21.1. Rumah Rehat

BIL	RUMAH REHAT	BILIK	JUMLAH UNIT
1.	KONDOMINIUM PORT DICKSON	2	4
2.	KONDOMINIUM BUKIT FRASER	3	8
3.	BANGLO CAMERON HIGHLANDS	8	1
4.	KONDOMINIUM MOUNT PLEASURE, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG	2	2
5.	TERES MOUNT PLEASURE, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG	5	2
6.	KONDOMINIUM BY THE SEA, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG *Baru	3	2
7.	KONDOMINIUM CHOGM VILLA, PULAU LANGKAWI	3	3
8.	<b>SERI SUASANA DBKL@PD, PORT DICKSON :-</b>		
	Apartment Type A	3	14
	Apartment Type B	2	12
	Apartment Type C	3	2
	Apartement Type D ( <i>President Suite</i> )	3	1
	Banglo A	3	1
	Banglo B	7	1
9.	TERES SEMI D, TAMAN BAYU PUTERI, JOHOR BAHRU *Baru	5	1
10.	KONDOMINIUM TAMAN NUSA JAYA, JOHOR BAHRU * Dalam pembinaan	7	2
<b>JUMLAH</b>			<b>56</b>

## 21.2. Rumah Transit

BIL	RUMAH TRANSIT	BILIK	JUMLAH UNIT
1.	KONDOMINIUM JALAN SHELLEY KUALA LUMPUR	3	2
2.	KONDOMINIUM BANDAR MANJALARA *Baru	3	1
<b>JUMLAH</b>			<b>3</b>

## 22.0. INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDB)

### 22.1. Penyediaan Prospektus Latihan 2016

Pada Tahun 2016, Bajet IDB telah diperuntukkan sebanyak RM8 juta untuk program latihan. Persiapan kursus untuk tahun 2016 adalah mengikut **peratusan kumpulan sasaran** iaitu Pengurusan dan Professional (P&P), Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Sokongan II. Pelaksanaan yang perlu diambil kira adalah seperti jadual berikut:

BIL	KUMPULAN	BIL. PERJAWATAN (ORANG)	PERATUS (%)
1	Pengurusan Tertinggi	19	0.2%
2	Pengurusan Profesional	552	5.7%
3	Sokongan I (Kump. B)	1,473	15.2%
4	Sokongan I (Kump. C)	3,676	38.1%
5	Sokongan II (Kump. D)	685	7.1%
6	Sokongan II (Kump. IMG)	3,254	33.7%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>9,659</b>	

Jumlah Keseluruhan Kakitangan DBKL (Termasuk Kontrak) Mengikut Perjawatan

### 22.2. Analisa Pencapaian Kursus Tahun 2016

Bil	Bidang	Kursus Prospektus (Siri)	Kursus Permohonan Jabatan	Kursus Umum	Jumlah	Kehadiran Peserta	Sasaran Peserta	Sasaran Hari Berkursus
1	<b>Pengurusan</b>	66	3	0	69	2,274	3,273	5,960
2	<b>Arkitek, Bangunan dan Ukur Bahan</b>	34	17	10	61	797	1,292	2,040
3	<b>Kejuruteraan</b>	60	5	10	75	1,201	1,778	3,951
4	<b>Kesihatan dan Alam Sekitar</b>	39	6	40	85	1,765	2,439	2,885
5	<b>Kewangan dan Harta</b>	54	0	19	73	2,979	3,696	5,015
6	<b>Landskap dan Hortikultur</b>	49	0	10	59	1,661	2,252	4,634
7	<b>Perancangan Bandar</b>	29	9	5	43	586	961	2,057

Bil	Bidang	Kursus Prospektus (Siri)	Kursus Permohonan Jabatan	Kursus Umum	Jumlah	Kehadiran Peserta	Sasaran Peserta	Sasaran Hari Berkursus
8	Perundangan dan Penguatkuasaan	44	14	6	64	3,769	4,308	4,458
9	Teknologi Maklumat	37	5	4	46	641	863	2,184
10	IDB Talk	10	-	-	10	2,626	3,600	3,200
11	Antarabangsa	7	-	249	31	430	473	684
12	Ketua Koordinator Latihan	10	-	-	10	305	397	784
13	Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi	18	-	-	18	1,024	1,234	1,234
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>457</b>	<b>59</b>	<b>128</b>	<b>644</b>	<b>20,058</b>	<b>26,566</b>	<b>39,086</b>

#### 22.4. Permohonan Peperiksaan Perkhidmatan Tahun 2016

Ringkasan permohonan Peperiksaan Perkhidmatan pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

BIL	JAWATAN / SKIM	GRED	SIRI 1/2016	SIRI 2/2016	SIRI 3/2016	KHAS	JUMLAH	
1	PEN. ARKITEK LANDSKAP	J29	3	2	5	-	10	
2	PEN. JURUTERA AWAM	J29	33	30	29	-	92	
3	PEN. JURUTERA ELEKTRIK	J29	5	7	3	-	15	
4	PEN. JURUTERA ELEKTRONIK	J29	2	4	4	-	10	
5	PEN. JURUTERA MEKANIKAL	J29	2	2	6	-	10	
6	PEN. PEGAWAI SENIBINA	J29	4	2	3	-	9	
7	PEN. JURUUKUR TANAH	J29	2	0	0	-	2	
8	PEN. JURUUKUR BAHAN	J29	2	2	0	-	4	
9	PEN. PEGAWAI PENGUATKUASA	KP29	17	8	15	94	134	
10	PEN. PEGAWAI TADBIR	N29	5	4	7	49	65	
11	PEMBANTU PENGUATKUASA	KP19	67	145	168	-	380	
12	PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/OPERASI)	N19	142	108	114	-	364	
13	PEMBANTU PENILAIAN	W19	0	8	6	-	14	
14	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN	W19	13	12	14	-	39	
15	PEG. KHIDMAT PELANGGAN	N19	2	2	1	-	5	
16	PEMBANTU MAKMAL	C19	0	1	0	-	1	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>299</b>	<b>337</b>	<b>375</b>	<b>143</b>	<b>1054</b>

## 22.5. Prestasi Kewangan IDB

Ringkasan prestasi kewangan IDB pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut :

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.	<b>Emolumen</b>	3,413,500.00	3,233,279.38	94.7%
2.	<b>Perkhidmatan Bekalan</b>	9,865,000.00	8,104,315.61	82.2%
3.	<b>Aset (Inventori)</b>	20,300.00	15,860.00	78.1%
<b>JUMLAH</b>		<b>13,298,800.00</b>	<b>11,353,454.99</b>	<b>85.4%</b>

## 22.6. Fasiliti IDB

Statistik penggunaan fasiliti di IDB pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut :

BIL.	KEMUDAHAN	JUMLAH	AGENSI KERAJAAN/GLC/NGO (penggunaan)		BAYARAN (RM)
			BAYAR	TANPA BAYARAN	
1.	Dewan Perdana Mestika	1	20	70	60,000.00
2.	Bilik Akademik	19	180	1,337	60,900.00
3.	Bilik ICT	3	6	239	2,025.00
4.	Kafeteria	1	28	1	16,800.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>24</b>	<b>234</b>	<b>1,647</b>	<b>139,725.00</b>



## 23.7. Hasil IDB

Pendapatan hasil IDB pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut :

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Yuran Penyertaan Kursus	24,127.50
2.	Yuran Peperiksaan	9,400.00
2.	Bayaran Kemudahan IDB	139,725.00
3.	Sewa Sri Damai Food Services (Katerer IDB)	12,450.00
<b>JUMLAH</b>		<b>185,702.50</b>



# Sektor Pembangunan Sosio-ekonomi



*BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG*

## JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN PENJAJA

Pada Disember 2012, nama Jabatan ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja. Bagaimanapun, pada September 2015 nama Jabatan sekali lagi ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja. Pertukaran nama ini adalah lebih tepat dengan pelaksanaan fungsi dan skop kerja Jabatan ini.

### 1.0. PERUNTUKAN BELANJAWAN DAN HASIL

Bulan	PRESTASI BELANJAWAN JABATAN		PERATUS	BAJET SEBENAR
	PERBELANJAAN SEMASA	JUMLAH PERBELANJAAN		
	RM	RM	%	RM
Januari	5,422,418.00	5,422,328.00	14	39,536,700.00
Februari	2,963,904.00	8,386,322.00	21	39,536,700.00
Mac	6,155,491.00	14,541,813.00	37	39,536,700.00
April	4,592,748.00	19,134,561.00	48	39,536,700.00
Mei	3,487,945.00	22,622,506.00	56	40,242,100.00
Jun	3,078,532.00	25,701,038.00	62	41,291,300.00
Julai	3,651,753.73	29,352,791.73	70	41,768,700.00
Ogos	3,971,573.89	33,324,365.62	73	45,688,700.00
September	2,716,862.47	36,041,228.09	78	46,159,400.00
Oktober	3,485,420.50	39,526,648.59	86	46,159,400.00
November	4,256,626.37	43,783,274.96	90	48,759,400.00
Disember	2,550,530.98	46,333,805.94	95	48,771,000.00
<b>JUMLAH TERKUMPUL</b>		<b>46,333,805.94</b>	<b>95</b>	<b>48,771,000.00</b>

Bajet Mengurus Sebenar adalah sebanyak **RM48,771,000.00**

Perbelanjaan adalah sebanyak **RM46,333,805.94**

Peratus Perbelanjaan sebanyak **95.00 %**

### 1.1. Statistik Kutipan Hasil Lesen Dan Sewa Gerai Pasar

BIL	JENIS HASIL	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	Premis	21,296,904.15
2	Iklan	13,571,354.41
	Iklan Paparan Luar (Billboard)	4,072,237.35
3	Hiburan	4,720,812.00
4	Penjaja	3,172,241.50
5	Pelelong	4,490.00
6	Tempat Letak Kereta	1,000,249.00
7	Minuman Keras	2,505,462.50
8	Sewa Gerai Pasar (Semasa)	6,952,187.11
	Sewa Gerai Pasar (Tunggakan)	12,016,708.35
<b>JUMLAH KUTIPAN (RM)</b>		<b>69,312,646.37</b>

## 2.0. PENGURUSAN ADUAN

### 2.1. Statistik Terimaan Aduan

BIL	SALURAN/SUMBER ADUAN	JUMLAH
1.	Telefon	84
2.	Surat	5
3.	i-SPAAA	460
4.	Hadir Bersemuka	46
5.	Facebook	0
6.	Akhbar	0
7.	Lain-lain	1
<b>JUMLAH</b>		<b>596</b>

## 2.2. Statistik Aduan Mengikut Tempoh Tindakan

BIL	KATEGORI ADUAN	JUMLAH ADUAN MENGIKUT TEMPOH TINDAKAN			
		1-3 HARI	4-7 HARI	8-14 HARI	>14 HARI
1.	Penjaja Tanpa Lesen	99	3	-	-
2.	Halangan	72	1	-	-
3.	Kebersihan – Gerai kotor	15	-	-	-
4.	Penjaja warga asing	31	-	-	-
5.	Kacau ganggu/ bunyi bising	31	2	-	-
6.	Membina sambungan haram	1	-	-	-
7.	Saiz gerai melebihi had dibenarkan	5	-	-	-
8.	Berniaga melebihi waktu dibenarkan	11	-	-	-
9.	Menyewakan gerai	8	-	-	-
10.	Tiada suntikan Ty2	1	-	-	-
11.	Tidak puas hati dengan tindakan DBKL	20	3	-	-
12.	Penyelenggaraan/kerosakan	29	4	1	-
13.	<i>Billboard</i> tanpa kelulusan	1	-	-	-
14.	Iklan Haram	8	2	-	-
15.	Premis Tanpa Lesen	108	6	-	-
16.	Lain-lain	124	10	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>564</b>	<b>31</b>	<b>1</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>596</b>			

## 3.0. PEMBANGUNAN PENJAJA

### 3.1. Kursus Transformasi Penjaja

Tarikh	Perkara	Jumlah Peserta
31.1.2016	Kursus Penjaja Pasar Malam Jalan Berhala Di Dewan Megapuri.	48 orang
5.3.2016	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlimen Wangsa Maju dan Setiawangsa Di Dewan Megapuri.	62 orang
16.4.2016	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlimen Wangsa Maju dan Setiawangsa Di Dewan Megapuri.	67 orang
25.5.2016	Program Kursus Bazar Ramadhan Di Institut Latihan DBKL.	500 orang

Tarikh	Perkara	Jumlah Peserta
28.5.2016	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlmen Wangsa Maju, Setiawangsa dan PPR Seri Alam Di Dewan Megapuri.	120 orang
16-17.8.2016	Program Sesi Taklimat Penggunaan Biodegradasi Peringkat DBKL di Auditorium.	270 orang
28.8.2016	Kursus Penjaja Pasar Malam Parlmen Wangsa Maju, Setiawangsa dan PPR Seri Alam di Dewan Megapuri.	58 orang
<b>JUMLAH PESERTA</b>		<b>1125 orang</b>



**Kursus Bazar Ramadhan di Institut Latihan DBKL pada 25 Mei 2016**



**Program Sesi Taklimat Penggunaan Biodegradasi Peringkat DBKL  
Di Auditorium pada 16 &17 Ogos 2016**

### 3.2. Rundingan Awam

BIL	TAJUK	BILANGAN RUNDINGAN	JUMLAH KEHADIRAN
1	Rundingan Awam Penjaja Pasar Malam	8	202
2	Rundingan Awam Penjaja Bazaria Larut Malam	9	182
3	Rundingan Awam Penjaja Di Pusat Penjaja	12	204
4	Rundingan Awam Penjaja Tepi Jalan	8	97
5	Rundingan Awam Program Pembangunan Penjaja	12	255
6	Rundingan Awam Projek MRT	4	61
JUMLAH		53	1001



Rundingan Awam Projek Naik Taraf Penjaja Jalan Alor pada 27 Februari 2016

### 3.3. Pembangunan Naik Taraf Pusat Penjaja/Gerai Penjaja Tepi Jalan

Lokasi	Bil. Penjaja	Mula Kerja	Tamat Kerja
Pusat Penjaja Jalan Cenderasari	15	7 Januari 2015	30 November 2016
Arked Jalan Bunus 6	12	1 November 2016	30 November 2016
Arked Ibu Kota	28	1 November 2016	30 November 2016
Medan Selera Taman Setiawangsa	43	16 November 2016	4 Disember 2016

a. **Pusat Penjaja Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur**



Sebelum



Kerja – Kerja Sedang Dilaksanakan



Kerja-Kerja Telah Disiapkan

**b. Gotong-Royong Pembersihan Pasar**



Lokasi	Kadar Kekerapan
Pasar Pudu	3
Pasar Sungai Besi	2
Pasar Jalan Klang Lama	2
Pasar Taman Cheras	2
Pasar Taman Ikan Emas	1
Pasar Kepong FRI	2
Pasar Alam Damai	1
Pasar Jalan Hang Lekir	1
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>



**Gotong-Royong Pasar Pudu pada 14 November 2016**

**c. Gotong-Royong Pembersihan Pusat Penjaja**

Lokasi	Kadar Kekerapan
PP Jalan Duta	2
PP Mega Mendung	1
PP Little India	2
ICC Bukit Bintang	1
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>



**Gotong-Royong Pusat Penjaja Jalan Duta pada 26 Mac 2016**

### 3.4. Program Transformasi Pasar Malam WPKL 2016

- Pasar Malam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai 98 lokasi di 11 kawasan Parlimen dengan jumlah petak sebanyak 32,320 yang dikendali dan di bawah seliaan oleh Persatuan yang bertindak sebagai penganjur Pasar Malam yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan mendapat watikah pelantikan daripada Datuk bandar Kuala Lumpur.
- Program Transformasi Pasar Malam adalah meliputi aspek pengurusan kawalan tapak, kebersihan, kawalan lalulintas dan keseragaman (penyeragaman penggunaan peralatan seperti kanopi, alas meja, apron, pakaian seragam dan zoning mengikut jualan).

BIL	PARLIMEN	JUMLAH LOKASI PASAR MALAM	JUMLAH LOKASI PASAR MALAM PATUHI GP
1	Batu	19	7
2	Seputeh	10	6
3	Setiawangsa	8	6
4	Segambut	12	1
5	Kepong	6	4
6	Bandar Tun Razak	17	11
7	Lembah Pantai	9	6
8	Wangsa Maju	4	3
9	Bukit Bintang	2	2
10	Titiwangsa	4	2
11	Cheras	7	5
<b>JUMLAH</b>		<b>98</b>	<b>53</b>



Transformasi Pasar Malam PKNS Jalan Kuching 320 Petak



**Transformasi Pasar Malam Lorong Tuanku Abdul Rahman 550 Petak**

## 4.0. PELESENAN

### 4.1. Statistik Lesen Sehingga 2016

JENIS LESEN	2015	JUMLAH 2016	JUMLAH KESELURUHAN
Lesen Premis/Komposit	54,648	6,743	61,391
Lesen Iklan/Papan Tanda	27,309	2,230	29,539
Paparan Sementara	690	80	770
Sepanduk	8,167	102	8,269
Paparan Luar	388	85	473
Hiburan Semasa	21,165	2,370	23,535
Hiburan Malam	611	165	776
Hiburan Permainan	414	69	483
Hiburan Tayangan Gambar	26	17	43
Tempat Letak Kereta	513	88	601
Lesen Pelelong	748	18	766
Lesen Minuman Keras	1,665	261	1,926
Gerai Tepi Jalan	12,342	941	13,283
Gerai Berkunci	597	-	597
Kiosk	147	-	147
Pasar Berbangunan	13,304	1,448	14,752
Pasar Malam	25,309	1,467	26,776
Pasar Terbuka	7,250	300	7,550
Pusat Penjaja DBKL	2,763	231	2,994
Pusat Penjaja Swasta	1,651	53	1,704
Pasar Borong	448	-	448
Peraga Dinding	1	-	1
Pasar Tani	161	-	161
Bazaria Larut Malam	63	-	63
Penjaja Beredara	36	38	74
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>180,416</b>	<b>16,706</b>	<b>197,122</b>

#### 4.2. Pelaksanaan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (WPKL) 2016

- Diwartakan pada 30 Ogos 2016 selari dengan pelaksanaan Undang-Undang Lesen Wilayah yang turut dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- DBKL melesenkan 5 aktiviti baru iaitu Pejabat Urusan, Pusat Perubatan Swasta, Pusat Pendidikan Swasta, Institusi Kewangan dan Perbankan serta Kedai Buku dan Alatulis berkuatkuasa pada **1 Oktober 2016**. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak **4,083** premis-premis di bawah aktiviti tersebut telah dilesenkan.

#### Pembatalan Lesen Penjaja

BIL	KATEGORI AKTIVITI	JUMLAH LESEN
1.	Gerai Tepi Jalan / Bahu Jalan	40
2.	Pasar Malam	6
3.	Pasar Terbuka	4
4.	Bazaria Larut Malam	0
5.	Pasar Berbangunan	32
6.	Pusat Penjaja DBKL	6
7.	Pusat Penjaja Swasta	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>88</b>

#### Statistik Tindakan Mesyuarat Jawatankuasa Pembatalan Lesen Dan Permit

BIL	KATEGORI AKTIVITI	JUMLAH LESEN
1.	Hiburan	17
2.	Refleksologi/Urut	1
3.	Premis	17
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>35</b>

## 5.0. PENGUATKUASAAN

### 5.1. Operasi Penurunan Struktur Paparan Iklan

BIL	PERKARA	JUMLAH TINDAKAN
1.	Jumlah Operasi	147
2.	Jumlah Lokasi	927
<b>KATEGORI PAPARAN IKLAN</b>		
3.	Jumlah Penurunan Iklan Kain Rentang	237
4.	Jumlah Penurunan Iklan Tiang Lampu	35,811
5.	Jumlah Penurunan Iklan Poster/Iklan Kecil	12,296
6.	Jumlah Penurunan Iklan Paparan Sementara	57
7.	Jumlah Penurunan Iklan <i>Billboard</i>	42
<b>JUMLAH PENURUNAN STRUKTUR IKLAN</b>		<b>48,443</b>



Penurunan Iklan di Jalan Silang pada 14 Januari 2016



Penurunan Iklan *Billboard* di Jalan Pahang pada 7 Mac 2016

## 5.2. Operasi Khas Premis Melibatkan Aktiviti Judi

BIL	KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH PREMIS
1.	Bukit Bintang	182
2.	Seputeh	77
3.	Segambut	11
4.	Batu	52
5.	Kepong	21
6.	Cheras	61
7.	Setiawangsa	24
8.	Titiwangsa	57
9.	Wangsa Maju	37
10.	Bandar Tun Razak	59
11.	Lembah Pantai	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>611</b>

BIL	JENIS BARANG	JUMLAH BARANG SITAAN	JUMLAH ANGGARAN NILAI SITAAN
1.	CPU	9,530	131
2.	MONITOR	9,361	
3.	PELBAGAI	445	
4.	DECODER CCTV	200	
5.	MULTI STATION MACHINE	625	
6.	SIMULATOR	263	
7.	AMPLIFIER	4	
8.	SPEAKER	14	
9.	TV	24	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>20,466</b>	<b>RM19,558,950.00</b>



#### OPERASI KHAS 2.11.2016

Lokasi Tindakan :	<b>Jalan Alor</b>
Laporan Tindakan:	<b>Sitaan : CPU - 29 Monitor - 29 Decoder TV - 2</b>
Anggaran Nilai Sitaan:	<b>RM18,500.00</b>



#### PARLIMEN WANGSA MAJU 27.10.2016

Lokasi Tindakan:	<b>No. 24 , Jalan 14/6, Danau Kota</b>
Laporan Tindakan Keseluruhan:	<b>Sitaan : CPU - 112 Monitor - 114 Decoder cctv - 3 Multi Station Machine - 17</b>
Anggaran Nilai Sitaan :	<b>RM 402,300.00</b>

### 5.3. Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Penjaja

BIL	OPERASI PENGUATKUASAAN	KETUA PENYELARAS	JUMLAH OPERASI
1.	Ops Warga Asing	JPK/JPPP	5
2.	Ops Tunda Kenderaan	JPK/JPPP	1
3.	Ops Roboh	JPPP	3
4.	Ops Pasar Borong	JPPP	8
5.	Ops Task Force Kebersihan	JPPP	28
6.	Ops Tegas	JPK	7
7.	Ops Catut	KPDNKK	1
8.	Ops Bersepadu Penjaja	JPPP	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>65</b>



Operasi Warga Asing di Pasar Borong Kuala Lumpur pada 1 Mac 2016

## 6.0. PERUNDANGAN

### 6.1. Statistik Tindakan Kompaun

PERKARA	JUMLAH
Kompaun	7921
Batal	24
Tindakan Mahkamah	1369
Kes Fail Selesai	213
Notis Tawaran Kompaun	890
Jumlah Kompaun Dibayar	3010
Jumlah Bayaran Kompaun	RM206,690.00

## 6.2. Statistik Pengeluaran Kompaun Berdasarkan Akta/UUK/Kaedah

BIL	AKTA/UUK/KAEDAH	JUMLAH KOMPAUN
1.	UUK <i>Tred</i> , perniagaan dan Perindustrian WPKL 1986	678
2.	UUK Iklan (WPKL) 1982	724
3.	UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WP) 1982	32
4.	UUK Setor Kayu dan Kerja Kayu (WPKL) 1981	1
5.	UUK Pelesenan <i>Establisymen</i> Makanan WPKL 1985	294
6.	UUK Kedai Dobi (WPKL) 1985	13
7.	UUK Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut WPKL 1979	22
8.	UUK Establisymen Kecantikan dan Kesihatan (WPKL) 2003	105
9.	Akta Kerajaan Tempatan 1976	23
10.	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974	26
11.	Akta Hiburan (WPKL) 1992	22
12.	Akta Hotel (WPKL) 2003	2
13.	Kaedah-Kaedah Pusat Siber dan <i>Kafe Siber</i> 2012	0
14.	Kaedah-Kaedah Hiburan (WPKL) 1993	1
15.	UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai WPKL 1989	5797
16.	UUK Pasar Borong WPKL 2002	133
17.	UUK Pasar WPKL 1984	36
18.	UUK Makanan WPKL 1979 Pindaan 1991	12
<b>JUMLAH PENGETAHUAN KOMPAUN</b>		<b>7921</b>

## 6.3. Statistik Pengeluaran Kompaun Mengikut Kesalahan Penjaja

BIL	KESALAHAN	JUMLAH
1.	Tidak mempamerkan Lesen	3
2.	Berniaga Tanpa Lesen	2799
3.	Lesen Tamat Tempoh	2326
4.	Halangan	79
5.	Pembantu Tanpa Kebenaran (Warganegara)	23
6.	Pembantu Tanpa Kebenaran (Warga Asing)	66
7.	Kebersihan	114
8.	Pelbagai Kesalahan	582
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>5992</b>

# JABATAN PENGUATKUASAAN

Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada asalnya sebagai Skuad Pemusnah (*Demolition Squad*) dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya. Jabatan Penguatkuasaan mempunyai perjawatan sebanyak **2,114** yang terdiri daripada skim perkhidmatan Keselamatan dan Penguatkuasaan(KP), Pentadbiran(N), Kewangan(W), Teknologi Maklumat(F), Undang-undang(U) dan Pembantu Awam(H). Jabatan Penguatkuasaan ditadbir oleh Pengarah Gred Jusa C VU7 bersama 16 orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

## 1.0. PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2016

Secara keseluruhannya, Jabatan berjaya mencapai KPI yang ditetapkan melalui NKRA : Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang iaitu memastikan perbelanjaan bajet mengurus mencapai 93.45%.

### 1.1. Perbelanjaan Mengurus

Berikut adalah statistik perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 :-

Perkara	Tahun 2016 (RM)
Peruntukan Yang Diluluskan	151,294,110.00
Perbelanjaan	146,617,920.00
Perbezaan	4,676,190.00

Berdasarkan statistik di atas, terdapat baki peruntukan yang tidak dibelanjakan kerana terdapat beberapa dokumen yang perlu ditender semula seperti Tender Ubat Kuda dan Peralatan Keselamatan dan Pertahanan.

### 1.2. Perbelanjaan Pembangunan

Berikut adalah statistik perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016 :-

Perkara	Tahun 2016 (RM)
Peruntukan Yang Diluluskan	9,959,000.00
Perbelanjaan	9,208,181.44
Perbezaan	750,818.56

Berdasarkan statistik perbelanjaan pembangunan di atas, terdapat lebihan baki peruntukan yang tidak digunakan kerana pembelian kenderaan tidak dapat dibuat dalam tahun semasa.

## 2.0. LAPORAN PRESTASI TINDAKAN PENGUATKUASAAN

### 2.1. Pengeluaran Notis Kesalahan dan Kutipan Kompaun Tahun 2016

Jumlah keseluruhan pengeluaran notis kesalahan bagi tahun 2016 sebanyak **1,591,656** notis. Pecahan pengeluaran notis kesalahan adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah Notis 2016</b>		
		<b>Kes Trafik</b>	<b>Kes Am</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Notis dikeluarkan	1,533,593	58,063	1,591,656
2.	Notis dibayar	171,149	10,965	182,114
<b>Jumlah Kutipan Kompaun</b>		<b>RM6,897,648.00</b>	<b>RM840,586.00</b>	<b>RM7,738,234.00</b>

Perbezaan jumlah notis yang dikeluarkan dan kutipan kompaun yang dibayar pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah Notis</b>	
		<b>Tahun 2015</b>	<b>Tahun 2016</b>
1.	Notis dikeluarkan	1,421,387	1,591,656
2.	Kutipan kompaun	RM 8,680,075.00	RM 7,738,234.00

Statistik di atas menunjukkan jumlah kutipan kompaun tahun 2016 lebih rendah berbanding tahun 2015 kerana pemberian kadar khas yang telah diumumkan oleh Datuk Bandar.

### 2.2. Tindakan Penguatkuasaan Fizikal

Tindakan yang diambil ke atas kesalahan fizikal adalah seperti berikut:

#### 2.2.1. Pindah Halangan

##### i. Halangan Peniaga

Tindakan yang diambil terhadap peniaga-peniaga restoran atau gerai yang meletakkan kerusi dan meja atau peralatan lain di atas siar kaki atau petak letak kereta yang menyebabkan halangan kepada orang awam. Sepanjang tahun 2016, jumlah tindakan yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga tersebut hanya sebanyak **289** kali berbanding **495** kali pada tahun 2015.

##### ii. Halangan tempat letak kereta

Tindakan yang diambil terhadap orang awam yang meletakkan halangan seperti kon, papan tanda, kayu, batu, penyidai baju, kotak dan sebagainya di dalam petak letak kereta bukan persendirian.

Statistik tindakan bagi tahun 2015 dan tahun 2016 adalah seperti berikut :-

Bil.	Pindah Halangan	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
1.	Kon	157	720
2.	Papan Tanda	15	17
3.	Kerusi	7	82
4.	Meja	10	10
5.	Water Barrier	41	49
6.	Lain-lain	37	176
	<b>Jumlah</b>	<b>267</b>	<b>1,054</b>

### 2.3. Penjaja

Tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana orang awam yang menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen di siar kaki.

Statistik tindakan yang telah dijalankan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:-

Bil.	Sita Penjaja	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
1.	Penjaja Warganegara	3,423	2,645
2.	Penjaja Bukan Warganegara	5,057	6,002
	<b>Jumlah Kutipan Bayaran</b>	<b>RM 8,188.00</b>	<b>RM 15,427.00</b>

### 2.4. Kekotoran (Anti-Litter)

Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas orang awam yang membuang sampah kecil dan meludah merata-rata tempat.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak **207** siri tindakan kekotoran telah dilaksanakan.

Statistik tindakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

Bil.	Tindakan	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
<b>Buang Sampah Kecil</b>			
1.	Notis Kompaun	1,255	1,355
	Kutipan Kompaun Serta Merta	RM 98,150.00	RM 66,800.00
<b>Meludah</b>			
2.	Notis Kompaun	1,352	481
	Kutipan Kompaun Serta Merta	RM 67,000.00	RM 23,900.00
	<b>Jumlah Kutipan Keseluruhan</b>	<b>RM 165,150.00</b>	<b>RM 90,700.00</b>

## 2.5. IKLAN (Poster / Banner Tanpa Kebenaran)

Tindakan ini adalah tindakan menanggal dan menurunkan poster / banner / iklan tanpa kebenaran yang ditampal di tempat awam.

Sebanyak **46,353** jumlah poster / banner / iklan haram yang telah ditanggalkan pada tahun 2016 berbanding **36,541** pada tahun 2015.



Operasi Menurunkan Iklan Haram

## 2.6. Tunda Kenderaan

Tindakan ini adalah tindakan menunda kenderaan yang menghalang lalulintas di lokasi-lokasi hotspots.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak **8,224** kenderaan telah ditunda berbanding **9,625** pada tahun 2015.

## 2.7. Kapit Kenderaan

Berkuatkuasa pada **1 September 2016**, Jabatan telah menguatkuasakan tindakan mengkapit tayar 'Clamping' ke atas kenderaan yang tidak membayar caj parkir dan mempunyai notis kompaun yang tertunggak.

Bermula **12 Oktober 2016**, kadar kompaun dinaikkan sebanyak RM50.00 berbanding sebelum itu kadar kompaun hanya RM30.00.



Operasi Kapit Kenderaan

## 2.8. Tunda Kenderaan Buruk / Tersadai

Tindakan penguatkuasaan menunda kenderaan buruk / tersadai adalah berdasarkan aduan yang diterima. Statistik tindakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

Bil.	Perkara	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
1.	Kereta	545	767
2.	Motosikal	579	750
<b>Jumlah</b>		<b>1,124</b>	<b>1,517</b>

Daripada jumlah tersebut, hanya **57** buah kereta buruk dan **3** buah motosikal buruk yang telah dituntut. Selain itu, **84** buah kereta buruk melibatkan kes polis sepanjang tahun 2016.

## 2.9. Perkhidmatan Cuci Kereta Tanpa Kebenaran

Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas aktiviti perkhidmatan mencuci kereta tanpa kebenaran. Sepanjang tahun 2016, sebanyak **58** tindakan telah diambil.

## 2.10. Struktur Tanpa Kebenaran

Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas struktur dibina tanpa kebenaran di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Sepanjang tahun 2016, sebanyak **68** siri tindakan struktur tanpa kebenaran telah dilaksanakan.

Statistik tindakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

Bil.	Perkara	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
1.	Struktur Tanpa Kebenaran	312	234

# 3.0. OPERASI BERSEPADU

## 3.1. Ops. JAGA (Penjaga Kereta Tanpa Kebenaran)

- Tindakan penguatkuasaan terhadap orang awam yang menjalankan aktiviti menjaga kereta di jalan awam dan tempat letak kereta tanpa kebenaran.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **35** siri telah dilaksanakan melibatkan **90** individu diambil tindakan.

## 3.2. Ops. JEJANTAS

- Tindakan penguatkuasaan ke atas orang awam yang melintas jalan tanpa menggunakan jejantas yang telah disediakan.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **53** siri telah dilaksanakan dan **2,436** notis telah dikeluarkan.

### 3.3. Ops. Gagak (Menembak Burung Gagak)

- Tindakan menembak burung gagak yang berkeliaran sehingga menimbulkan rasa tidak selesa dikalangan orang awam.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **20** siri telah dilaksanakan melibatkan **8,090** ekor gagak.

### 3.4. Ops. BERSIH (Kawalan Pencemaran Alam Sekitar)

- Tindakan penguatkuasaan ke atas lori yang membawa / menjatuhkan tanah / simen / pasir / batu-batu kecil yang tidak mengambil langkah-langkah keselamatan kepada pengguna jalan raya serta menyebabkan kekotoran jalan. Operasi ini juga melibatkan kerjasama agensi luar dan jabatan-jabatan DBKL.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **37** siri telah dilaksanakan.
- Statistik penahanan lori bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut :-

Bil.	Jenis Lori	Jumlah	
		Tahun 2015	Tahun 2016
1.	Lori Simen / Pasir	491	312
2.	Lori Tanah	163	115
<b>Jumlah</b>		<b>654</b>	<b>427</b>



**Ops. BERSIH**

### 3.5. Ops. HALANG

- Tindakan penguatkuasaan bersepada ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan dan persendirian yang melakukan kesalahan lalulintas. Operasi dijalankan bersama-sama dengan agensi kerajaan lain.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **50** siri Ops. Halang telah dilaksanakan.

### 3.6. Ops. TEGAS

- Tindakan penguatkuasaan bersepada ke atas warga asing yang terlibat dalam aktiviti penjajaan. Operasi ini turut melibatkan kerjasama daripada agensi luar.
- Sepanjang tahun 2016, sebanyak **40** siri telah dilaksanakan.




Ops. TEGAS

#### 4.0. PENGURUSAN ADUAN AWAM

Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2016, Jabatan telah menerima sebanyak **2,835** aduan awam berbanding **3,546** aduan dalam tempoh sama pada Januari hingga Disember 2015. Jabatan telah berjaya mencapai penurunan sebanyak 711 aduan. Pecahan aduan mengikut sumber aduan adalah seperti berikut :-

Bil.	Penerimaan Aduan Mengikut Sumber	Tahun 2015	Tahun 2016
1.	iSPAA	2,460	1,654
2.	Telefon	557	269
3.	Surat	258	128
4.	E-mel	60	37
5.	Bersempuka	181	85
6.	KLFM	30	18
7.	Whatsapp	-	644
<b>Jumlah</b>		<b>3,546</b>	<b>2,835</b>

Carta Pecahan Mengikut Sumber Aduan Tahun 2015 dan 2016



#### 5.0. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan, beberapa penambahbaikan perkhidmatan telah dicadangkan antaranya ialah mewujudkan dan menempatkan pegawai/anggota di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) mengikut parlimen dan kawasan serta menjalankan Audit Sumber Manusia yang menjurus kepada keberkesanan jumlah penempatan anggota yang ditetapkan, kompleksiti tugas mengikut keluasan kawasan dan lain-lain.

## 6.0. AKTIVITI – AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016



Program Ceramah Sempena Sambutan  
Maulidur Rasul  
21 Januari 2016  
Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan



Perhimpunan Aman Bantah TPPA  
23 Januari 2016  
Padang Merbok, Kuala Lumpur



Kempen Jom Bayar Saman  
3 hingga 5 Februari 2016  
Dewan Seri Melati, Dewan Persidangan  
Perbadanan Putrajaya



Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan  
Jalan Raya Sempena Perayaan Tahun Baru Cina  
Peringkat Wilayah Persekutuan 2016  
3 Februari 2016  
Plaza Tol Sungai Besi



Operasi Bersepadu di Chow Kit dan  
Plaza GM  
5 April 2016  
Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur



Majlis Berbuka Datuk Bandar Bersama  
Petugas Bazaar  
15 Jun 2016  
Jalan Masjid India, Kuala Lumpur

# JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN & PEMBANGUNAN KOMUNITI

## 1.0. FUNGSI JABATAN

Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), mengurus penjualan rumah kos rendah/sederhana dan membangunkan komuniti daripada pelbagai lapisan masyarakat di WPKL yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial serta membasmi kemiskinan bandar. Di samping itu, juga jabatan ini bertindak sebagai Perbadanan Pengurusan (MC) sementara bagi rumah jual DBKL sebelum hak milik strata dikeluarkan.

## 2.0. LATAR BELAKANG

Perpustakaan Kuala Lumpur telah bergabung dengan Jabatan Pengurusan Perumahan dan dinaiktaraf sebagai Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti pada 1 Ogos 2015.

## 3.0. LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

### 3.1. Bahagian Kewangan

Pengurusan kewangan Jabatan adalah merupakan salah satu daripada tugas utama bahagian ini. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada tiap-tiap awal tahun dan juga pengawalan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2016.

Perkara	Komuniti	Jualan	Selenggara (PA)	Urus (PA)	Selenggara (PPR )	Urus (PPR)	Jumlah
Emolumen	4,786,000	0	0	0	0	0	4,786,000
Pengurusan & Pentadbiran	158,300	160,200	0	18,339,000	0	18,452,000	37,109,500
Sosial & Komuniti	10,346,000	200,000	0	1,510,000	0	1,660,000	13,716,000
Penyelenggaraan	53,500	200,000	57,400,000	0	96,599,000	0	154,252,500
Pembelian Aset & Inventori	33,700	1,300	0	126,100	0	35,700	196,800
<b>JUMLAH</b>	<b>15,377,500</b>	<b>661,500</b>	<b>57,400,000</b>	<b>19,975,100</b>	<b>96,599,000</b>	<b>20,147,700</b>	<b>210,160,800</b>

Jadual 1 : Peruntukan Tahun 2016


Perkara	Komuniti	Jualan	Selenggara (PA)	Urus (PA)	Selenggara (PPR )	Urus (PPR)	Jumlah	% Belanja Keseluruhan
Emolumen	4,573,807	0	0	0	0	0	4,573,807	95.57
Pengurusan & Pentadbiran	87,692	2,969	0	15,111,670	0	13,524,874	28,727,205	77.41
Sosial & Komuniti	8,806,897	89,081	0	1,402,490	0	1,448,494	11,746,961	85.02
Penyelenggaraan	49,571	194,972	46,513,562	0	74,955,537	0	121,713,642	78.91
Pembelian Aset & Inventori	19,910	1,043	0	82,621	0	27,766	131,340	66.74
<b>JUMLAH</b>	<b>13,537,877</b>	<b>288,065</b>	<b>46,513,562</b>	<b>16,596,781</b>	<b>74,955,537</b>	<b>15,001,133</b>	<b>166,892,955</b>	<b>79.41</b>

Jadual 2 : Perbelanjaan Tahun 2016

### 3.2. Laporan Analisa Perbelanjaan Bantuan Rancangan Sosial

		AKTIVITI - AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)
27208	B29607	PUSAT-PUSAT SANG KANCIL - OPERASI DAN PENYELENGGARAAN	700,000	540,035	159,965
27213	B29608	PUSAT BIMBINGAN PELAJAR - OPERASI DAN PENYELENGGARAAN	700,000	642,983	57,017
29414	B29602	MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN / PROGRAM KEAGAMAAN	60,000	0	60,000
29450	B29613	PROGRAM KHAS - GELANDANGAN	200,000	26,214	173,786
29451	B29614	PROJEK KELAS TUISYEN	996,000	860,346	135,654
29456	B29616	PROGRAM KHAS - (e-wargakota)	5,100,000	5,048,722	51,278
29458	B29619	AKTIVITI PEMBANGUNAN SOSIAL	100,000	62,018	37,982
42913	B29620	BANTUAN RANCANGAN SOSIAL DI KAWASAN PERUMAHAN	3,100,000	2,842,856	257,144
	B29629	PROGRAM KHAS – MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK	2,500,000	1,576,666	923,334
	B29622	KEMPEN & OPERASI	250,000	138,994	111,006
	B27302	ALAT-ALAT SUKAN	10,000	8,128	1,872
<b>JUMLAH</b>			<b>13,716,000</b>	<b>11,746,962</b>	<b>1,969,038</b>

Jadual 3 : Laporan Analisa Perbelanjaan Bantuan Rancangan Sosial Tahun 2016



Carta 1 : Laporan Analisa Perbelanjaan Bantuan Rancangan Sosial Tahun 2016

**3.4. Perbelanjaan Perpustakaan Kuala Lumpur Tahun 2016**  
**Kod Jabatan/Jabatan : S5600 – Perpustakaan Kuala Lumpur**

PERKARA	PERUNTUKAN TAHUN 2016 (RM)	PERUNTUKAN SELEPAS PINDAHAN WANG TAHUN 2016 (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (%)
Emolumen	5,060,500.00	5,200,000.00	4,262,118.17	82
Perkhidmatan dan Bekalan	4,751,100.00	4,751,560.00	4,522,007.34	95
Aset	32,600.00	32,600.00	18,380.00	56
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	-		-	-
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	-		-	-
<b>JUMLAH PERUNTUKAN/ PERBELANJAAN</b>	<b>9,844,200.00</b>	<b>9,984,160.00</b>	<b>8,802,505.51</b>	<b>88</b>

Jadual 4 : Perbelanjaan Perpustakaan Kuala Lumpur Tahun 2016

## 4.0. MAKLUMAT PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN

145

### 4.1. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

#### 4.1.1. Pengurusan Aduan Awam

Seksyen H.O.C ditubuhkan adalah bertujuan mengemaskini aduan dari segi pengagihan maklumat aduan, maklumbalas jawapan dan pelaporan secara bersistematik dan efisyen. Seiring dengan kemajuan sistem maklumat, Seksyen H.O.C berperanan dalam memberi maklum balas kepada aduan yang diterima melalui pelbagai saluran daripada media elektronik dan media masa, Sistem aduan ISPAAA, Sistem E-Perumahan dan yang terima terus daripada orang awam. Sebanyak 17,002 aduan yang telah direkodkan dalam sistem E-Perumahan. Sebanyak 11,145 aduan telah berjaya diselesaikan, 5,857 masih dalam tindakan dan 10 aduan adalah tidak berkaitan.

#### 4.1.2 Jenis Aduan Mengikut Kategori

BIL.	JENIS ADUAN	JUMLAH ADUAN DITERIMA	ADUAN SELESAI	ADUAN BELUM SELESAI
1.	Penyelenggaraan	16192	10464	5728
2.	Penguatkuasaan	188	145	43
3.	Peruntukan Rumah Sewa	164	158	6
4.	Pentadbiran	13	13	0
5.	Pegurusan Zon	231	220	11
6.	Bahagian Jualan	17	17	0
7.	Kewangan	158	90	68
8.	Teknologi Maklumat	29	28	1
9.	Aduan Tidak Berkaitan	10	10	0
<b>Jumlah</b>		<b>17002</b>	<b>11145</b>	<b>5857</b>

Jadual 5 : Jumlah Aduan e-Perumahan Yang Diterima Tahun 2016

#### 1.1.3 Penambahbaikan Pengurusan Aduan Peringkat Jabatan

- i. Jabatan telah membuat penambahbaikan bagi menangani menyelesaikan aduan yang diterima iaitu dengan mengadakan 'Task Force' bagi aduan yang tertunggak.
- ii. Meningkatkan Sistem E-Perumahan dengan menambah Modul Jualan bagi mengasingkan unit jual dan sewa agar meminimumkan penyelenggaraan kerosakan yang bukan di bawah tanggungjawab Jabatan.
- iii. Mengadakan Mesyuarat Pelaporan secara bulanan sepanjang tahun 2016 bagi mengelakkan aduan tertunggak melebihi masa yang telah ditetapkan.
- iv. Mewujudkan Jawatankuasa H.O.C bagi menyelesaikan aduan yang memerlukan keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi.

#### 1.1.4 Unit Pembangunan (Status Projek Tempat Letak Kereta Bertingkat)

Pembinaan tempat letak kereta bertingkat melibatkan 12 kawasan di Perumahan Awan dan PPR DBKL. Sebanyak 4 kontraktor telah dilantik bagi menjayakan projek ini iaitu Syarikat Euro Saga Sdn. Bhd, Pertama Makmur Sdn. Bhd, LBH Engineer Sdn Bhd dan Tekad Warisan Sdn Bhd. Projek ini melibatkan kos pembinaan sebanyak RM373.73 juta

PAKEJ	KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	PPR / PA	ZON	TARIKH PRE- ENGAGEMENT	TARIKH PUBLIC ENGAGEMENT	STATUS PROJEK
1	EURO SAGA SDN. BHD.	25.55j	PPR KG. BARU AIR PANAS	4	9 Mei 2016	19 November 2016	DALAM PEMBINAAN
		30.88j	PPR HILIRAN AMPANG	4	i) 18 Mei 2016 ii) 25 November 2016	-	DALAM PEMBINAAN
		19.27j	PPR SERI PANTAI	2	9 Mei 2016	2 Oktober 2016	DALAM PEMBINAAN
2	PERTAMA MAKMUR SDN. BHD.	24.06j	PA SERI SABAH	1	24 Mei 2016	21 Ogos 2016	DALAM PEMBINAAN
		29.27j	PPR TAMAN MULIA	1	9 Jun 2016	27 Ogos 2016	DALAM PEMBINAAN
		36.95j	PA SERI KOTA	1	31 Mei 2016	27 Ogos 2016	DALAM PEMBINAAN
		48.25j	PPR DESA TUN RAZAK	1	13 Mei 2016	3 September 2016	DALAM PEMBINAAN
		17.26j	PPR DESA PETALING	2	2 Jun 2016	4 September 2016	DALAM PEMBINAAN
3	LBH ENGINEER SDN. BHD.	30.6j	PPR PEKAN KEPONG	3	23 Mei 2016	18 Jun 2016	DALAM PEMBINAAN
		30.03j	PPR INTAN BAIDURI	3	11 April 2016	25 Jun 2016	DALAM PEMBINAAN
		30.74j	PPR DESA REJANG	4	11 April 2016	26 Jun 2016	DALAM PEMBINAAN
4	TEKAD WARISAN SDN. BHD.	50.6j	PPR RAYA PERMAI	2	4 Jun 2016	6 Ogos 2016	DALAM PEMBINAAN
	JUMLAH KOS	373.73j					


Jadual 6 : Status Projek Tempat Letak Kereta Bertingkat

## 4.2. Bahagian Penyelenggaraan

### 4.2.1. Aduan penyelenggaraan

Bahagian ini telah menerima aduan penyelenggaraan melalui 2 saluran iaitu sistem ISPAAA dan sistem E-Perumahan. Jumlah aduan yang diterima sepanjang tahun 2016 melalui sistem ISPAAA adalah sebanyak 720 aduan dan melalui Sistem E-Perumahan sebanyak 17,787 aduan.

Selain daripada melaksanakan kerja baikpulih berdasarkan aduan, Bahagian Penyenggaraan melaksanakan kerja operasi dan juga pembangunan baru kemudahan gunasama. Kerja operasi melibatkan baikpulih kerosakan, servis berkala, naik taraf perlindungan anti-vandalisme dan juga penggantian.



Carta 2 : Jumlah Aduan

### 4.2.2. Kerja-kerja Operasi

Bahagian ini juga telah menguruskan kerja-kerja baikpulih kerosakan yang melibatkan gunasama, dalam unit dan unit kosong di sepanjang tahun 2016 dengan kos sebanyak RM70.2 juta.

Keterangan Kerja	PPR/Kos (RM)	PA/Kos (RM)
Kerja Awam	23.69 juta	18.27 juta
Kerja Elektrik	6.65 juta	3.48 juta
Kerja Mekanikal (Pam, Fire Fighting dan Penghawa Dingin)	3.62 juta	1.48 juta
SWB	2.13 juta	1.30 juta
Lif	6.81 juta	2.81 juta
<b>Jumlah Kos Baikpulih</b>	<b>42.90 juta</b>	<b>27.34 juta</b>

Jadual 7 : Kos Baikpulih Tahun 2016

#### **4.2.3. Kerja-Kerja Pembangunan / Projek Kecil / Orang Kurang Upaya (OKU) / PPR Bukit Jalil**

Sebanyak RM39.24 juta telah dibelanjakan untuk tahun 2016 bagi melaksanakan kerja-kerja Projek Kecil dan beberapa projek naik taraf seperti berikut :

Keterangan Kerja	PPR/Kos (RM)
Projek Kecil	5.93 juta
Naik Taraf Tangki Lama ke Tangki Baru	552,000
Naik Taraf Sistem Bekalan Air	156,000
Naik Taraf Bumbung	475,000
Penggantian Sistem Pencegah Kebakaran	271,000
Penggantian Lif	19.2 juta
Naik Taraf Lif	6.65 juta
Naik Taraf Pam	803,000
Baikpulih PPR Bukit Jalil	1.45 juta
Baik Pulih Blok F PPR Muhibbah	3.75 juta
<b>Jumlah Kos Perbelanjaan</b>	<b>39.24 juta</b>

Jadual 8 : Jumlah Kos Perbelanjaan bagi Kerja-kerja Projek Tahun 2016

#### **4.3. Bahagian Perumahan dan Pengurusan Zon**

##### **4.3.1. Unit Sewa Rumah dan Kedai**

Unit ini menguruskan peruntukan rumah awam, setinggan dan gerai/kedai.

###### **A. Fungsi**

- Memproses permohonan rumah sewa yang berdaftar melalui Sistem e-perumahan
- Memproses permohonan unit-unit belia dan beliananis
- Memproses permohonan penyewaan kedai dan gerai di kawasan PA/ PPR
- Memproses rayuan permohonan kes pertukaran unit/kawasan
- Sekretariat Jawatankuasa permohonan kes pertukaran nama Ketua Penyewa
- Menguruskan penempatan semula setinggan berdasarkan Program Pembersihan Setinggan yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

## B. Aktiviti

Unit Sewa Rumah dan Kedai bertanggungjawab dalam 4 skop kerja iaitu:

- Memproses permohonan rumah sewa melalui Sistem E-perumahan (Perumahan Awam (PA) / Projek Perumahan Rakyat (PPR) / dan memperoses permohonan kompleks Belia dan Belianis;
- Sekretariat Jawatankuasa permohonan kes pertukaran nama Ketua Penyewa;
- Menawarkan penempatan setinggan berdasarkan Program Pembersihan Setinggan yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan; dan
- Memproses permohonan unit-unit kedai atau gerai

### 4.3.2. Seksyen Awam

Memproses permohonan rumah sewa yang berdaftar melalui Sistem e-Perumahan, permohonan pertukaran unit, belia dan belianis serta Sekretariat Jawatankuasa permohonan kes pertukaran nama Ketua Penyewa.

Pada tahun 2016 sebanyak 22 siri Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam (JKPRA), 6 siri Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam (JKPRA) (Pertukaran Unit/Kawasan) dan 7 siri Mesyuarat Jawatankuasa Pertukaran Nama telah diadakan di antara bulan Januari hingga Disember 2016. Data tarikh mesyuarat dan jumlah permohonan yang dibawa untuk pertimbangan ahli mesyuarat adalah seperti berikut:

BIL	SIRI MESYUARAT	JUMLAH PERMOHONAN DIBAWA UNTUK PERTIMBANGAN	KEPUTUSAN								KIV (untuk bawa mesyuarat semula)	Belawanis	
			Syor Lulus	Syor Tolak	Lulus	Tolak	Siasat	Pengesahan Kelulusan	Tiada Keputusan	Kes Pengalukanasaan	Lulus Bersyarat		
1	22 SIRI MESYUARAT JKPRA	2,129			772	693	256				-	409	47
3	6 SIRI MESYUARAT JKPRA (PERTUKARAN KAWASAN)	314			168	136	-				-	10	-
4	7 SIRI MESYUARAT JAWATANKUASA TUKAR NAMA						317	56			241	16	-
	JUMLAH	3,073						1,257	885	256		241	434
												47	

Jadual 9 : Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam Tahun 2016

- Jumlah tawaran permohonan baru yang dikeluarkan sehingga bulan Disember 2016 adalah sebanyak 440 permohonan.
- Statistik jumlah tawaran baru (tidak termasuk tawaran pertukaran unit dan belia/beliawanis) yang dikeluarkan mengikut bulan dan status keluarga adalah seperti di bawah:-

KAHWIN				IBU/BAPA TUNGGAL				JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN
OKU	WARGA EMAS	LAIN-LAIN	JUMLAH	OKU	WARGA EMAS	LAIN-LAIN	JUMLAH	
52	15	257	324	12	10	94	116	440

Jadual 10 : Statistik Jumlah Tawaran Baru Tahun 2016

- Sehingga 31 Disember 2016 seramai 440 tawaran baru telah ditawarkan PA/PPR DBKL.

#### 4.3.3. Unit Kedai atau Gerai

Tawaran unit kedai dan gerai diberi keutamaan kepada penduduk tempatan yang memohon iaitu mereka yang tinggal dalam kawasan PA/PPR DBKL di mana terdapat unit kosong bagi kedai dan gerai dibuka untuk ditawarkan. Kelazimannya pertimbangan akan dibuat dengan melihat kepada jenis perniagaan dan tarikh permohonan kedai atau gerai dibuat.

Bagi bulan Januari hingga Disember 2016, sebanyak 8 siri temuduga kedai /gerai dan 35 tawaran telah dikeluarkan.

#### 4.3.4. Unit Setinggan

Sepanjang Januari sehingga Disember 2016, sebanyak 473 unit PPR (MTEN) telah ditawarkan kepada setinggan untuk diisi. Statistik tawaran setinggan dari bulan Januari hingga Disember 2016 adalah seperti di bawah :

JUMLAH TAWARAN	AMBIL TAWARAN	BAKI / TIDAK AMBIL TAWARAN
473	296	177

Jadual 11 : Statistik Tawaran Setinggan Tahun 2016

#### 4.3.5. Unit Penguatkuasaan

2.	Kerja-kerja penyelenggaraan jejambat/jambatan di Jalan Barat, Bukit Jalil	366219	7,760.00
3.	Kerja-kerja penyelenggaraan jejambat/jambatan di Jalan Bangsar	366217	11,640.00
4.	Kerja-kerja penyelenggaraan jejambat/jambatan di Jalan 1/2B, Taman Sri Murni	366218	11,640.00
5.	Kerja-kerja penyelenggaraan jejambat/jambatan di Jalan Tun Razak Kedua Arah	366220	29,100.00
6.	Kerja-kerja penyelenggaraan jejambat/jambatan di Jalan Duta Kiara	387923	17,460.00

BIL	TAJUK KERJA	NO. BT	NILAI BT (RM)
7.	Kerja-kerja mengganti "panel" di terowong Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur	424959	32,560.00
8.	Kerja-kerja membaiki 'rubble wall' dan mengecat pagar keselamatan di jambatan Jalan Sultan Azlan Shah, Kuala Lumpur	424961	18,965.06
9.	Kerja-kerja membaiki dan mengecat pagar keselamatan di jambatan Jalan Batu Muda Tambahan 3, Kuala Lumpur.	424958	4,799.04
10.	Kerja-kerja mengecat dinding dan membaiki pagar keselamatan di Jalan 3/48A berhampiran Masjid Amru Ibn Al As, Bandar Baru Sentul,	424960	31,890.75
11.	Kerja-kerja mengecat dinding di terowong Jalan Tugu, Kuala Lumpur.	424962	19,736.64
12.	Kerja-kerja mengecat dinding di sepanjang jambatan Jalan Yew, Pudu, Kuala Lumpur. (Fasa 1)	424995	91,479.57
13.	Kerja-kerja mengecat dinding di sepanjang jambatan Jalan Yew, Pudu, Kuala Lumpur. (Fasa 2)	424996	91,853.57
14.	Kerja-kerja mengecat dinding 'parapet wall' berhampiran Sekolah Kuen Cheng Jalan Syed Putra ( <i>Outbound</i> -kanan jalan) dan jalan susur Lebuhraya Sultan Iskandar ke Jalan Tuanku Abdul Halim,	388076	24,023.04
15.	Kerja-kerja memasang pagar keselamatan di Jalan Ledang,	388077	35,647.20
16.	Kerja-kerja mengecat dinding 'parapet wall' berhampiran Sekolah Kuen Cheng Jalan Syed Putra ( <i>outbound</i> -kiri dan kanan jalan),	388078	20,802.56
17.	Cadangan Kerja-kerja membaiki jejambat merentangi Bulatan Dato Onn (Persimpangan Jalan Parlimen/Jalan Kinabalu) Kuala Lumpur.	Kontrak	627,680.00
	<b>JUMLAH</b>		<b>1,084,329.43</b>

## 5.0. UNIT PROJEK DAN PEMBINAAN JALAN

Mengurus Pembinaan Projek-Projek seperti:

- Mengurus pembinaan projek-projek jalan, jambatan, jejambat, terowong, jejantas & persimpangan bertingkat.
- Menyelaras penyediaan dokumen kontrak, perakuan lanjutan masa, perakuan kerja tidak siap, lanjutan masa, perubahan arahan kerja dan pelarasan harga kontrak.
- Mengurus dan menyelia tapak pembinaan.
- Menyediakan dokumen-dokumen pembayaran kepada kontraktor
- Menjalankan kajian impak dan *outcome* projek.

### 5.1. CADANGAN MENAIKTARAF TEROWONG SEDIADA DI JALAN DUTA KE LEBUHRAYA MAHAMERU, KUALA LUMPUR

Tarikh Mula	:	18/6/2014
Tarikh Siap Sebenar	:	17/6/2016
Tempoh Pembinaan	:	100 minggu
Tarikh Perasmian	:	2 Julai 2016 (Sabtu)



Majlis Perasmian Terowong Jalan Duta Oleh Menteri Wilayah Persekutuan

## 5.2. MEMBINA JALAN SAMBUNGAN (*MISSING LINK*) JALAN JALIL PERKASA 7 KE JALAN BARAT, BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR

Tarikh Mula	:	15 Disember 2015
Tarikh Siap	:	11 Julai 2016
Tempoh	:	30 Minggu
Tarikh Perasmian	:	11 Ogos 2016



Majlis Perasmian dan Pembukaan Sambungan Jalan Jalil Perkasa 7 ke Jalan Barat oleh Menteri Wilayah Persekutuan

## 6.0. UNIT PARIT INDUK

Menguruskan perkhidmatan penyelenggaraan sistem perparitan induk sepanjang **143 km** dengan menyediakan satu program penyelenggaraan, pembaikan dan pembersihan sistem perparitan air larian hujan untuk memastikan ianya mengalir mengikut tahap kapasiti hidraulik ianya dibina dan direkabentuk. Program penyelenggaraan saliran induk berada di dalam 25 kawasan tadahan sungai dengan keseluruhan panjang saliran induk adalah **143 km** seperti berikut:

BIL	KAWASAN TADAHAN	PANJANG SALIRAN INDUK ( KM )
1	Sungai Bunus	13.53
2	Sungai Gombak	4.41
3	<i>Upper Sungai Klang</i>	9.86
4	Sungai Tong Shin	<i>Underground</i>
5	Sungai Bras Bras	2.86
6	Sungai Pudu	3.31
7	Sungai Chan Sow Lin	3.09
8	Sungai Kerayong	11.24
9	Sungai Jinjang	7.52
10	Sungai Keroh	19.24
11	Sungai Toba	1.07
12	Sungai Batang Tolak	0.59
13	Sungai Petaling	2.32
14	<i>Lower Sungai Klang</i>	15.19
15	Sungai Kuyuh	24.19
16	Sungai Kayu Ara	Dibawah Penyelenggaraan Unit Sungai
17	Sungai Penchala	2.89
18	Sungai Puteh	0.35
19	Sungai Beberas	0.46
20	Sungai Anak Air Batu	6.44
21	Sungai Untut	3.59
22	Sungai Kemunsing	1.81
23	Sungai Batu	2.65
24	<i>Sungai Treacher Valley</i>	3.03
25	Sungai Belongkong	3.12
<b>JUMLAH ( KM )</b>		<b>142.76</b>

### 6.1. Perbelanjaan Tahunan

Pada tahun 2016, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran induk telah menelan belanja sebanyak **RM5 juta** dengan menggunakan 8 kontraktor berpenggal Jabatan yang telah dilantik oleh DBKL

## 6.2. Gambar Kerja-Kerja Penyelenggaraan Saliran Induk

- i. Pembersihan semak samun dan pengorekan mendapan kelodak di dalam rezab saliran induk



Sebelum



Selepas

- ii. Kerja-kerja menaiktaraf saliran induk dan pemasangan pagar keselamatan saliran induk



Sebelum



Selepas

- iii. Menaiktaraf saliran induk/parit dan pembersihan semak samun.



Sebelum



Selepas

iv. Kerja-kerja kecemasan/segera



## 7.0. UNIT TEBATAN BANJIR / PROJEK SALIRAN

**7.1.** Fungsi Utama Unit Tebatan Banjir ialah mengurus dan melaksana Projek-projek Tebatan Banjir, kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir, pemasangan perangkap sampah dan rumah pam kawalan banjir.

- Mengeluarkan Surat Perintah Menjalankan Kerja
- Menyediakan Dokumen Kontrak
- Menyelaraskan Dan Menyelia Tapak.
- Menyediaan Perakuan Interim
- Mengeluarkan Perakuan Siap Kerja.
- Menyediakan Perakuan Muktamad
- Melaksanakan pemeriksaan Berkala Dalam Tempoh Membaki Kecacatan.
- Menyediakan Sijil Bayaran Kemajuan.

### 7.2. Objektif Unit Tebatan Banjir

- Melaksanakan projek-projek peningkatan sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur;
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan khas seperti Projek Loji Rawatan Air Sisa Waste Water Treatment Plant (WWTP), Gross Pollutant Trap (GPT) dan Oil Grease Trap.

### 7.3. Senarai Nama Projek-Projek di Peringkat : Pelaksanaan

Bil	Kod	Nama Projek	Kontraktor	Jurutera	Peruntukan Tahun 2017	Nilai Kontrak	Prestasi Kewangan	Prestasi Fizikal		Catatan
								RM	RM	
01	61950/ 28600	Cadangan Mempertingkatkan dan Membina Kolam Takungan Sistem Pengurusan Hujan Kawasan Tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia	Tetuan Kasdy Builders Sdn. Bhd.	Roslan Hashim	3,000,000	5,800,000		0	0%	0% - PMK telah ditangguhkan
02	61950/ 29100	Mempertingkatkan Sungai Burus dari Jalan Raja Alang Hingga ke Pertemuan Sungai Kelang	Tetuan Retrofit Sdn. Bhd.	Roslan Hashim	5,300,000	10,640,000	3,979,771.40	100%	97%	- Keputusan permohonan EOT 3 ditangguhkan - Kerja-kerja menaiktaraf rumah pam giat dijalankan
03	61950/ 29600	Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk untuk Mengatasi Masalah Banjir di Lorong Kiri 11 Datuk Keramat dan Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur	Tetuan Elis Zuria Sdn. Bhd.	Shanmugam	200,000	8,837,279	3,252,712.10	100%	90%	
04	61950/ 30200	Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dari Taman Mutiara Barat dan Taman Billion Cheras ke Sungai Kerayong, Kuala Lumpur	Tetuan A.Rahis Sdn. Bhd.	Fedly	600,000	3,964,440 + 190,800 (VOT) = 4,155,240	3,517,500.00	100%	98%	- Siap 100% - EOT 2 lulus dari 01.01.2016 - 15.12.2016 (350 hari)
05	61950/ 30400	Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dan Sistem Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kawasan Bukit Tunku, Kuala Lumpur	Tetuan Kejuruteraan Elektrik Zumangto Sdn. Bhd.	Shanmugam	1,000,000	4,339,622	1,321,253.74	100%	85%	

06	61950/ 31500	Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk untuk Mengatasi Banjir Kilat di Jalan Derumun, Bukit Damansara, Kuala Lumpur	Tetuan HQ Bina Enterprise	Fedlly		500,000	2,971,737.80 + 518,753.93 (VO.1) =	3,490,491.73	92,650.00	100%	10%	- Proses permohonan EOT No. 1 sebanyak 259 hari (17.10.2016 - 02.07.2017) diperangkat Jab. Telah lulus dan akan dibawa keperingkat MLP untuk kelulusan
07	61950/ 31900	Menaiktaraf Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Taman Taynton View, Cheras	Tetuan Wiz Design Sdn. Bhd.	Roslan Hashim	500,000	3,800,000	1,574,573.84	100%	72%	- JAP & LM peringkat Jab. Mengesyorkan EOT 1 selama 88 hari (17.01.2017 - 14.04.2017)		
08	61950/ 32000	Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Tmn Melati	Tetuan Kasdy Builders Sdn. Bhd.	Shanmugam	500,000	4,433,964	1,564,357.50	100%	92%			
09	61950/ 32100	Menaiktaraf Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan di Taman United dan Kawasan Sekitarnya	Tetuan Perintis Jingga Sdn. Bhd.	Roslan Hashim	200,000	6,350,000	0.00	39%	34%	- Belum menerima permit menjalankan kerja di bawah rentis TNB		
10	61950/ 34700	Loji Rawatan Sisa Air di Pasar-Pasar Basah WPKL (Fasa 2)	Tetuan Perunding Buditrans Consult Sdn. Bhd.	Fedlly	5,000,000	Peringkat Rekabentuk Perunding	235,815.76 (Bayaran Perunding)	0	0	- Telah ditender dan tunggu surat lantikan kontraktor dari Perolehan		
11	61950/ 34700	Kerja-Kerja Pengalihan Bongkah-Bongkah Batu dan Sedimen Sungai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pertemuan Sungai Gombak Dan Sungai Batu, Kuala Lumpur Secara 'Design And Build'	Tetuan Ekoriver Construction Sdn. Bhd	Roslan Hashim		4,139,000.00	3,148,000.00	100%	100%	- Peringkat pembayaran sedang diteliti semula		

#### 7.4. Senarai Nama Projek-Projek di Peringkat : Siap

Bil	Kod	Nama Projek	Kontraktor	Nilai Kontrak Semasa	Prestasi Fizikal		Catatan
					Jadual	Sebenar	
				RM	%	%	
01	61950/29000	Mempertingkatkan Perparitan Berhampiran Landasan LRT dan Jalan Cheras Chan Sow Lin dan Sekitarnya  <b>TARIKH MULA : 01.07.2014</b> <b>TARIKH SIAP : 30.09.2015</b>	HQ Bina Sdn. Bhd. (Kontraktor)  HLA Associates Sdn. Bhd. (Perunding)	3,360,857.60 + 475,000.00 (VO.1) + 195,397.08 (VO Akhir) = 4,031,254.68  482,135.00 + 138,057.60 (RE) + 48,268.16 (EOT RE) + 6,356.20 (COW M&E)	100%	100%	- Siap 100% - Bayaran akaun akhir kepada kontraktor telah dibuat - Proses bayaran akhir perunding
02	61950/29500	Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kawasan Sekitar Jalan Duta, Jalan Semantan, Kuala Lumpur  <b>TARIKH MULA : 01.09.2015</b> <b>TARIKH SIAP : 01.08.2016</b>	Tetuan Kejuruteraan Elektrik Zumangtao Sdn. Bhd.	7,627,024.70	100%	100%	- Siap 100% - Proses VO No. 2 (Akhir)
03	61950/31700	Mempertingkatkan Sistem Saliran Sungai Kemunsing dan Lokasi Berhampiran di Taman , Kuala Lumpur  <b>TARIKH MULA : 17.11.2015</b> <b>TARIKH SIAP : 01.06.2016</b>	Tetuan Warga Muhibah Sdn. Bhd.	1,623,150.00 + 294,892.00 (VO.1) = 1,918,042.00	100%	100%	- Siap 100% - EOT No. 1 lulus sebanyak 87 hari (02.06.2016- 27.08.2016) - Proses Penyediaan Akaun Akhir
04	61950/31800	Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Parit Induk di Taman Seri Delima  <b>TARIKH MULA : 18.12.2015</b> <b>TARIKH SIAP : 16.07.2016</b>	Tetuan Bakti Milan Sdn. Bhd.	2,292,573.20	100%	100%	- Siap 100% - Proses Penyediaan Akhir
05	61950/32300	Menaiktaraf Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kawasan Sekitar Telok Gadung off Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur  <b>TARIKH MULA : 28.12.2015</b> <b>TARIKH SIAP : 07.08.2016</b>	Tetuan Excellent Tribute Sdn. Bhd.	3,617,637.90	100%	100%	

## 7.5. LAPORAN PROJEK SIAP BERGAMBAR

### 7.5.1. Mempertingkatkan Perparitan Berhampiran Landasan LRT Jalan Cheras Chan Sow Lin dan Sekitarnya

- |   |   |                          |
|---|---|--------------------------|
| Kontraktor  | : | Tetuan HQ Bina Sdn. Bhd. |
| Perunding   | : | HLA Associates Sdn. Bhd. |
| Tarikh Mula   | : | 1 Julai 2014             |
| Tarikh Siap Asal  | : | 30 Sept 2015             |
| Tempoh Kontrak Asal   | : | 65 Minggu                |
| Nilai Kontrak Semasa  | : | RM4,031,254.68           |
| Sumber Pembiayaan   | : | DBKL                     |
| Belanja sehingga 31 Dis 2016  | : | RM4,031,254.68           |
| Kemajuan Kerja Sehingga   | : | 31 Disember 2016         |
| • Jadual  | : | 100 %                    |
| • Sebenar   | : | 100 %                    |
| • Kelewatan/Cepat   | : | -                        |
| • Siap sepenuhnya, dalam proses akaun akhir untuk yuran perunding.  |   |                          |
| Kos asal yuran perunding RM482,135.00 (belum dibuat pelarasan akaun akhir) dan telah dibayar RM376,058.11.  |   |                          |
| • Tunggu kos akhir kontrak kerja-kerja naik taraf rumah pam di Jalan Chan Sow Lin oleh JKME sebelum pelarasan bayaran perunding kerana menggunakan khidmat perunding yang sama. |   |                          |



### 7.5.2. Mempertingkatkan Sistem Saliran Sungai Kemunsing Dan Lokasi Berhampiran Di Taman Pelangi, Kuala Lumpur

Kontraktor	:	Tetuan Warga Muhibah Sdn.Bhd.
Perunding	:	-
Tarikh Mula	:	17 November 2015
Tarikh Siap Asal	:	01 Jun 2016
Lanjutan Masa No. 1	:	02 Jun 2016 - 27 Ogos 2016
Tempoh Kontrak Asal	:	28 Minggu
Tempoh Kontrak ( EOT 1 )	:	87 hari
Nilai Kontrak Semasa	:	RM1,918,042.00
Sumber Pembiayaan	:	DBKL
Belanja sehingga 31 Dis 2016	:	RM1,194,000.00
Kemajuan Kerja Sehingga	:	31 Dis 2016
• Jadual	:	100 %
• Sebenar	:	100 %
• Kelewatan/Cepat	:	-
• Siap sepenuhnya, dalam proses akaun akhir		



### 7.5.3. Mempertingkatkan Sistem Perparitan Dan Parit Induk Di Taman Seri Delima, Kuala Lumpur

Kontraktor	:	Tetuan Bakti Milan
Perunding	:	-
Tarikh Mula	:	18 Disember 2015
Tarikh Siap Asal	:	16 Julai 2016
Tempoh Kontrak Asal	:	30 Minggu
Nilai Kontrak Semasa	:	<b>RM 2,292,573.20</b>
Sumber Pembiayaan	:	DBKL
Belanja sehingga 31 Dis 2016	:	RM 1,708,220.64
Kemajuan Kerja Sehingga	:	<b>31 Dis 2016</b>
• Jadual	:	100 %
• Sebenar	:	100 %
• Kelewatan/Cepat	:	-
• Siap sepenuhnya, dalam proses akaun akhir		



## 8.0. UNIT PENYELENGGARAAN SUNGAI

Dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan, pembersihan dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan sungai-sungai dan kolam-kolam takungan banjir yang di bawah penjagaan DBKL.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh 30 kontraktor berpenggal yang telah dilantik oleh jawatankuasa tawaran yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam melaksanakan kerja-kerja tersebut, Unit ini telah diperuntukkan dengan bajet sejumlah RM35 juta. Bagi tahun 2016, Unit ini telah membelanjakan sebanyak RM28.5 juta iaitu 86.4%.

Kerja-kerja seperti yang tersebut di atas adalah melibatkan jajaran sungai sepanjang 128.3km dan 14 buah kolam takungan banjir. Kerja-kerja penyenggaraan berkala telah ditetapkan mengikut jadual / program yang disediakan.

Senarai kerja-kerja penyenggaraan adalah seperti berikut:-

- i. Membersihkan perangkap sampah terapung, statik skrin, *gross pollutant traps (GPT)* dan kebuk sampah.
- ii. Memungut sampah (*mopping-up*) di tebing sungai di kawasan pusat bandar.
- iii. Memotong rumput / semak samun, belukar dan tumbuhan liar pada struktur sungai.
- iv. Membersihkan sampah-sarap dan tumbuhan liar di tebing kolam takungan banjir.
- v. Menjalankan kerja-kerja pembersihan kelodak di perangkap kelodak dan kolam takungan banjir.
- vi. Membalik tebing sungai / perangkap kelodak yang runtuh (Sg. Toba)
- vii. Membalik pulih tebing *L-Shape* yang runtuh (Sg. Toba)
- viii. Kerja-kerja menaikkan tembok penahan banjir *RC Wall* untuk KTB Universiti Malaya)
- ix. Kerja-Kerja Membalik pulih Tebing KTB Universiti Malaya yang runtuh
- x. Kerja-kerja mengecat tebing sungai (Sg. Kelang)

### 8.1. Gambar-Gambar Aktiviti Unit Penyelenggaraan Sungai

- i. Pembersihan di *Floating Boom* di Jalan Kolam Air 4



Sebelum



Selepas

ii. Pembersihan di 'GPT' di Kolam Intan Baiduri



Sebelum

Selepas

iii. 'Mopping Up' di Sungai Kelang dari Jambatan Jalan Sultan Ismail hingga ke Jalan Kinabalu



Sebelum

Selepas

iv. Kerja-kerja pembersihan semak samun di Sungai Kuyuh (Taman Esplande)



Sebelum

Selepas

v. Pembersihan kelodak di dalam Kolam Takungan Banjir Lorong Maarof



Sebelum

Selepas

## vi. Kerja-Kerja Membaikpulih Tebing ‘L-Shape’ yang runtuh (Sungai Toba)



Sebelum

Selepas

## vii. Kerja-Kerja Menaikkan Tembok Penahan Banjir di Kolam Takungan Banjir Universiti Malaya



Sebelum

Selepas

## viii. Kerja-Kerja Mengcat Tebing Sungai (Sg. Kelang)



Sebelum

Selepas

## 9.0. UNIT PENGURUSAN KUALITI AIR & AIR BAWAH TANAH

- i. Fungsi utama Unit Pengurusan Kualiti Air & Air Bawah Tanah ialah untuk meningkatkan kualiti air tasik-tasik rekreasi dan kolam-kolam takungan banjir di sekitar Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah eutrofikasi tasik.
- ii. Unit ini juga berperanan untuk merancang dan menyelaras pembangunan sumber air Kuala Lumpur dan bertanggungjawab dalam mencari sumber air yang baharu.
- iii. Di samping itu, Unit ini juga terlibat dalam melaksanakan projek-projek peningkatan sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur.
- iv. Bagi tahun 2016, Unit ini telah melaksanakan 8 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dengan jumlah peruntukan RM12.4juta. Perbelanjaan sebenar ialah RM11.26 juta.

**8.1. Senarai projek yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Kualiti Air & Air Bawah Tanah pada tahun 2016**

**SENARAI PROJEK YANG DIJALANKAN OLEH UNIT PENGURUSAN KUALITI AIR & AIR BAWAH TANAH PADA TAHUN 2016**

BIL	KOD	PROJEK	LOKASI	PARLIMEN	KOS PROJEK	BAJET 2016	STATUS
1.	6195029200	Kerja-Kerja Pemulihan Dan Penyenggaraan Kualiti Air Tasik Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur (Secara Design And Build).	Taman Botani Perdana	Segambut	3,850,380.40 (3,850,380.40)	2,000,000.00	Actual: 100% Planned: 100%
2.	6195032600	Cadangan Kajian Hidrografi Dan Kualiti Air Tasik Serta Kawasan - Kawasan Punca Pencemaran Air Di Tasik Danau Kota, Setapak, K.L.	Taman Tasik Danau Kota	Setapak	89,100.00	100,000	Actual: 95% Planned: 95%
3	6195032600	Cadangan Kajian Hidrografi Dan Kualiti Air Tasik Serta Kawasan - Kawasan Punca Pencemaran Air Di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.	Taman Tasik Titiwangsa	Titiwangsa	99,360.00		Actual: 80% Planned: 80%
4	6195034600	Kajian Sumber Air Bawah Tanah Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	WPKL	WPKL	1,899,999.72 (754,771.00)	1,000,000.00	Actual: 80% Planned: 82%
5	6195032200	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan & Pengurusan Air Hujan Untuk Mengatasi Banjir Kilat Di Kawasan Sekitar Wangsa Maju & Wangsa Melawati, Setapak, Kuala Lumpur.	Wangsa Maju & Wangsa Melawati	Wangsa Maju	3,498,722.00 (2,247,462.34)	2,500,000.00 (SB)	Actual: 100% Planned: 100%
6	6195032100	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk & Pengurusan Air Hujan Di Kawasan Jalan Hujan Emas, Taman Overseas Union,	OUG	Seputeh	2,480,715.00 (1,740,075.37)	3,000,000.00	Actual: 100% Planned: 100%

**SENARAI PROJEK YANG DIJALANKAN OLEH UNIT PENGURUSAN KUALITI AIR &  
AIR BAWAH TANAH PADA TAHUN 2016**

BIL	KOD	PROJEK	LOKASI	PARLIMEN	KOS PROJEK	BAJET 2016	STATUS
7	6195028600	Cadangan Membina Kolam Tahanan Air Di Taman Sppk, Segambut Untuk Mengatasi Banjir Kilat Di Segambut Bahagia, Kuala Lumpur.	SPPK	Segambut	4,549,192.04 (4,298,463.38)	4,500,000.00	Actual: 100% Planned: 100%
8	6195031800	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Dan Parit Induk Di Jalan Kuching, Kuala Lumpur.	Jalan Kuching	Segambut	1,095,621.10 (603,708.15)	2,300,000.00	Actual: 100% Planned: 100%

**KERJA-KERJA PEMULIHAN DAN PENYENGGAARAAN KUALITI AIR TASIK TAMAN BOTANI PERDANA,  
KUALA LUMPUR – JTRA Lokman**

Kontraktor : Tetuan Nordest Engineering Sdn Bhd

Tarikh Mula	: 14 April 2015
Tarikh Siap Asal	: 13 Ogos 2016
Tempoh Kontrak Asal	: 16 Bulan
Nilai Kontrak Asal	: RM 3,850,380.40

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016  
Berjumlah RM 3,850,380.40

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016  
 •Jedual : 100%  
 •Sebenar : 100%

**NOTA**

- Waranty lanjutan selama 24 Bulan (Sedang dijalankan).



**CADANGAN KAJIAN HIDROGRAFI DAN KUALITI AIR TASIK SERTA KAWASAN-KAWASAN PUNCA PENCEMARAN AIR DI TASIK DANAU KOTA, SETAPAK, KUALA LUMPUR– Jtra Lokman**

Kontraktor : Tetuan Skala Aviatech Services

Tarikh Mula : 5 Disember 2016  
Tarikh Siap Asal : 1 Januari 2017  
Tempoh Kontrak Asal : 4 Minggu  
Nilai Kontrak Asal : RM 89,100.00

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016

- Tiada bayaran kemajuan (Dokumen Kontrak sedang didalam proses)

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016

- Jadual : 95.00 %
- Sebenar : 95.00 %



**NOTA**

- Dalam proses penyediaan laporan kajian.

**KAJIAN SUMBER AIR BAWAH TANAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR– Jtra Lokman**

Perunding : Tetuan Geosrata Sdn Bhd

Tarikh Mula : 18 Mac 2016  
Tarikh Siap Asal : 17 Mac 2017  
Lanjutan Masa No. 1 : Tiada  
Tempoh Kontrak Asal : 12 Bulan  
Nilai Kontrak Asal : RM 1,899,999.76  
Kaedah Bayaran : Input Masa

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016

- RM 754,771.00

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016

- Jadual : 82.00 %
- Sebenar : 80.00%
- Status :



**NOTA :**

- Konsultan mencadangkan supaya ujian teknikal lapangan dijalankan di tapak baru iaitu kawasan rezab Sungai Betu disebabkan oleh hasil keputusan aquifer Test di Ampang Hilir dan kg Berembang berkualiti rendah.

**CADANGAN KAJIAN HIDROGRAFI DAN KUALITI AIR TASIK SERTA KAWASAN-KAWASAN PUNCA PENCEMARAN AIR DI TASIK TITIWANGSA, KUALA LUMPUR– Jtra Lokman**

Kontraktor : Tetuan Impian Ekuiti Sdn Bhd

Tarikh Mula	: 13 Disember 2016
Tarikh Siap Asal	: 9 Januari 2017
Tempoh Kontrak Asal	: 4 Minggu
Nilai Kontrak Asal	: RM 99,360.00

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016

- Tiada bayaran kemajuan (Dokumen Kontrak sedang didalam proses)

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016

- |          |           |
|----------|-----------|
| •Jadual  | : 80.00 % |
| •Sebenar | : 80.00%  |



**NOTA**

- Dalam proses penyediaan laporan kajian.

**CADANGAN MEMBINA KOLAM TADAHAN AIR DI TAMAN SPPK, SEGAMBUT UNTUK MENGATASI BANJIR KILAT DI SEGAMBUT BAHAGIA, KUALA LUMPUR (2015/A241) – Jtra Lokman**

Kontraktor : Tetuan Mumra Engineering Sdn. Bhd.  
Perunding : Tetuan PU Engineering Sdn Bhd

Tarikh Mula	: 28 Disember 2016
Tarikh Siap Asal	: 20 Mac 2016
Lanjutan Masa No. 1	: 213 Hari (21 Mac 2016 hingga 19 Oktober 2016)
Tempoh Kontrak Asal	: 12 Minggu
Arahan Perubahan No.1 (Tambah) :	RM 520,060.00
Nilai Kontrak Asal	: RM 4,549,192.04
Nilai Kontrak Semasa	: RM 5,069,252.04

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016

- RM 4,298,463.38

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016

- |          |            |
|----------|------------|
| •Jadual  | : 100.00 % |
| •Sebenar | : 100.00%  |



**NOTA :**

- Pengukuran Akhir & Penutupan Akaun



## CADANGAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM PERPARITAN DAN PARIT INDUK DI SUSUR KELUAR JALAN KUCHING, KUALA LUMPUR- Jtra Lokman

Kontraktor : Tetuan Tunas Niaga RSZO  
Perunding : Tetuan Juruteras Engineers (M) sdn Bhd

Tarikh Mula : 28 Mac 2016  
Tarikh Siap Asal : 11 September 2016  
Lanjutan Mesa No. 1 : Tiada  
Tempoh Kontrak Asal : 24 Minggu  
Nilai Kontrak Asal : RM 1,095,621.10

Kemajuan Kewangan Sehingga 31 Disember 2016

• RM 603,708.15

Kemajuan Kerja Sehingga 31 Disember 2016

• Jadual : 100.00 %  
• Sebenar : 100.00%



### 10.0. UNIT PEMBINAAN DAN SENGGARAAN

Fungsi unit ini adalah mengurus pembinaan ruang menunggu teksi, bas awam, bas sekolah, kemudahan pejalan kaki ke stesen transit, ruang berteduh motosikal dan kereta, tempat letak kereta bertingkat awam dan lain-lain.

Selain itu, unit ini juga menyelenggara dan membaikpulih ruang menunggu teksi, kemudahan menunggu bas awam dan bas sekolah, kemudahan pejalan kaki berbumbung dan sebagainya.

#### 10.1. Meningkatkan Keselamatan Pengguna Jalan Raya

- Penyelenggaraan Jejantas Pejalan Kaki dan Siarkaki Berbumbung



Kerja-kerja mengecat jejantas yang telah siap

Pada tahun 2016, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 124 buah jejantas di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki bumbung yang rosak akibat perbuatan vandalisme, kerja membaiki / mengecat semula struktur / railing yang berkarat dan kerja membaiki permukaan lantai yang pecah / rosak. Kos penyelenggaraan jejantas bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM1.5 juta.



Kerja-kerja penukaran bumbung siarkaki berbumbung yang telah siap

Kerja-kerja penyenggaraan laluan siarkaki berbumbung pula merangkumi sebanyak 16km laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki bumbung yang rosak akibat perbuatan vandalisme, kerja membaiki / mengecat semula struktur dan kerja membaiki permukaan lantai yang pecah / rosak. Kos penyelenggaraan laluan pejalan kaki berbumbung bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM 1.5 juta.



Kerja-kerja menukar bumbung dan mengecat hentian bas sedang dijalankan

#### - **Pembinaan dan Penyelenggaraan Kemudahan Pengangkutan Bandar Penyelenggaraan Pondok Menunggu Bas / Teksi**

Pada tahun 2016, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 1200 buah perhentian bas dan teksi di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki kerosakan akibat perbuatan vandalisme, bumbung dan struktur yang rosak akibat kemalangan, ditimpa dahan pokok yang tumbang dan kerja mengecat semula struktur dan kemudahan. Kos penyelenggaraan perhentian bas dan teksi bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM1.5 juta Jabatan ini juga telah menyiapkan sebuah pondok menunggu bas dengan kos pembinaan berjumlah RM49,287.32.

## 11.0. UNIT PENGANGKUTAN AWAM DAN AUDIT KESELAMATAN

### 11.1. Pemasangan/Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Jalan Raya

Jenis-jenis peralatan keselamatan jalan raya yang dipasang dan diselenggara meliputi peralatan-peralatan seperti berikut:

No	Jenis Peralatan	Bil	Jumlah (RM)
1.	<b>Rubber Bollard</b> Rubber bollard atau tonggak jalan biasanya dipasang di laluan pejalan kaki untuk menyekat pemandu meletakkan kenderaannya di atas siarkaki yang boleh menghalang dan menjelaskan pergerakan pejalan kaki.	687	324,264.00
2.	<b>Flexible Post</b> Flexible post bertujuan untuk channelize trafik supaya kenderaan tidak memotong barisan ( <i>jump queue</i> ). Flexible post juga boleh dipasang di persimpangan jalan untuk memisahkan lorong pergerakan terus dan lorong belok kanan.	790	270,700.00
<b>JUMLAH</b>			<b>594,964.00</b>

### 11.2. Papan Tanda Amaran Lalulintas dan Tunjuk Arah

Pada tahun 2016, DBKL telah membelanjakan sebanyak RM2,540,515.51 untuk kerja-kerja pemasangan papan tanda jalan raya di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jenis dan bilangan papan tanda jalan raya yang telah dipasang adalah seperti berikut:-

No	Jenis Papan Tanda	Jumlah
1.	Tunjuk arah	76
2.	Amaran lalulintas	4,347
3.	Pemberitahuan dan makluman	86
4.	Keselamatan di zon sekolah	-
5.	Pejalan kaki	3

Jabatan juga telah mengganti/membaikpulih sebanyak 1,922 papan tanda amaran lalulintas yang rosak/tumbang dengan menggunakan tenaga kerja Jabatan. Sumber maklumat kerosakan ini adalah dari aduan-aduan dan juga pemantauan Jabatan sendiri.

## 12.0. UNIT PENGURUSAN DAN KAWALAN LALULINTAS


### 12.1. Fungsi Unit Pengurusan Sistem IT IS

- i. Mengurus dan menyelenggara peralatan-peralatan luar iaitu kamera litar tertutup (CCTV), *Variable Message Sign (VMS)*, *Automatic Incident Detection (AID)* dan *Communication Cabinet (CC)*
- ii. Mengurus dan mengendalikan/memantau kerja-kerja pihak ketiga yang berkaitan dengan peralatan luar.
- iii. Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang digunakan di pusat pengurusan pengangkutan seperti '*Advanced Traffic Management System*' (ATMS), '*Advanced Traffic Information System*' (ATIS) meliputi sistem laman web, *video streaming*, *SMS Getway* dan *3G Webcam*.
- iv. Pemasangan Sistem Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki.
- v. Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan.
- vi. Pemasangan sistem CCTV untuk pemantauan trafik dan pencegahan jenayah.
- vii. Pengurusan pentadbiran dan kewangan ITIS.

### 12.2. Fungsi Unit Pengurusan Lalulintas

- i. Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalulintas kepada pengguna jalan raya.
- ii. Mengenalpasti lokasi-lokasi hotspot, banjir kilat, kemalangan dan kesesakan.
- iii. Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.
- iv. Membantu pihak berkaitan dalam mengurus dan mengoperasi acara-acara rasmi, perhimpunan dan yang melibatkan penutupan jalan.
- v. Mengurus dan mengoperasi pusat panggilan dan aduan awam.
- vi. Mengurus rekod-rekod rakaman CCTV untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan dan jenayah.
- vii. Merancang dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat trafik menggunakan teknologi terkini.
- viii. Jawatankuasa pengurusan lalulintas (PEMUDAH)

### 12.3. Statistik Tahunan Pusat Panggilan ITIS 2016



### 12.4. Lawatan Ke ITIS



LAWATAN DARI FUJITSU LIMITED  
PADA 20 OKTOBER 2016



LAWATAN DARI FAKULTI KEJURUTERAAN UiTM  
PADA 14 DISEMBER 2016



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA MELAKA  
BERSEJARAH PADA 12 APRIL 2016



LAWATAN DARI KEMENTERIAN KERJA RAYA  
PADA 25 OGOS 2016

## 12.5. Laporan Tahunan Statistik *Blue Ocean Strategy / KWP* Januari Sehingga Disember 2016

Laporan ini dijana berdasarkan jumlah insiden yang berlaku di sekitar Lembah Klang dan info insiden ini telah dihebahkan di dalam *Group Whatsapp BOS*.

### **Kategori**

Kategori kenderaan terdiri daripada :

- Bas
- Kereta
- Lori
- Treler/Kren
- Van
- Motor

## 12.6. Jumlah Insiden Tahun 2016

JUMLAH INSIDEN TAHUN 2016 (MENGIKUT KATEGORI)

BULAN	KENDERAAN ROSAK	KEMALANGAN	BENCANA ALAM	PENYELENGARAAN JALAN	HEBAHAN	
Jan	169	108	22	24	2	325
Feb	144	93	6	11	4	258
Mac	167	115	26	29	3	340
April	136	127	6	11	4	284
Mei	122	116	27	13	5	283
Jun	120	148	38	16	2	324
Julai	115	116	24	17	7	279
Ogos	129	88	22	18	9	266
Sept	89	104	28	10	15	246
Okt	106	105	7	25	10	253
Nov	89	76	50	28	10	253
Dis	77	106	19	27	8	237
JUMLAH	<b>1463</b>	<b>1302</b>	<b>275</b>	<b>229</b>	<b>79</b>	

## 12.7. Aplikasi *Trafik E-Drive*

Pusat Pengurusan Lalulintas (TMC) di Bukit Jalil ini pada tahun 2016 telah pun menempa sejarah baru dengan melaksana dan mewujudkan aplikasi trafik e-drive. Kaedah ini akan memberi kemudahan kepada pengguna lalulintas untuk melihat, mencari dan mengetahui suasana semasa lalulintas dan kemudahan tempat letak kereta melalui telefon pintar dan komputer. Kos pembinaan sistem yang menghampiri RM3 juta untuk tempoh 2 tahun ini dijangka dapat membantu pengguna-pengguna jalan raya yang turut berfungsi sebagai pemberi maklumat keadaan semasa lalulintas, info kemudahan tempat letak kereta di kompleks perniagaan, bertindak sebagai GPS malahan pengguna jalan raya juga turut boleh menyumbang sebagai pemberi maklumat keadaan semasa khususnya berkaitan kesesakan, kemalangan dan bencana alam.

# JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME) adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Oleh sebab DBKL merupakan Pengguna Tempatan yang mentadbir ibukota Kuala Lumpur maka peranan dan fungsi utama JKME ialah merancang, mengurus dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal dan elektrikal DBKL yang melibatkan 24 buah jabatan.

## 1.0. FUNGSI

JKME bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, merekabentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan juga pembekalan. Fungsi jabatan semakin berkembang dari segi skop peranan serta juga dari segi kuantiti beban kerja. Peranan dan fungsi utama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal pada masa ini serta saiz beban kerjanya boleh digambarkan seperti berikut:-

### a. Perolehan

Mengurus perolehan kenderaan, dengan peruntukan tahunan sebanyak RM2.09juta dan memproses sebanyak 64 dokumen tender atau sebutharga telah dikeluarkan oleh jabatan sepanjang tahun 2016.

### b. Pengurusan Logistik

Menguruskan bekalan logistik kenderaan dan jentera berat untuk operasi jabatan dan acara-acara khas sebanyak 2027 unit sepanjang tahun 2016. Bahagian Pengangkutan juga telah menguruskan penerimaan kenderaan /jentera sebanyak 92 unit dengan harga perolehan keseluruhan berjumlah RM10,996,052.28 sepanjang tahun 2016.

### c. Pengurusan Bengkel dan Penyenggaraan Kenderaan/ Jentera

Merancang penyenggaraan dan mengurus sebuah bengkel pusat bagi menyenggara 1700 buah kenderaan/jentera pelbagai jenis serta kerja-kerja bengkel berkaitan dengan anggaran nilai kerja RM15juta hingga RM20juta setahun.

### d. Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan projek bagi sistem dan kemudahan mekanikal dengan melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan.

### e. Pengurusan Stor

Merancang dan mengurus Stor Pusat DBKL yang menyimpan pelbagai barang termasuk alat ganti kenderaan, jentera dan mesin, peralatan dan perkakas kerja, serta sebuah stesen minyak petrol dan diesel. Nilai stok adalah kira-kira RM4.5juta yang terdiri dari 3500 item *inventori* dan bajet pusingan RM18juta setahun.

### f. Penyenggaraan Kemudahan Mekanikal Bangunan dan Kemudahan Awam

Merancang dan mengurus penyenggaraan sistem dan peralatan mekanikal bangunan seperti lif, sistem mencegah kebakaran, sistem pam, sistem penyaman udara, sistem *kremator* untuk rumah pangsa, pejabat-pejabat DBKL, serta premis kemudahan awam. Kos penyenggaraan tahunan RM26.4juta.

### g. Pengurusan Pembayaran Pelupusan Sisa Pepejal Perbandaran

Menguruskan pembayaran sisa pepejal Kuala Lumpur dengan kadar antara 2000 hingga 2500 tan sehari.

### h. Mengurus dan Menyenggara Lampu Jalan Awam serta Lampu Hiasan

Memasang dan menyenggara Lampu Jalan Awam serta Lampu Hiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2016, Jabatan telah menguruskan belanjawan bagi kerja-kerja pengurusan sebanyak RM215,467,700.00 dengan pecahan perbelanjaan seperti di jadual:

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
i.	Perbelanjaan emolumen	28,368,700.00
ii.	Perkhidmatan dan Bekalan	186,639,500.00
iii.	Aset ( <i>inventori</i> )	139,500.00
iv.	Perbelanjaan lain-lain	320,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>215,467,700.00</b>

Fungsi utama jabatan ini menjurus kepada penyelenggaraan kenderaan dan pembekalan bahan api bagi semua kenderaan yang terdapat di DBKL. Jumlah perbelanjaan penyelenggaraan kenderaan, petrol dan diesel adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	JUMLAH(RM)
i.	Penyenggaraan kenderaan	12,000,000.00
ii.	Minyak petrol	3,700,000.00
iii.	Minyak diesel	8,500,000.00

## 2.0. BAHAGIAN PENGANGKUTAN

Bahagian Pengangkutan bertanggungjawab mengurus dan menyelaras secara optimum pembekalan kenderaan dan jentera jabatan-jabatan di DBKL. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, beberapa unit diwujudkan bagi memberi tumpuan ke arah melancarkan lagi operasi dan perkhidmatan kenderaan pool kepada jabatan-jabatan di DBKL. Bahagian ini juga terlibat dalam memberi bekalan bas menerusi sewaan panel bas termasuk seliaan dan pemantauan terhadap kontrak tersebut. Unit-unit yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

### i. Unit Protokol

Unit ini bertanggungjawab menyelaras penggunaan kenderaan seperti van, kenderaan pacuan 4 roda dan bas bagi membawa serta menghantar kakitangan DBKL untuk menghadiri majlis rasmi, acara-acara khas, temasya sukan dan sebagainya. Unit ini juga terlibat dalam menguruskan hal ehwal sewaan kenderaan kepada kakitangan DBKL berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Selain itu, unit ini juga turut menyelaraskan permohonan daripada agensi kerajaan lain dengan syarat telah diberi kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL.

### ii. Unit Kenderaan Angkut

Unit ini menyelaras permohonan berkala yang diterima dari dua (2) jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) serta Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR). Kenderaan/Jentera yang dipohon oleh jabatan tersebut termasuklah lori *tipper*, lori open, lori *flatbottom*, *aerial platform (skylift)*, *shovel*, *backhoe* dan lain-lain. Unit ini juga turut membekalkan kenderaan/jentera bagi aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan DBKL.

### iii. Unit Operasi Khas

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksanakan operasi meroboh, sita, bantuan kecemasan, kemalangan di sekitar Kuala Lumpur dan misi bantuan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

#### 2.1. Fungsi Bahagian Pengangkutan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam menyelaras dan mengurus pembekalan kenderaan / jentera kepada jabatan-jabatan DBKL dengan fungsi-fungsi berikut:-

- Perkhidmatan bekalan kenderaan/jentera gunasama kepada jabatan-jabatan DBKL.
- Penerimaan pembekalan kenderaan/jentera baharu.
- Pengurusan daftar induk aset kenderaan/jentera DBKL.
- Pengurusan perihal kemalangan dan kehilangan kenderaan/ jentera.

### PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN KENDERAAN/JENTERA SEPANJANG TAHUN 2016

Jadual 1: Pencapaian Pembekalan Kenderaan/Jentera Sepanjang Tahun 2016

Unit	Perkara	Pencapaian Bulanan (unit kenderaan/jentera)												Purata Tahun 2016	Peratusan (%) Pembekalan/Permohonan
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
Protokol	Jumlah Mohon	643	681	793	822	801	1141	676	724	760	819	760	761	<b>9381</b>	<b>131.71</b>
	Jumlah Dibekal	669	787	843	880	829	3402	799	912	970	761	718	786	<b>12356</b>	
Kenderaan Angkut	Jumlah Mohon	6962	6400	7552	6662	6951	6530	6670	6788	6639	6785	6808	7029	<b>81776</b>	<b>78.51</b>
	Jumlah Dibekal	5560	5181	5875	5347	5614	5252	5425	5412	5139	5133	5059	5207	<b>64204</b>	
Operasi Khas	Jumlah Mohon	768	613	522	690	801	598	281	749	477	759	858	628	<b>7744</b>	<b>86.93</b>
	Jumlah Dibekal	492	484	427	512	664	540	355	809	551	634	679	585	<b>6732</b>	

Bahagian Pengangkutan aktif dalam memberi bekalan logistik untuk acara-acara khas dan temasya sukan bertaraf antarabangsa mahupun kebangsaan sepanjang tahun 2016. Jadual 2 menunjukkan penglibatan dari skop pembekalan logistik untuk acara-acara khas dan temasya sukan khususnya yang melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

BIL	ACARA	TARIKH	PENGLIBATAN	
			Kakitangan (orang)	Kenderaan/Jentera(unit)
1	<i>Le Tour de Langkawi 2016</i>	20/02/2016 – 03/03/2016	16	8
2	Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan 2016	23/03/2016 – 27/03/2016	3	3
3	<i>Nike We Run KL 2016</i>	08/04/2016 – 10/04/2016	32	31
4	Kejohanan Badminton Remaja Kebangsaan 100Plus Peringkat Akhir 2016	09/05/2016 – 15/05/2016	6	5
5	Kejohanan Sukan Pantai SUKANUN 2016	26/05/2016 – 31/05/2016	9	8
6	<i>Standard Chartered Kuala Lumpur Marathon 2016</i>	05/08/2016 – 07/08/2016	67	67
7	Kejohanan Tenis Terbuka KL 2016	16/08/2016 – 22/08/2016	4	4
8	<i>Malaysia Day Run 2016</i>	17/09/2016	6	5
9	Kejohanan Lumba Basikal Jelajah Malaysia 2016	17/10/2016 – 24/10/2016	55	28
10	Kejohanan <i>Petanque</i> Antarabangsa Mesuma Cup 2016	21/10/2016 – 24/10/2016	4	4
11	Kejohanan <i>Squasy Redtone KL Junior International 2016</i>	05/12/2016 – 12/12/2016	7	8
12	Festival Gendang dan Tari Antarabangsa Kuala Lumpur 2016	12/12/2016 – 19/12/2016	31	21
<b>JUMLAH</b>			<b>240</b>	<b>192</b>

Jadual 2: Penglibatan Bahagian Pengangkutan dalam Temasya Sukan Tahun 2016

Bahagian Pengangkutan juga telah menguruskan penerimaan kenderaan/jentera sebanyak 92 unit dengan harga perolehan keseluruhan berjumlah RM10,996,052.28 sepanjang tahun 2016 seperti yang tercatat pada Jadual 3. Kenderaan/jentera diserahkan kepada Jabatan Pemilik sebaik sahaja proses pendaftaran kenderaan/jentera tersebut ke dalam sistem pangkalan data dibuat.

BIL	JENIS KENDERAAN	KUANTITI (UNIT)	HARGA PEROLEHAN (RM)	TARIKH TERIMA
1	4WD Light Utility (SUV)	1	115,275.00	26/01/2016
2	4WD Light Utility (SUV)	2	247,620.24	10/11/2016
3	Aerial Platform 20m	5	2,298,424.90	03/05/2016
4	Car, Saloon (Kereta Peronda)	2	153,803.06	21/03/2016
5	Car, Saloon (KRJ Proton Perdana 2.4L)	1	125,712.75	30/06/2016
6	Car, Saloon (KRJ Proton Perdana 2.0L)	3	341,137.50	05/09/2016
7	Flatbottom Lorry with Tail Lift	2	449,440.00	01/08/2016
8	Forklift	2	174,900.00	06/04/2016
9	Motorcycle Cub	16	81,034.88	09/03/2016
10	Open Lorry with Tail Lift	2	406,200.00	01/08/2016
11	Skid Steer Loader	2	347,150.00	23/09/2016
12	Tractor, Agricultural	1	102,555.00	07/10/2016
13	Tractor, Garden Shuttle	3	795,000.00	31/05/2016
14	Transporter (Vehicle Carrier)	1	181,509.10	15/12/2016
15	Transporter, Detainee	1	224,720.00	01/08/2016
16	Van	47	4,908,329.85	04/01/2016
<b>JUMLAH</b>		<b>92</b>	<b>10,996,052.28</b>	

Jadual 3: Penerimaan Kenderaan/Jentera Baharu Sepanjang 2016

## 2.2. Bahagian Penyenggaraan Bengkel

Bahagian Penyenggaraan Bengkel bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan Kenderaan /jentera serta mesin jentera milik Dewan bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi memudahkan urusan penyelenggaraan, organisasi Bahagian Bengkel telah dibahagikan kepada empat (4) unit utama Unit Kenderaan Jabatan, Unit Kenderaan Pelbagai Guna, Unit Jentera Berat dan Unit Gunasama.

### 2.2.1. Unit Kenderaan Jabatan (KJ)

Diwujudkan Seksyen Pemeriksaan Kenderaan (PKN). Seksyen ini diwujudkan untuk melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan kenderaan di jabatan-jabatan yang terpilih (PKN-JL) dan pemeriksaan kenderaan di Laluan Hijau (PKN-LH) bagi memastikan kenderaan dalam keadaan baik sebelum melaksanakan tugas-tugas hakiki dan melaksanakan pembaikan kecil kenderaan dalam tempoh 24 jam.

Unit Kenderaan Jabatan bertanggungjawab menguruskan semua aktiviti berkaitan dengan penyelenggaraan serta pembaikan kerosakan kenderaan ringan, bas dan lori jabatan (tidak termasuk kenderaan gunasama). Pada masa ini terdapat kira-kira 718 buah kenderaan berada di bawah seliaan unit ini.

### **2.2.2. Unit Kenderaan Pelbagai Guna (KPG)**

Unit Kenderaan Pelbagai Guna bertanggungjawab menguruskan semua aktiviti penyelenggaraan serta pemberian kerosakan kenderaan ringan, bas dan lori gunasama (*pool*) dimana kenderaan ini adalah di bawah pengurusan Bahagian Pengangkutan, Jabatan. Pada masa ini terdapat kira-kira 405 buah kenderaan berada di bawah seliaan unit ini.

### **2.2.3. Unit Jentera Berat (JB)**

Unit ini bertanggungjawab terhadap urusan menjalankan kerja-kerja pemberian setiap jentera milik DBKL sebanyak 335 unit dan melaksanakan pemeriksaan hidraulik jentera di lapangan bagi memastikan jentera dapat beroperasi pada tahap optimum.

#### **a. Aktiviti Pemeriksaan Hidraulik JB:**

Tujuan Pemeriksaan Hidraulik adalah untuk memeriksa dan memperbaiki sistem hidraulik setiap jentera secara berkala dan yang telah menjalani pemberian di bengkel supaya jentera milik DBKL sentiasa beroperasi pada tahap optimum.

Antara tugas yang dilakukan adalah:

- Memeriksa keadaan keseluruhan jentera dan sistem hidraulik.
- Memeriksa dan menambah pelincir pada setiap sendi jentera.
- Memastikan jentera selamat untuk beroperasi di lapangan.
- Memeriksa dan melakukan servis berkala kepada jentera “off road” di lapangan.
- Berfungsi sebagai pemeriksaan kualiti pemberian pertama sebelum diserahkan kepada mekanik QC unit untuk pemeriksaan kualiti kedua.

### **2.2.4. Unit Gunasama (GS)**

Unit Gunasama terdiri dari Unit Pentadbiran Bengkel, Seksyen Servis & Tayar, Seksyen Gunasama, Seksyen Motosikal dan Seksyen Kontrak & Perolehan Runcit.

Unit ini bertanggungjawab terhadap kerja-kerja servis setiap kenderaan secara berjadual, penyelenggaraan tayar untuk semua kenderaan milik DBKL, penyelenggaraan bengkel, depoh, motosikal, mesin-mesin kecil dan peralatan/mesin pertukangan serta urusan pembelian terus alatganti, ujian asap kenderaan, penyediaan pasukan ‘stand-by’ untuk kerosakan di luar kawasan bengkel, terlibat bersama dalam operasi khas dan juga kawalan mutu kerja pemberian kenderaan.

## **2.3. Bahagian Pengurusan Stor**

Bahagian Perolehan & Stor telah dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Alatganti dan Unit Pelbagai. Unit Alatganti dan Pelbagai menguruskan pembekalan bagi barang stok atas keperluan penggunaan Jabatan DBKL.

Unit Pelupusan & Tugas Khas pula membantu dalam menyediakan ruang simpanan pada kadar yang terhad simpanan barang-barang yang telah dilupuskan, barang-barang sitaan dan juga barang tumpang. Objektif unit ini adalah :-

3	MAC	12	20
4	APRIL	11	15
5	MEI	7	15
6	JUN	7	15
7	JULAI	8	10
8	OGOS	19	18
9	SEPTEMBER	14	15
10	OKTOBER	16	15
11	NOVEMBER	11	15
12	DISEMBER	6	15
<b>JUMLAH</b>		<b>128</b>	<b>173</b>

Jadual 7.0: Kelulusan Permohonan Pelan Lanskap bagi Tahun 2016



Contoh Pelan Perspektif bagi Permohonan Pelan Lanskap yang Diterima Melalui OSC


## 2.0. BAHAGIAN PERANCANGAN FIZIKAL

### 2.1. SEKSYEN PERANCANGAN PELAN PEMBANGUNAN

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut : -

#### i. **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020**

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) adalah satu dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga tahun 2020. Sejak pewartaan PSLK 2020 pada tahun 2004, terdapat perubahan dalam arah aliran pertumbuhan ekonomi, pertambahan penduduk, dasar-dasar negara dan pembangunan teknologi di peringkat tempatan dan di peringkat antarabangsa. Susulan daripada perubahan tersebut, pihak jabatan telah menyediakan aras rujukan untuk Semakan Semula PSLK 2020 bagi tujuan pelantikan perunding, mendapatkan maklum balas jabatan /agensi berkaitan dan mendapatkan kelulusan pengurusan tertinggi DBKL.



#### ii. **Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020**

Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020) telah dibentangkan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan pada 22 Februari 2016 yang mengambil kira kelulusan perancangan sehingga September 2015. Bagi tujuan memuktamadkan DPBRKL 2020 untuk dijadikan dokumen rujukan dalaman oleh jabatan-jabatan dalam DBKL, pihak jabatan telah mengemukakan kertas kerja pelantikan perunding untuk melaksanakan kerja berkenaan.

#### iii. **Retreat Pengurusan Lalu Lintas**

Bengkel Pengurusan Lalu Lintas telah diadakan di Kuala Lumpur pada 25 hingga 27 Mei 2016 bertujuan untuk mengkaji secara keseluruhan pemakaian alat-alat pengurusan trafik dan keberkesanannya meningkatkan penggunaan pengangkutan awam yang disasarkan iaitu 60:40 pada tahun 2030 selaras dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat, Greater Kuala Lumpur/Lembah Kelang.

#### iv. **Penilaian Perancangan**


Tugasan berterusan seperti penyediaan ulasan Penilaian Perancangan bagi permohonan berskala besar, sederhana dan kecil selaras dengan skop yang ditetapkan oleh Bahagian Perancangan Fizikal sebelum dibincangkan di Mesyuarat Teknikal OSC 1 dan OSC 2.

v. **Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri WPKL 2016-2025**

Kajian Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri WPKL 2016-2025 dijalankan bertujuan menaiktaraf dan memodenkan kawasan industri di Kuala Lumpur. Kajian ini telah menghasilkan Laporan Awal dan dijangka sesi FGD akan diadakan pada awal tahun 2017 dan seterusnya penyediaan laporan konsep dan strategik.

vi. **Pembangunan Semula Bandar**

Matlamat kajian ini adalah menyediakan satu pelan terperinci berhubung pembangunan semula dan pembaharuan bandar kawasan *Presint Chow Kit* dengan memberi penekanan kepada aspek reka bentuk bandar yang komprehensif, menarik dan mampan bagi meningkatkan nilai pasaran harta tanah serta memberi impak positif kepada aspek fizikal, sosial dan persekitarannya.



## 2.2. SEKSYEN PERANCANGAN PROJEK

Mengurus dan melaksanakan Ekonomi Transformasi Negara di bawah initiatif *Greater KL/KV* selaku urusetia kepada projek-projek "Entry Point" di peringkat DBKL seperti *River of Life*, *Heritage Trail*, *Iconic Places*, *Greener KL* dan *Pedestrian Network KL*.

### i. Projek River Of Life (ROL)



Projek *River of Life*' atau dikenali sebagai Sungai Nadi Kehidupan adalah projek di bawah NKEA, Greater Kuala Lumpur/Klang Valley di bawah EPP 5 : Memelihara Sungai Klang untuk dijadikan pusat warisan dan komersial bagi *Greater KL/KV*.

*River of Life* merupakan salah satu *Entry Point Projects (EPP)* yang terpilih untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar negara menjelang 2020.

Projek *River of Life* terdiri daripada 3 komponen iaitu :



- **Pembersihan Sungai** melibatkan kawasan sepanjang 110km bermula dari kawasan Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (*upstream*) hingga Angkasapuri (*downstream*).

- **Pengindahan Sungai** dan **Pembangunan Tanah** melibatkan kawasan sepanjang 10.7km Sungai Gombak dan Sungai Kelang bermula dari Gombak hingga ke Brickfields.



Pasar Seni

## PHASE 2, IMPLEMENTATION



JANUARI 2016

- KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI US
- LAWATAN KSU KE TAPAK PROJEK RIVER OF LIFE – PRECINCT 7

PROGRAM DI BAWAH RIVER OF LIFE SEPANJANG 2016



FEBRUARI 2016

- KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI ISTANBUL
- LAWATAN TAPAK KE SUNGAI BONUS



JUN 2016

- LAWATAN JICA KE DBKL –  
TAKLIMAT RIVER OF LIFE BENGKEL
- MAKLUMAN AWAM RIVER OF LIFE PAKEJ 1C




SEPTEMBER &  
DISEMBER 2016

- BENGKEL MAKLUMAN AWAM PAKEJ 3A & 3B
- SESI MAKLUMAN AWAM BERSAMA PEMILIK PREMIS, PERSATUAN PENAJA DAN PENIAGA-PENIAGA DI SEKITAR MASJID INDIA



## ii. **Iconic Places**


Penyediaan Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur di Pusat Bandar Kuala Lumpur bertujuan menghubungkan bangunan-bangunan atau kawasan-kawasan yang mempunyai nilai warisan dan sejarah termasuklah mengintergrasikan laluan-laluan jejak warisan sedia ada bagi mewujudkan sebuah rangkaian laluan jejak warisan sebagai salah satu tarikan pelancong di bandar raya ini. Tempoh kajian selama 5 bulan (4 Feb – 3 Julai 2016) ini telah menghasilkan buku Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur



Buku Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur ( Jilid 1 dan Jilid 2 )

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh penyediaan kajian Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur ialah :-

- Sesi lawatan teknikal bagi menjalankan *Benchmarking Study* di beberapa laluan jejak warisan oleh pakar runding bersama pegawai-pegawai DBKL ke Singapura dan perbincangan antara *Urban Redevelopment Authority (URA)* dan *National Heritage Board (NHB)* telah diadakan bagi berkongsi pengalaman membangunkan jejak warisan di Singapura.
- Bengkel Penilaian Draf Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur telah diadakan Menara DBKL 1 pada 7 Jun 2016 – 8 Jun 2016 bertujuan untuk menerangkan kandungan draf pelan induk, mendapatkan hala tuju dan maklum balas daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL serta agensi yang berkaitan. Hasil dari bengkel ini dapat membantu perunding untuk menambahbaik dan memuktamadkan pelan ini.



Sesi Taklimat dan Perbincangan bersama *Urban Redevelopment Authority (URA)* dan *National Heritage Board (NHB)*.

Jabatan Perancangan Bandaraya sebagai penyelaras dalam penyediaan Laporan Maklumbalas Pemerhatian Audit Negara bagi Pengurusan Projek Mewujudkan Tempat Ikonik DBKL. Sebanyak 26 isu daripada 8 perkara utama telah dibangkitkan dalam laporan ini, manakala 9 jabatan DBKL dan KWP terlibat dalam penyediaan maklum balas ini.

- Taklimat berkenaan Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur telah dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat Pelancongan Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Biro Pelancongan Kuala Lumpur, Jalan Tangsi Kuala Lumpur pada 19 Sept 2016. Mesyuarat telah memberikan reaksi positif dan menyokong usaha dan cadangan yang dikemukakan dalam pelan ini sebagai salah satu daya tarikan pelancongan di bandar raya ini.
- Bengkel Penilaian Outcome Kementerian Wilayah (KWP) dan agensi – agensi di bawah KWP telah diadakan di Kuantan Pahang pada 9 – 10 OKT 2016 berkaitan Projek : EPP7- *Global Attractioan – Iconic Places Heritage Trail 1, 2 & 3* bagi tujuan penilaian semula pencapaian prestasi projek *Heritage Trail 1, 2* dan *3* yang telah siap dibina.

### iii. Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21 KL)

Melaksanakan program yang menekankan penglibatan 3 pihak iaitu PBT (DBKL), masyarakat dan sektor swasta untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan bandaraya mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Objektif pelaksanaan :

- Mendedahkan masyarakat dan sektor swasta tempatan kepada isu-isu pembangunan mampan;
- Menjelaskan bahawa tanggungjawab pembangunan mampan adalah tanggungjawab bersama;
- Merumuskan strategi dan pelan tindakan LA21 KL berdasarkan isu-isu pembangunan mampan setempat; dan
- Melaksanakan pelan tindakan LA21 KL dalam bentuk projek-projek pembangunan mampan.

**KL BERSIH DAN INDAH**

- Memupuk pembangunan komuniti melalui perkongsian simbiotik antara pihak berkepentingan untuk meningkatkan kualiti hidup dengan mempraktikkan amalan mampan.
- Persekutuan bandar raya bersih, indah dan teratur serta pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran terutamanya dikawasan tumpuan awam.



**22 OKTOBER 2016 :** Program Blueprint Kebersihan  
Bukit Bintang



**23 OKTOBER 2016 :**  
Projek Taman Herba LA21 KL

**PROJEK KEBUN KEJIRANAN LA21 KL**

**5 OGOS 2016 :** Majlis Menandatangi Memorandum  
Persefahaman Di Bawah Projek Kebun Kejiranan LA21  
KL bersama Penduduk Taman Weng Lock



**24 OGOS 2016 :** Sesi Makluman Pelaksanaan  
Local Agenda 21 KL dan Inisiatif Kebun Kejiranan  
Hijau LA21 KL

**PROJEK SUNGAI NADI KEHIDUPAN (FASA 2-SG. BUNUS) LA21 KL**

**9 OKTOBER 2016 :** Majlis Menandatangi Memorandum Persefahaman (Tambahan) Dan Program  
Penanaman Pokok Untuk Pelaksanaan Projek Sungai Nadi Kehidupan LA21 KL (Phase 2 – Sungai Bunus)



**KL SEJAHTERA**

- Bandar yang mewujudkan & meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti berdasarkan program berteraskan pendidikan,sosial,kesihatan,ekonomi & kebudayaan
- Mengembangkan sumber produktiviti yang membolehkan komuniti saling membantu dalam menjalani segala aspek kehidupan dan dapat berkembang ke tahap maksimum.



**27-29 MEI 2016 :** Projek Simfoni Tunas Warisan Angklung LA21 KL



**25 APRIL 2016 :**  
Projek English @ CLIC LA21 KL

**KL SELAMAT**

- Bandar raya yang bebas dari semua ancaman fizikal,sosial & mental ke arah pembentukan komuniti yang selamat,sejahtera,sihat & ceria
- Berprinsipkan “Mencegah Lebih Baik Dari Merawat”

**KOMUNITI BANDAR SELAMAT BRICKFIELDS**

**11 NOVEMBER 2016 :** Program Be Safe, Feel Safe Untuk Sekolah Menengah Sekitar Brickfields

**E-KL**

- Mewujudkan komuniti intelek ICT melalui penyediaan infrastruktur ‘hardware’ dan ‘software’ yang boleh dicapai oleh semua pihak berkepentingan terutamanya komuniti yang tidak berkemampuan.
- Merapatkan jurang ICT melalui perkongsian pintar bagi tujuan meningkatkan kualiti kehidupan komuniti



<p><b>15, 22 Oktober &amp; 12, 26 November 2016 :</b> Program Robokids, E-Bandar Raya LA21 KL</p> <p><b>PROGRAM JAWATANKUASA INDUK LA21 KL</b></p>  	
<p><b>19 – 22 Julai 2016 :</b> Program Retreat Pelan Strategik dan Perancangan Sambutan 10 tahun LA21 KL di Langkawi, Kedah</p>	
	
<p><b>16 &amp; 17 November 2016 :</b> Persidangan Local Agenda 21 KL : Memperkasa Rakan Strategik</p>	

### 2.3. SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- i. **Seksyen Pengurusan Maklumat & Sistem Perancangan** merangkumi 2 unit iaitu Unit Geospatial & Sistem Perancangan dan Unit Pengumpulan & Pangkalan Data Perancangan yang terlibat secara langsung sebagai pusat penyelidikan geografi khusus bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menyemak aktiviti kegunaan tanah, membangun, mengurus dan menyelaras data-data Geospatial yang terdiri daripada data-data guna tanah semasa, komited dan penzonan.
- **Geospatial dan sistem perancangan**  
Unit ini lebih memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti bersifat teknikal dan perkomputeran. Terdapat empat (4) skop utama yang dilaksanakan sepanjang tahun iaitu:
- **Mengurus Pangkalan Data Spatial GIS Secara Integrasi**  
Mengurus, mengemaskini dan membangunkan data *spatial* GIS khususnya guna tanah utama seperti kediaman, perdagangan, perindustrian, pengangkutan, utiliti dan kemudahan masyarakat di dalam satu platform perisian iaitu ArcGIS dan juga MapInfo. Data- data ini akan dikemaskini secara berkala di dalam server jabatan iaitu 3 kali setahun berdasarkan tempoh seperti yang dinyatakan:
  - a) Jan – April : Pengeluaran data peringkat 1
  - b) Mei - Ogos : Pengeluaran data peringkat 2
  - c) Sept - Dis : Pengeluaran data peringkat 3

- **Menyelaras Perkongsian Data Geospatial Jabatan dengan Sistem-Sistem di Bawah Selian DBKL dan Lain-Lain Agensi Kerajaan.**

Data yang dihasilkan dan dikeluarkan akan diguna sama di dalam jabatan mahupun antara jabatan-jabatan teknikal di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Data-data spatial yang diolah dan dikemaskini akan disepadukan dengan sistem-sistem pembangunan di dalam rangkaian DBKL seperti *Hazard and Risk Map*, KulSis,GisNet, G-Asset dan sebagainya. Data spatial ini juga menjadi penyumbang utama kepada agensi-agensi luar di peringkat pengurusan data geospatial kebangsaan seperti Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS), Sistem Guna tanah Bersepadu (I-PLAN) dan kepada Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MacGDI).

- **Mengurus dan memantau pengeluaran pelan digital bermaklumat yang dibenarkan kepada agensi-agensi kerajaan, swasta, individu dan pelajar IPTA dan IPTS**

Pada tahun 2016 sebanyak 211 permohonan pelan digital bermaklumat dikeluarkan yang terdiri daripada permohonan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, individu dan pelajar IPTA/IPTS sama ada melalui permohonan secara bersurat atau permohonan di kaunter unit GIS. Statistik permohonan adalah seperti di carta.



Peratusan Permohonan Pelan Digital Bermaklumat Sepanjang Tahun 2016

- **Projek Pembangunan dan Pengemaskinian Data Guna Tanah Semasa 2015/2016**

Aktiviti pengemaskinian data guna tanah semasa dijalankan di dalam 3 fasa dan hasil output lot-lot guna tanah yang telah dikemaskini sehingga tahun 2016.

**Fasa 1 :** Jun – Ogos 2016

**Fasa 2 :** Sept – Disember 2016

**Fasa 3 :** Januari – Mac 2017

BIL	KATEGORI GUNATANAH	BIL LOT SIAP DIKEMASKINI
1	Kediaman	83,169
2	Setinggan	543
3	Perdagangan	308
4	Industri	149
5	Kemudahan Masyarakat	87
6	Institusi	216
7	Perkuburan	20
8	Kemudahan Rekreasi Dan Kawasan Lapang	198
9	Hutan	10
10	Pembangunan Bercampur	95
11	Jalan	126
12	Infrastruktur Dan Utiliti	201
13	Badan Air	28
14	Tanah/Tapak Kosong	1947
<b>JUMLAH LOT SIAP DIKEMASKINI</b>		<b>87,097</b>
<b>PERATUS SIAP DIKEMASKINI ( % )</b>		<b>47.83%</b>
<b>BAKI LOT BELUM DIKEMASKINI</b>		<b>94.963</b>
<b>JUMLAH LOT KESSELURUHAN KAWASAN</b>		<b>182,060</b>

**Jadual 3.1:** Bilangan Lot Gunatanah yang Telah Dikemaskini Bagi Tahun 2016


### ii. Kajian Geospatial Penjaja

Kajian perancangan penjaja telah bermula pada bulan September 2016 dan bermesyuarat secara rasmi pada 21 September 2016 yang dipengerusikan oleh Ybhg Datuk Hj. Mohd Najib bin Hj.Mohd (Pengarah Eksekutif Perancangan). Kajian ini diperingkat laporan awalan dan lawatan tapak ke pusat-pusat penjaja di bawah seliaan DBKL. Penyelidikan terperinci akan diperkuuhkan pada awal tahun 2017 dengan melibatkan pelbagai pandangan dan maklum balas dari agensi-agensi berkepentingan.

### iii. Sistem-Sistem Seliaan Unit GIS

#### a. Sistem Pemantauan Perancangan Pelan (MOSYS)

Bagi tahun 2016, Unit GIS lebih fokus kepada kerja-kerja menaik taraf sistem Sistem Pemantauan Perancangan Pelan (MOSYS) bagi memastikan iaanya digunakan di peringkat Jabatan dan juga peringkat penilaian perancangan (OSC). Proses menaik taraf akan dilaksanakan bermula pada Januari 2017 sehingga Jun 2017 yang merangkumi aspek pengemaskinian data dan paparan antara muka (*interface*). Proses lantikan perunding telah dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2016



Rajah 3.2: Antaramuka MOSYS PBRKL 2020 Versi 2016/2017

b. Sistem Maklumat Eksekutif (E-pbrkl 2020)

Perunding GIS yang dilantik bagi projek Sistem Maklumat Eksekutif atau e-PBRKL2020 telah membuat pengemaskinian sistem dengan mencatatkan peratusan kemajuan kerja sebanyak 95%. Disamping melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sistem, unit GIS juga perlu memastikan portal jabatan di dalam website DBKL sentiasa dikemaskini.

Contoh Interface Web E-pbrkl 2020

**iv. Seksyen Penyelidikan & Pembangunan Mampan** terdiri daripada unit petunjuk bandar dan unit garis panduan perancangan / kajian sektoral Unit Indeks Petunjuk Bandar berfungsi sebagai unit yang mengumpul dan mengemaskini maklumat bagi pemantauan petunjuk dan tanda aras bandar selaras dengan objektif Jabatan untuk memastikan pelaksanaan status bandar raya bertaraf dunia dan unggul dapat dicapai. Selain itu unit ini turut terlibat dalam penyediaan kajian sektoral Perumahan dan Alam Sekitar mengikut keperluan Pelan Struktur dan Pelan Tempatan

**v. Pembangunan Kejiran dan Teknologi Hijau.**

- Pelaporan Pelan Tindakan Teknologi Hijau oleh DBKL ke Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD)**

DBKL telah melaporkan berkaitan Pelan Tindakan 19 iaitu Menggalakkan bumbung hijau (tanaman rumput), dinding hijau (tanaman yang bersesuaian) dan taman atas bumbung serta mengemukakan contoh senarai projek baru yang telah disyarat untuk menyediakan 16% kawasan lapang sekiranya 10% kawasan lapang bertanah tidak dapat disediakan dan pengiraannya.

- **Pelaporan Pelan Tindakan Inisiatif Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)** Pelaporan telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan dan Pelaksanaan Teknologi Hijau Wilayah Persekutuan iaitu 6 Teras dan 19 Tindakan. Daripada 19 Tindakan tersebut hanya 15 Tindakan sahaja telah dilaporkan oleh DBKL.

- **Penyertaan 5 Inisiatif Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau**

DBKL menyertai 5 Inisiatif Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau 2016 anjuran JPBD. 5 Inisiatif tersebut adalah:-

- penyediaan laluan basikal
- laluan pejalan kaki
- pembangunan kebun kejiranan
- sistem pengumpulan & penggunaan semula air hujan
- program pengkomposan sisa.

DBKL telah menerima Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau : **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)** untuk **Kategori Bandaraya** pada 3hb Disember 2016 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2016 dan Karnival KPKT anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Penghargaan penerimaan Kategori Bandaraya untuk Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan

- **Penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030.**

Perunding kajian Uni-Technologies Sdn. Bhd (UTSB) telah dilantik dan sesi taklimat kepada Datuk Bandar dan Pihak Berkepentingan telah diadakan pada 7hb Jun 2016. Ini disusuli oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil 1 bagi membincangkan Laporan Awal telah diadakan pada 1hb Ogos 2016. Satu siri ‘Focus Group Discussion’ (FGD) telah dilaksanakan pada 22hb -23hb Ogos 2016 bertempat di Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL (IDB) untuk mendapatkan maklum balas, cadangan dan pandangan daripada Pihak Berkepentingan.



Siri 1 'Focus Group Discussion pada 22-23 Ogos 2016

Penyertaan DBKL di Persidangan COP22 bertempat di Marrakech, Morroco pada 9 November 2016 anjuran *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) bertujuan untuk membentangkan hasil penyelidikan senario pembangunan masyarakat karbon rendah (*Low Carbon Society*). Peluang ini juga untuk DBKL mempelajari dan mendapatkan pengetahuan berkaitan pembangunan masyarakat karbon rendah di peringkat dunia dalam menghasilkan kajian Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon (KL LCS).



Deligasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di COP22 Marrakech 2016

- **Kajian Carbon Trust's Low Carbon Cities Malaysia Programme oleh Carbon Trust**

Menerusi *Carbon Trust's Low Carbon Cities Malaysia Programme*, DBKL telah menerima pelawaan oleh Carbon Trust di London untuk menjalankan kajian pengurangan pelepasan penggunaan karbon yang melibatkan aset dan operasi milik DBKL seperti bangunan, kenderaan dan lampu jalan. Kajian ini dijalankan selama sepuluh bulan bermula Jun 2016 dan tamat pada Mac 2017.

- ***The International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2016).***

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menerima jemputan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk menyertai Pameran *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2016 (IGEM 2016)*. Tema bagi tahun ini ialah *Green Business for Sustainability*. KWP telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PP) dan Perbadanan Labuan (PL) untuk turut serta menyertai pameran ini yang bermula dari 5hb – 8hb Oktober 2016. Booth KWP dan Agensi telah menerima anugerah ‘Best Booth Pavilion Award’ daripada KeTTHA. Pada 8hb Oktober 2016, delegasi daripada DBKL yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif Perancangan telah mengadakan lawatan ke IGEM 2016 dan Booth KWP.



Booth KWP dan Agensi di Pameran IGEM 2016

- ***Konferen World Class Sustainable Cities 2016 (WCSC 2016).***

Konferen Antarabangsa *World Class Sustainable Cities 2016 (WCSC 2016)* kali ke 8 telah diadakan pada 8hb. September, 2016 (Khamis) di Sime Darby Convention Centre Kuala Lumpur dengan tema *City Spaces, Public Places*. Persidangan ini merupakan program tahunan anjuran bersama *Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA)*, *Malaysian Institute of Planners (MIP)* dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan disokong oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan. Bertepatan dengan konferen tersebut, satu (1) sesi Master Class telah diadakan dan dikendalikan oleh Mr. John Byrne dan Mr. Mitchell Silver pada 7hb. September, 2016 (Rabu) bertempat di Tingkat 5, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



Sekitar aktiviti konferen World Class Sustainable Cities 2016 dan Master Class

### 3.0. LAPORAN KEWANGAN

BIL.	JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BAKI PERBELANJAAN	PRESTASI
1	<b>Mengurus</b>	<b>1,686,100.00</b>	<b>1,446,973.37</b>	<b>239,126.63</b>	<b>86%</b>
2	<b>Pembangunan</b>				
2.1	Pelaksanaan Dasar PSKL 2020	150,000.00	110,971.52	39,028.48	74%
2.2	Penyediaan Less Carbon City Subject Plan	800,000.00	740,855.00	59,145.00	93%
2.3	Kajian Pelan Induk Industri (Lantikan Perunding)	400,000.00	303,710.40	96,289.60	76%
2.4	River Of Life – Management Budget	350,000.00	272,783.00	77,217.00	78%
2.5	Fi Perunding untuk Master Plan dan Precint 7 (FASA 1)	2,699,400.00	2,508,431.11	190,968.89	93%
2.6	Fi Perunding untuk FASA 2	2,560,000.00	2,559,679.86	320.04	100%
	<b>Jumlah pembangunan</b>	<b>6,959,400.00</b>	<b>6,496,430.89</b>	<b>462,969.01</b>	<b>93%</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>8,645,500.00</b>	<b>7,943,404.26</b>	<b>702,095.64</b>	<b>92%</b>

# JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan menyelaraskan kawalan perancangan infrastruktur pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jabatan ini mempunyai 4 bahagian utama dan 13 unit seperti berikut :

## A) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

## B) Bahagian Kawalan Pembangunan

- i. Unit Kawalan Pembangunan
- ii. Unit Masma
- iii. Unit Pengangkutan Awam
- iv. Unit Permit Angkut Bahan
- v. Unit Penguatkuasaan

## C) Bahagian Perancangan Pembangunan

- i. Unit Perancangan Infrastruktur Jalan
- ii. Unit Perancangan Parit induk dan Kolam Tadahan
- iii. Unit Kajian Impak Traffik
- iv. Unit Penamaan Jalan dan Alamat

## D) Bahagian Ukur dan Geomatik

- i. Unit Ukur Kadaster
- ii. Unit Kejuruteraan
- iii. Unit Pemetaan Utiliti
- iv. Unit Geospatial

Fungsi utama Jabatan ini adalah:

- i. Merancang keperluan serahan jalan dan menaiktaraf jalan sediada berdasarkan kajian Impak Traffik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- ii. Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- iii. Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, sistem pengurusan air hujan (**MASMA**) dan pengeluaran sokongan **G17** (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran **CCC**.
- iv. Memproses permohonan permit angkut bahan
- v. Mengawal selia dan penguatkuasaan bagi kerja-kerja tanah projek pembangunan yang sedang dijalankan
- vi. Menjalankan kerja pengukuran kejuruteraan, pengambilan tanah, permohonan tanah, utiliti dan geospatial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.

## 1.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN

### 1.1 Peruntukan Bajet Mengurus

Peruntukan 2016	:	RM 8,004,100.00
Peruntukan Sebenar	:	RM 9,965,850.00
Perbelanjaan	:	RM 9,638,476.46

### 1.2 Peruntukan Bajet Pembangunan

Peruntukan 2016	:	RM 2,500,000.00
Peruntukan Sebenar	:	RM 910,000.00
Perbelanjaan	:	RM 872,112,50

## 2.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

### 2.1 Retreat Pemantapan Proses Perancangan dan Kawalan Pembangunan serta Penguatkuasaan


Jabatan Perancangan Infrastruktur telah mengadakan satu Reatret Pemantapan Proses Perancangan dan Kawalan Pembangunan serta Penguatkuasaan pada 12hb hingga 14hb Ogos 2016 di Seri Suasana DBKL, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Retreat Pemantapan Proses Perancangan dan kawalan Pembangunan serta Penguatkuasaan

### 2.2 Pembentangan Penambahbaikan Garis Panduan Kawalan Pembangunan

JPIF telah mengadakan satu pembentangan penambahbaikan Garis Panduan Kawalan pembangunan di mana melibatkan kakitangan dalaman dalam proses penambahbaikan garis panduan sedia ada. Pembentangan ini telah dilaksanakan pada 26hb November 2016 melibatkan semua unit dalaman yang terlibat dengan permohonan pembangunan swasta.



Sesi Pembentangan Garis Panduan Kawalan Pembangunan

### 3.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian ini bertindak sebagai penyelaras diantara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal-soal dasar atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab seluruhnya ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

### 4.0 BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Bahagian Perancangan JPIF adalah terlibat dengan perancangan serahan jalan, serahan parit induk, keperluan kolam tadahan dan kajian impak traffik pada peringkat awalan permohonan Perintah Pembangunan.

#### 4.1 Unit Perancangan Jalan

Unit Perancangan Jalan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang. Selain itu unit ini juga bertanggungjawab memproses pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

##### 4.1.1 Ulasan Perancangan Jalan

Sebanyak 2343 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2016

##### 4.1.2 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

Sebanyak 316 pelan pra-hitungan telah diproses dan dimuktamadkan sepanjang tahun 2016

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Serahan Rezab Jalan (Baru)	67	43	45	65	49	53	46	50	59	49	<b>526</b>
Serahan Rezab Jalan (Berulang)	209	139	110	165	138	128	238	183	129	161	<b>1600</b>
Serahan Rezab Jalan (Kk)	46	17	17	35	50			7	28	17	<b>217</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN ULASAN</b>	<b>322</b>	<b>199</b>	<b>172</b>	<b>265</b>	<b>237</b>	<b>181</b>	<b>284</b>	<b>240</b>	<b>216</b>	<b>227</b>	<b>2343</b>
<b>PENGESAHAN PELAN PRA-HITUNGAN</b>	<b>39</b>	<b>34</b>	<b>27</b>	<b>38</b>	<b>28</b>	<b>30</b>	<b>31</b>	<b>33</b>	<b>28</b>	<b>28</b>	<b>316</b>

Statistik Unit Perancangan Infrastruktur Jalan

#### 4.1.3 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur rangkaian jalan sedia ada / Jalan baru di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

#### 4.1.4 Sistem Perancangan Infrastruktur Jalan

Merancang untuk membangunkan Sistem Perancangan Jalan yang menggunakan kaeda integrasi perisian **AutoCAD** dan **GIS** (Geographical Information System)

#### 4.2 Unit Perancangan Parit Induk dan Kolam Tadahan

Unit Perancangan Parit Induk dan Kolam Tadahan bertanggungjawab memproses dan menyemak pelan Perintah Pembangunan melibatkan keperluan serahan parit induk, keperluan sistem pengurusan air hujan dan keperluan kolam tadahan pada peringkat permohonan Perintah Pembangunan.

##### 4.2.1 Ulasan Perancangan Parit Induk/MASMA


Sebanyak 2343 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2016

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Serahan Rezab Parit (Baru)	67	43	45	65	49	53	46	50	59	49	<b>526</b>
Serahan Rezab Parit (Berulang)	209	139	110	165	138	128	238	183	129	161	<b>1600</b>
Serahan Rezab Parit (KK)	46	17	17	35	50			7	28	17	<b>217</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN ULASAN</b>	<b>322</b>	<b>199</b>	<b>172</b>	<b>265</b>	<b>237</b>	<b>181</b>	<b>284</b>	<b>240</b>	<b>216</b>	<b>227</b>	<b>2343</b>

Statistik Unit Perancangan Parit Induk dan Kolam tadahan

##### 4.2.2 Pelan Induk (*Masterplan*) Sistem Saliran DBKL

Menguruskan serta memantau perundung yang telah dilantik bagi projek penyediaan Pelan Induk (*Masterplan*) bagi sistem saliran DBKL dari segi mesyuarat kemajuan kerja dan laporan serta maklumat yang diperlukan.



Paparan Sistem Pelan Induk (SMAIS)

#### 4.3 Unit Kajian Impak Traffik

Unit ini berperanan dalam memproses dan memberi ulasan bagi projek pembangunan yang melaksanakan Kajian Impak Traffik dijalankan.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 80 Laporan Kajian Impak Traffik telah diterima dan disemak bagi ulasan di peringkat permohonan Perintah Pembangunan.

PERKARA	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Kajian Impak Traffik	7	12	7	10	3	-	3	19	9	10	80

Statistik Laporan Kajian Impak Traffik 2016

#### 4.4 Unit Penamaan Jalan dan Alamat

Unit Penamaan Jalan dan Alamat adalah berperanan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, mengisyiharkan jalan pensendirian kepada jalan awam, menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalan raya, menyimpan rekod pelan piawaian dan menjadi sektriat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk nama jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### 5.0 BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN SWASTA

Bahagian Kawalan Pembangunan Swasta adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan, permit angkut bahan dan penguatkuasaan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembentung Pintu Masuk, Sistem Pengurusan Air hujan, Sikurlasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.

#### 5.1 Unit Kawalan Pembangunan Swasta

Unit Kawalan Pembangunan Swasta berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembentung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

##### 5.1.1 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 613 permohonan telah diproses oleh unit ini melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan pelan pembentung Pintu Masuk.

##### 5.1.2 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak 90 pengeluaran surat Sokongan G17 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2016

JENIS PERMOHONAN	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Pelan Kerja Tanah	50	35	25	36	29	30	30	36	32	38	341
Pelan Jalan Dan Perparitan	42	21	33	8	6	17	7	34	32	38	235
Pelan Pembentung Pintu Masuk	24	1	1	3	1	-	-	1	1	5	37
Sokongan G17	12	10	5	5	6	8	7	12	10	15	90
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>128</b>	<b>67</b>	<b>64</b>	<b>79</b>	<b>42</b>	<b>55</b>	<b>44</b>	<b>83</b>	<b>75</b>	<b>96</b>	<b>703</b>

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Surat Sokongan G17

## 5.2 Unit Masma

Unit Masma berperanan memproses permohonan Pelan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPAH) merangkumi semakan teknikal bagi memastikan pelan dan laporan kiraan selaras dengan kehendak Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Garis Panduan jabatan.

Unit ini juga berperanan mengadakan pemeriksaan akhir bagi memastikan perakuan kelulusan dibina selaras dengan kelulusan di tapak pembangunan sebelum pengeluaran sokongan G17 dikeluarkan.

### 5.2.1 Permohonan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPAH)

Sebanyak 1224 permohonan bagi Pelan Sistem Pengurusan Air Hujan telah diterima sepanjang tahun 2016 dan sebanyak 1224 Perakuan SPAH telah dikeluarkan oleh unit ini.

### 5.2.2 Pemeriksaan Tapak SPAH

Sebanyak 90 lawatan tapak bagi pemeriksaan SPAH telah dijalankan dan sebanyak 90 sokongan bagi SPAH telah dikeluarkan.

### 5.2.3 Aktiviti Unit Masma

Unit Masma telah mengambil bahagian dalam program-program anjuran DBKL atau agensi luar berkenaan SPAH:

- 5.2.3.1 Inisiatif Kejiranan Hijau pada 3hb Disember 2016 dan dinobatkan Johan dalam kategori antara Bandaraya di Malaysia
- 5.2.3.2 Pembentangan Pembangunan Kejiranan Hijau di bawah Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) pada 14hb November 2016

## 5.3 Unit Pengangkutan Awam

Unit Pengangkutan Awam berperanan dalam memproses dan memperakarkan pelan-pelan berkaitan Tempat letak Kereta, Perhentian Bas/Teksi, Pelan Jejantas Penjalan Kaki dan Penjalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina dibawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN
1	Pelan Tempat Letak Kereta (Ulasan)	1242	1242
2	Perakuan dan Pematuhan TLK	232	232
3	Ulasan Pengsyoran Jejantas	7	7
4	Pengsyoran Perakuan dan Pematuhan TLK	86	86
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1567</b>	<b>1567</b>

Statistik Permohonan dan Perakuan Unit Pengangkutan Awam

#### 5.4 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak Jurutera Perunding Projek Pembangunan dan pengusaha lori.

##### 5.4.1 Permohonan permit

Sebanyak 4126 permohonan telah diterima dan telah diluluskan sepanjang tahun 2016 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah , lori konkrit , lori bahan binaan dan lori sisa binaan.

Jenis Permohonan	Bulan												Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Permit Lori	203	300	235	344	479	444	332	267	377	591	441	113	<b>4126</b>

Statistik Permohonan Permit Angkut Bahan

##### 5.4.2 Pemantauan Permit Angkut Bahan

Sepanjang tahun 2016, unit ini telah terlibat dengan **OPS BERSIH** bagi memastikan lori yang masuki Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai permit yang sah dan mematuhi syarat-syarat kelulusan permit yang telah dikeluarkan.



Pemantauan Permit Lori Angkut Bahan dalam OPS BERSIH

## 5.5 Unit Penguatkuasaan

Unit Penguatkuasaan berperanan dalam memantau tapak bina yang sedang menjalankan kerja-kerja tanah bagi memastikan pihak pemaju mematuhi syarat-syarat kelulusan dan menjalankan kerja mengikut waktu kerja yang ditetapkan.

### 5.5.1 Operasi Penguatkuasaan

Unit juga berperanan menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kerja-kerja tanah yang dijalankan tidak mematuhi syarat kelulusan ataupun tidak mempunyai kelulusan. Unit ini telah menjalankan sebanyak 853 operasi pemantauan sepanjang tahun 2016.

JENIS PERMOHONAN	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Permit Lori	56	62	73	69	80	63	51	66	88	81	82	80	853

Statistik Permohonan Operasi Penguatkuasaan

### 5.5.2 Notis Kompoun

Sebanyak 32 Notis Kompoun kesalahan kerja tanah telah dikeluarkan sepanjang tahun 2016.

## 6.0 BAHAGIAN UKUR DAN GEOMATIK

Bahagian ukur terdiri daripada 4 unit utama seperti berikut :

- a) Unit Ukur Kadaster
- b) Unit Kejuruteraan
- c) Unit Pemetaan Utiliti
- d) Unit Geospatial

### 6.1 Fungsi Unit Ukur dan Geomatik

Secara amnya fungsi utama bahagian ini adalah seperti berikut :

- a) Melaksanakan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan
- b) Menjadi pengkalan data untuk pengumpulan maklumat utiliti
- c) Memastikan pengukuran penentuan sempadan memenuhi keperluan pembangunan
- d) Penyediaan pelan pra-hitungan untuk permohonan perizinan dan serahan tanah
- e) Penyediaan pelan pengambilan tanah dan pengendalian kerja-kerja pengambilan tanah
- f) Pengkalan data pelan ukur, peta akses, pelan akui JUPEM dan foto udara
- g) Semakan hak milik status tanah di Pejabat Tanah dan Galian
- h) Membuat semakan dan kawalan selia kerja-kerja jurukur berlesen dan semakan tuntutan upah ukur
- i) Memastikan kerja-kerja ukur untuk projek pembangunan berjalan lancar

### 6.2 Aktiviti Unit Ukur dan Geomatik

Sepanjang tahun 2016, Unit Ukur dan Geomatik telah membangunkan 2 layer dalam sistem GIS iaitu :

- a) Layer rezab laluan rintis TNB di seluruh Kuala Lumpur
- b) Layer rezab sungai di seluruh Kuala Lumpur

# JABATAN KAWALAN BANGUNAN

Nama Jabatan telah ditukar daripada Jabatan Kawalan dan Pengawasan Bangunan kepada Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) berkuatkuasa pada 17 November 2016 selarasnya dengan penstrukturkan semula jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

## 1.0. FUNGSI UTAMA

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 1971] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

Dalam usaha memastikan kekuahan dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jabatan menguatkuasakan keperluan Seksyen 85A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan Akta A1286) dengan mengeluarkan notis kepada pemilik bangunan-bangunan yang berketinggian melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan. Jabatan juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program mengecat dan memantau bangunan usang, kotor dan terbiar dalam usaha memastikan bangunan-bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan bersih dan cantik. Program berterusan sedang giat dijalankan sebagai persediaan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Sukan Sea pada tahun 2017.

## 2.0. LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Jabatan Kawalan Bangunan telah mendapat kelulusan peruntukan bajet seperti berikut :-

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
Bajet Mengurus	1,646,250	1,397,276	84.9%
Bajet Pembangunan	1,660,000	1,658,631	99.9%

## 3.0. PROGRAM JABATAN DAN AKTIVITI

### 3.1. Kelulusan dan Pemantauan Pembinaan

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan. Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

### **Statistik Permohonan Kelulusan Pelan / CFO / CCC**

<b>Tempoh Permohonan</b>	<b>Jenis Permohonan</b>	<b>Jumlah Permohonan</b>	<b>Jumlah Permohonan Diluluskan</b>	<b>Permohonan Dalam Proses</b>	<b>Jumlah Permohonan Yang Ditolak</b>
1 Januari hingga 31 Disember 2016	Permohonan Serentak (A07/A10/A12)	616	228	276	112
	Pelan Bangunan (B1)	1,793	1,203	476	114
	CFO	8	8	-	-
	CCC	714	714	-	-

#### **3.1.1. Pemantauan Tapak Bina**

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan.

#### **3.2. Laporan Tindakan Penguatkuasaan dan Pemantauan Terhadap Pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

##### **3.2.1. Operasi Penguatkuasaan**

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara bersepada dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan dalam DBKL serta agensi kerajaan yang lain. Antara pihak lain yang terlibat ialah, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Pejabat Cawangan, DBKL dan Polis Diraja Malaysia.

##### **3.2.2. Pasukan ‘Task Force’**

Pasukan ‘Task Force’ jabatan telah menjalankan pemantauan tapak bina yang dikenal pasti pada setiap hari selepas waktu pejabat. Sebanyak 72 projek telah diberi Permit Kerja Lebih Masa (KLM) kepada kontraktor/pemaju pembinaan dan mereka disyaratkan untuk memasang sistem CCTV di semua tapak bina yang boleh dipantau oleh jabatan melalui komputer dan telefon bimbit.

#### **3.3. Laporan Pemantauan dan Maklum Balas Aduan Awam.**

Jabatan telah mengambil pendekatan dan kaedah yang lebih efisien dengan mengadakan mesyuarat mingguan dalam usaha pemantauan terhadap aduan awam yang diterima melalui i-SPAAA. Pemantauan aduan dilaksanakan oleh Unit Aduan Jabatan. Hasil pelaksanaannya semua aduan yang diterima dapat diambil tindakan dan diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

Bulan	Jumlah Aduan Yang Diterima	Dalam Proses/Tindakan	Dijawab/Selesai	Jumlah (%)
Januari	117	-	117	100%
Februari	110	-	110	100%
Mac	123	-	123	100%
April	98	-	98	100%
Mei	112	-	112	100%
Jun	118	-	118	100%
Julai	106	-	106	100%
Ogos	111	-	111	100%
September	100	-	100	100%
Oktober	99	-	99	100%
November	85	-	85	100%
Disember	79	-	79	100%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,258</b>	-	<b>1,258</b>	<b>100%</b>

### 3.4. Laporan Pemeriksaan Berkala - Penguatkuasaan Notis Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Jabatan meneruskan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan sedia ada yang berketinggian melebihi 5 tingkat supaya sentiasa berada dalam keadaan kukuh dan selamat selaras mengikut Seksyen 85A dalam Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Tindakan diambil mengikut prosedur yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bangunan sedia ada yang terlibat.
- ii. Mengeluarkan notis kepada pemilik bangunan yang dikenal pasti.
- iii. Menganalisa '*Dilapidation Report*' yang dikemukakan oleh jurutera dilantik dan mengesyorkan jenis tindakan.
- iv. Mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan yang tidak mematuhi notis yang telah dikeluarkan.

Bil.	Status Fail Dan Tindakan	Jumlah Fail
1.	Surat Pemberitahuan	119
2.	Notis	94
3.	Surat Peringatan	87
4.	Surat Penangguhan	21
5.	Borang	142
6.	Laporan	142
7.	Lawatan Tapak	142
8.	Surat Makluman	58

9.	Sijil Berkala	58
10.	Carian Hakmilik	142
11.	Fail Tutup	-
<b>JUMLAH</b>		

### 3.5. Laporan Program Mengecat dan Kecantikan Bandar

Sebanyak 20 panel kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja mengecat untuk tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik yang tidak mematuhi arahan notis yang dikeluarkan. Di antara aktiviti dan program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

#### 3.5.1. Mengecat Bangunan

- i. Kerja-kerja mengecat permukaan dinding luar bangunan di sekitar Jalan Raja Muda Abd. Aziz, di Jalan TAR, Jalan Telawi.
- ii. Kerja-kerja membaikpulih serta mengecat keseluruhan permukaan dinding luar bangunan dan pembinaan papan tanda premis-premis di Dataran Medan Pasar Kuala Lumpur.

### 3.6. Aktiviti dan Program Inovasi Jabatan

#### 3.6.1. Garis Panduan Baharu Ubah Suai Rumah Kediaman Jenis Teres/Berangkai 1, 2, 3 Tingkat Untuk Lot Saiz Biasa (Standard Lot) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan telah mengadakan sesi mendengar pandangan awam mengenai garis panduan baharu ini pada 24 Oktober 2016 di Dewan Perdana Mestika Institut Latihan DBKL.

Garis panduan baharu ini disediakan sebagai penambahbaikan kepada garis panduan ubah suai rumah teres 1 kepada 2 tingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedia ada yang telah diguna pakai sejak 15 Mei 2013. Garis panduan yang baharu ini merupakan peringkat kedua di mana kelonggaran dari segi anjakan dan had tambahan tingkat diperluaskan bagi merangkumi semua ubah suai rumah teres/berangkai sedia ada di atas lot saiz biasa (standard lot).

#### 3.6.2. Program Inovasi jabatan

Kumpulan Best 3 dari jabatan ini telah mewakili DBKL dalam Konvensyen KIK peringkat Wilayah Persekutuan bagi kategori Pengurusan dan telah mendapat tempat Naib Juara. Seterusnya telah mewakili Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dalam Konvensyen KIK peringkat Kebangsaan bagi tahun 2016. Tajuk projek Sistem SVC (*Site Visit Calculator*) telah dihasilkan oleh kumpulan ini bagi menyelesaikan masalah pemantauan tapak bina bagi pelan-pelan bangunan yang telah diberi kelulusan.

#### 4.0. GAMBAR-GAMBAR BAGI PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

- 4.1. Gambar-gambar operasi meruntuh/meroboh binaan tanpa izin struktur berbumbung di atas siar kaki sisi dan hadapan bangunan premis beralamat no. 31-A & 31-B, Medan Imbi melalui Jalan Khoo Teck Ee, Kuala Lumpur.

**TARIKH & MASA OPERASI : 30.11.2016 & 9.00 PAGI**



**Sebelum**



**Operasi Meroboh Sedang Dijalankan**



**Operasi Meroboh Selesai Dijalankan**

- 4.2. Operasi Meroboh: Struktur Binaan Tambahan Di Bahagian Hadapan Premis Di Lot 1100, Jalan Angsoka, Off Jalan Nagasari, Kuala Lumpur



**Sebelum**




**Operasi Roboh Sedang Dijalankan**



**Operasi Meroboh Telah Selesai Dijalankan**

4.3. **Pemantauan tapak bina melalui CCTV**



Pemantauan CCTV oleh Bahagian ‘Task Force’ Jabatan

# JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana. Selain itu, JPEP memainkan peranan sebagai penyelaras projek-projek penswastaan disamping menjalankan projek-projek penyelidikan sosio ekonomi.

DBKL melaksanakan projek pembangunan yang meliputi projek-projek jalan dan jambatan, pembangunan sosial, rekreasi dan kemudahan awam, pasar dan pusat penjaja, baik pulih sungai, pengindahan sungai dan sistem perparitan induk. Justeru itu, JPEP dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan disiapkan oleh Jabatan Pelaksana mengikut jadual.

## 1.0. BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaras projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh DBKL.

Terdapat enam (4) unit yang terletak di bawah bahagian ini iaitu:-

- a. Unit Pengurusan Bajet dan Keurusetiaan
- b. Unit Bantuan Langsung dan Projek Khas.
- c. Unit Peruntukan DBKL
- d. Unit Pengurusan Setinggan, Projek Kecil dan Kuota Bumiputra

### 1.1. Pengurusan Bajet

Pada tahun 2016, peruntukan yang disediakan untuk projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM1,364,543,000**. Prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan adalah seperti di Jadual 1.

PEMBIAYAAN	PERUNTUKAN 2016 (RM)	BELANJA 31 DIS 2016	
		(RM)	%
DBKL	1,046,913,000	1,017,365,231.19	97.18
RMKe-10	196,106,000	197,072,096.10	100.49
NKRA	5,824,000	3,775,341.13	64.82
GREATER KL	100,000,000	98,190,918.83	98.19
PETRONAS	4,000,000	3,559,536.57	88.99
LAIN-LAIN	11,700,000	10,928,090.62	93.40
<b>JUMLAH</b>	<b>1,364,543,000</b>	<b>1,330,891,214.44</b>	<b>97.53</b>

**Jadual 1 :** Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan.

JABATAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2016 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)	PERATUSAN BELANJA (SEBENAR) (%)	BAKI PERUNTUKAN SEBENAR (RM)
JKPB	120	343,089,000	326,037,802.61	95.03	17,051,197.39
JPPP B	178	339,524,700	334,286,583.78	98.46	5,238,116.22
JPPH	9	53,454,000	320,524,801.89	99.63	-267,070,801.89
JPPPK	20	316,700,000	21,523,881.74	6.80	295,176,118.26
JPIF	1	8,234,000	872,113	10.59	7,361,887.50
JLR	20	910,000	50,742,026.96	5.57	-49,832,026.96
JPRB	10	29,731,200	6,594,015.77	22.18	23,137,184.23
JKME	20	39,576,100	37,573,757.03	94.94	2,002,342.97
JPEP	9	229,524,000	229,474,030.25	99.98	49,969.75
JKB	1	1,800,000	1,658,631.25	92.15	141,368.75
JKAS	1	2,000,000	1,603,570.66	80.18	396,429.34
<b>JUMLAH</b>	<b>389</b>	<b>1,364,543,000</b>	<b>1,330,891,214.44</b>	<b>97.53</b>	<b>33,651,785.56</b>


**Jadual 2 :** Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana

#### Penyelarasan Projek-projek DBKL, Bantuan Langsung dan lain-lain

Pada tahun 2016 sebanyak 389 projek melalui pembiayaan DBKL, Bantuan Langsung dan Lain-lain yang diselaraskan oleh Bahagian ini.

PEMBIAYAAN	BIL. PROJEK	PERANCANGAN	REKA BENTUK	DOKUMEN TENDER	TENDER	PELAKSANAAN	SIAP	BATAL
DBKL	328	67	37	19	15	133	55	2
RMKe-11	25	1	-	4	-	9	11	-
NKRA	6	-	-	-	-	4	2	-
GREATER KL	23	2	-	-	-	15	6	-
PETRONAS	1	-	-	-	-	1	-	-
LAIN-LAIN	6	-	-	-	-	6	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>389</b>	<b>70</b>	<b>37</b>	<b>23</b>	<b>15</b>	<b>168</b>	<b>74</b>	<b>2</b>

**Jadual 3 :** Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan 2016

**Carta 1 :** Prestasi Fizikal Mengikut Sumber Pembiayaan 2016

JABATAN	JUMLAH	PERANCANGAN	REKA BENTUK	DOKUMEN TENDER	TENDER	PELAKSANAAN	SIAP	BATAL
JKPB	120	20	5	7	3	54	31	-
JPPPBP	178	28	31	14	11	57	35	2
JPPH	9	2	-	-	-	7	-	-
JPPPK	20	12	-	-	-	8	-	-
JPIF	1	-	-	-	-	1	-	-
JLR	20	2	-	1	-	12	5	-
JPRB	10	3	-	-	-	7	-	-
JKME	20	3	1	1	1	11	3	-
JPEP	9	-	-	-	-	9	-	-
JKB	1	-	-	-	-	1	-	-
JKAS	1	-	-	-	-	1	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>389</b>	<b>70</b>	<b>37</b>	<b>23</b>	<b>15</b>	<b>168</b>	<b>74</b>	<b>2</b>

**Jadual 4:** Prestasi Fizikal Mengikut Jabatan Pelaksana

## 1.2. Penyelarasan Projek-projek Kecil

Bahagian ini juga bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil melalui pejabat-pejabat cawangan seperti berikut :

- i. Projek Kecil Infrastruktur
- ii. Projek Kecil Bekalan

BIL	VOT	PROJEK / PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BELANJA TERKUMPUL (RM)	%
1.	6092500103	Peruntukan PPPP (Kerja-Kerja Infrastruktur)	2,000,000.00	1,899,886.00	95%
2.	6092500115	Peruntukan PPPP (Kerja-Kerja Jalan Dan Parit)	588,000.00	587,046.00	100%
3.	6092500107	Peruntukan Khas JPEPP	2,000,000.00	1,941,995.00	97%
4.	6093506600	Infrastruktur Kg. Tradisional	100,000.00	74,327.00	74%
5.	6090206900	Menaiktaraf Dewan Masyarakat di Sekitar Kuala Lumpur	200,000.00	116,239.00	58%
<b>JUMLAH</b>			<b>4,888,000.00</b>	<b>4,621,893.00</b>	<b>95%</b>

**Jadual 5 :** Prestasi Kewangan Projek Kecil (Infrastruktur) mengikut Jenis Peruntukan

Sebanyak 305 projek kecil infrastruktur dipohon pada tahun 2016 dengan jumlah sebanyak RM4.89 juta. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH		JABATAN							
		PROJEK	SIAP	UPB	JKAPB	JLR	JPPP	JKM	PCW	JUMLAH	
1	Kepong	14	14	7	2	3	2	-	-	14	
2	Cheras	17	17	6	1	-	10	-	-	17	
3	Segambut	9	9	1	3	-	5	-	-	9	
4	Seputeh	18	18	6	6	-	6	-	-	18	
5	Wangsa Maju	28	28	10	3	2	12	1	-	28	
6	Bandar Tun Razak	41	41	26	3	2	7	2	-	41	
7	Bukit Bintang	10	10	5	1	1	3	-	-	10	
8	Batu	33	33	6	5	1	21	-	-	33	
9	Titiwangsa	9	9	3	1	4	1	-	-	9	
10	Lembah Pantai	13	13	4	1	-	8	-	-	13	
11	Setiawangsa	80	80	18	20	8	32	-	2	80	
	<b>JUMLAH</b>	<b>271</b>	<b>271</b>	<b>92</b>	<b>46</b>	<b>21</b>	<b>107</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>271</b>	

**Jadual 6 :** Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur 2016 Mengikut Pejabat Cawangan

Sebanyak RM2.0 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembekalan/perkakasan kemudahan masyarakat sebanyak 85% dari jumlah tersebut telah dibelanjakan.

BIL	PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	%
1	Kepong	24,829.00	2
2	Cheras	36,994.00	2
3	Segambut	26,865.00	2
4	Seputeh	35,552.00	2
5	Wangsa Maju	555,369.00	34
6	Bandar Tun Razak	137,741.00	8
7	Bukit Bintang	24,637.00	1
8	Batu	172,253.00	10
9	Titiwangsa	211,206.00	13
10	Lembah Pantai	50,200.00	3
11	Setiawangsa	375,549.10	23
<b>JUMLAH</b>		<b>1,651,195.10</b>	<b>100</b>

**Jadual 7:** Prestasi Bekalan Projek Kecil Mengikut Pejabat Cawangan

#### A. Kuota Bumiputera

Pada tahun **2016**, sebanyak **6 kali mesyuarat** pelepasan unit kuota bumiputera telah diadakan yang melibatkan **20 pemaju** bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak **1,932 unit**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **310 unit** telah dilepaskan dengan mengikuti prosedur pelepasan unit kuota bumiputera. Baki sebanyak **982 unit** masih belum dipohon untuk dilepaskan oleh pemaju.

#### B. Pengurusan Setinggan

Daripada **28,546** keluarga/orang setinggan mengikut bancian 1998/1999 sebanyak **25,539** keluarga/orang yang telah berjaya dipindahkan. Baki setinggan yang masih ada, seperti berikut :

BIL.	PARLIMEN	BIL. KAWASAN SETINGGAN	BAKI KELUARGA SETINGGAN TERKINI
1.	Batu	10	740
2.	Bandar Tun Razak	2	91
3.	Cheras	4	96
4.	Bukit Bintang	-	-
5.	Kepong	8	1,458
6.	Lembah Pantai	2	9
7.	Segambut	-	-
8.	Seputeh	1	34
9.	Setiawangsa	1	8
10.	Titiwangsa	1	94
11.	Wangsa Maju	5	477
<b>JUMLAH</b>		<b>34</b>	<b>3007</b>

Jadual 8: Status Settinggan Mengikut Kawasan Parlimen

## 2.0. BAHAGIAN PENSWASTAAN


Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah. Sehingga bulan November 2016, JPEP mengendalikan sebanyak 127 projek penswastaan dengan pulangan terkumpul sebanyak **RM3,353,525,574.57**.

Pulangan dan status pelaksanaan projek penswastaan sehingga bulan November 2016 adalah seperti di jadual berikut:-

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1.	Usahasama dan pembangunan semula	32
2.	Pajakan/Penyewaan/ <i>right-to-occupy</i>	22
3.	Penjualan tanah	81
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>135</b>

Jadual 9: Bilangan Projek Penswastaan

KATEGORI	TERIMAAN SEHINGGA DISEMBER 2015 (RM)	TERIMAAN SEHINGGA NOVEMBER 2016 (RM)
Projek Siap	277,710,368.13	280,533,056.13
Projek Dalam Pembinaan	874,679,683.03	922,249,683.03
Penjualan Tanah (KWCA)	1,362,592,726.20	1,835,611,509.92
Projek Ditamatkan (KWP)	4,771,015.00	4,771,015.00
Lain-lain hasil (KWP)	2,215,424.75	18,172,753.96
Pajakan	285,893,443.39	292,187,556.53
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,807,862,660.50</b>	<b>3,353,525,574.57</b>

**Jadual 10:** Pulangan Projek-Projek Penswastaan DBKL

(berdasarkan rekod Jabatan Kewangan)

## 2.1. RUMAH MAMPU MILIK WILAYAH PERSEKUTUAN (RUMAWIP)

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek RUMAWIP melalui kaedah penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur. Bagi tahun 2016, JPEP menyelaras sejumlah 51 projek dan **30,005 unit** RUMAWIP.

Kategori	Siap		Pembinaan		Perintah Pembangunan		Pertimbangan OSC		Perancangan		Bil Projek	Jumlah Unit
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit		
Usahasama	5	3,461	10	7,257	13	7,503	11	8,300	12	3,484	51	30,005
Persendirian	-	-	9	5,520	14	5,428	18	6,295	1	0	42	17,243
JUMLAH	5	3,461	19	12,777	27	12,931	29	14,595	13	3,484	93	47,248

Bilangan Unit Pembinaan RUMAWIP di Bawah Seliaan DBKL

Status penjualan unit RUMAWIP adalah seperti di Jadual di bawah:

BIL	PROJEK	JUMLAH UNIT	KUOTA BUMIPUTERA	UNIT TERJUAL BUMIPUTERA	UNIT TERJUAL BUKAN BUMIPUTERA
1.	SkyAwani Residensi	1,226	50% (613 unit)	96% (591 unit)	100% (613 unit)
2.	Residensi Pandanmas 1	700	50% (350 unit)	95% (331 unit)	97% (341 unit)
3.	Residensi Pandanmas 2	1,920	50% (960 unit)	48% (433 unit)	88% (898 unit)
4.	Residensi Kepongmas	1,514	60% (909 unit)	44% (400 unit)	86% (518 unit)
5.	Residensi Sentulmas	351	50% (176 unit)	90% (158 unit)	95% (166 unit)
6.	Residensi Hijauan Lumayan	512	50% (256 unit)	77% (196 unit)	100% (256 unit)
7.	Residensi Razakmas	427	60% (256 unit)	88% (226 unit)	68% (115 unit)
8.	Residensi Rampai	161	50% (81 unit)	100% (81 unit)	100% (80 unit)
	JUMLAH	6,811	3,601	2,416	2,988

Penjualan Unit RUMAWIP di Bawah Seliaan JPEP

**Nota:**

Bagi projek RUMAWIP baharu dibuka selepas Oktober 2016 tidak dimasukkan kerana proses tawaran kepada pemohon layak masih belum selesai.

### Majlis Pelancaran & Sesi Pengundian Rumawip Legasi Kampong Bharu





### Majlis Pelancaran & Sesi Pengundian Rumawip Lanai Bukit Jalil







# Ringkasan Kewangan



*BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG*

# RINGKASAN KEWANGAN

## Memahami Laporan Kewangan

### Gambaran kewangan

Ringkasan ini disediakan bertujuan untuk membantu pengguna memahami perihal kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (“DBKL”) dengan lebih mudah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Penyata kewangan DBKL telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (“MPSAS”).

Penyata Prestasi Kewangan DBKL menunjukkan DBKL telah mencapai lebihan tahun semasa bagi tahun kewangan 2016 sebanyak RM873 juta (2015: RM968 juta). Lebihan ini dipengaruhi oleh kombinasi item - sebahagiannya bersifat operasi (berlaku setiap tahun) dan sebahagian lain yang dinamik dan berubah secara signifikan setiap tahun.

### Penyata Prestasi Kewangan

Penyata ini menunjukkan:-

- Sumber hasil DBKL di bawah pelbagai kategori pendapatan; dan
- Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan DBKL yang bersifat penyelenggaraan pada tahun semasa. Perbelanjaan ini hanya berkaitan dengan operasi dan tidak termasuk kos pembelian atau pembinaan aset (melainkan aset kecil). Walaupun kos pembelian aset tidak termasuk dalam perbelanjaan, terdapat item untuk “Susutnilai”. Amaun ini merupakan nilai aset “yang digunakan” dalam tahun kewangan semasa.


### Pendapatan

Berdasarkan keperluan MPSAS, pendapatan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:-

- **Pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran** - merujuk kepada pendapatan terhasil terutamanya daripada mandat undang-undang yang diberikan kepada DBKL termasuk terimaan cukai, denda dan lesen.
- **Pendapatan Urusniaga Pertukaran** - merujuk kepada pendapatan selain daripada di atas.

### Pendapatan

RM'bilion




Secara keseluruhan, pendapatan tahun semasa mencatatkan penurunan dengan pendapatan tahun semasa sebanyak RM3.18 bilion berbanding RM3.51 bilion pada tahun sebelumnya.

Penyumbang terbesar kepada pendapatan DBKL adalah hasil kutipan cukai taksiran iaitu 34% daripada keseluruhan hasil. Pada tahun 2016 hasil kutipan cukai taksiran adalah berjumlah RM1.08 bilion - menokok RM0.02 bilion berbanding RM1.06 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sejajar dengan peningkatan harta tanah baru di Bandaraya Kuala Lumpur yang didaftarkan pada tahun semasa.

Penurunan pendapatan keseluruhan adalah berpunca daripada sebab-sebab utama seperti berikut:-

- Penurunan hasil dari projek penswastaan sebanyak RM160.68 juta, disebabkan oleh penjualan aset yang berkurangan berbanding tahun sebelumnya.
- Penurunan keuntungan dari pelupusan aset sebanyak RM275.30 juta.

### *Pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran*



- Cukai taksiran
- Bantuan daripada kerajaan
- Peruntukan projek pembangunan direalisasi
- Denda dan lesen

#### **Cukai taksiran**

Kadar cukai taksiran adalah ditaksirkan atas nilai tahunan pegangan seperti mana yang telah ditetapkan menurut Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Kutipan cukai taksiran DBKL pada tahun semasa adalah selari dengan jangkaan bajet.

#### **Bantuan daripada kerajaan**

Terdiri daripada peruntukan penyelenggaraan jalanraya sebanyak RM33.84 juta dan selebihnya untuk peruntukan mengurus dan lain-lain masing-masing sebanyak RM16.20 juta dan RM20.30 juta.


#### **Peruntukan projek pembangunan direalisasi**

Pendapatan ini merujuk kepada dana yang telah digunakan pada tahun semasa bagi tujuan pembangunan am dan senggaraan jalan dan parit.

#### **Denda dan lesen**

Pendapatan daripada sumber ini adalah sebanyak RM70.22 juta pada tahun semasa dan RM87.31 juta pada tahun sebelum.

### Pendapatan Urusniaga Pertukaran



#### Kawalan binaan dan perancangan

Merupakan caj yang dikenakan kepada pemaju-pemaju yang menjalankan projek pembangunan di Kuala Lumpur. Peningkatan kepada RM594.67 juta berbanding RM548.37 juta tahun sebelumnya adalah selaras dengan penambahan permohonan projek pembangunan tahun semasa.

#### Faedah daripada pelaburan

Terdiri daripada faedah simpanan tetap, simpanan jangka pendek, amanan saham dan lain-lain pelaburan. Pendapatan ini menokok sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya, selaras dengan peningkatan pelaburan dalam simpanan tetap pada tahun semasa.

#### Sewaan


Pendapatan sewaan utama adalah sewaan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat DBKL. Selain itu terdapat juga sewaan lain-lain harta seperti sewa petak kereta, tiang lampu, gerai, pasar dan sebagainya.

#### Keuntungan pelupusan aset

Merujuk kepada penjualan tanah, penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat.

## Perbelanjaan


**Perbelanjaan**  
RM'bilion



Selari dengan penurunan pendapatan tahun semasa, perbelanjaan tahun semasa juga merekodkan penurunan sebanyak 10.4% jika dibandingkan dengan tahun sebelum.

Penurunan ketara berbanding tahun sebelum dapat dilihat pada perbelanjaan berikut:-

- Perkhidmatan dan bekalan menurun sebanyak RM43.35 juta, didorong oleh langkah penjimatan yang disarankan. Walaubagaimanapun, kualiti perkhidmatan perbandaran masih berada di tahap yang tinggi.
- Kerugian pelupusan aset merosot sebanyak RM133.18 juta, selaras dengan rosot nilai yang telah dibuat pada tahun sebelum terhadap baki aset hartaanah untuk dijual.
- Peruntukan rosot nilai aset hartaanah untuk dijual merosot sebanyak RM258.38 juta, disebabkan oleh sebahagian besar aset hartaanah yang ada telah pun dirosotnilai pada tahun sebelum.



**Kos kakitangan** - Terdiri daripada emolumen kakitangan serta eluan lebih masa.


**Perkhidmatan dan bekalan** - Merujuk kepada perbelanjaan utama seperti berikut:-

Pembersihan bandar	RM236.76 juta
Pengurusan dan pentadbiran	RM193.41 juta
Penyelenggaraan perumahan	RM113.75 juta
Penyelenggaraan lampu jalan dan sistem lalulintas	RM82.56 juta
Penyelenggaraan jalan raya dan saliran	RM69.91 juta
Penghijauan dan penyelenggaraan taman	RM61.54 juta

Senarai penuh adalah seperti di Nota 16 kepada Penyata Kewangan.

**Susutnilai dan rosotnilai** - Susutnilai menggambarkan penyusutan nilai aset disebabkan penggunaan aset tersebut; haus dan lusuh (*wear and tear*). Manakala, rosotnilai menggambarkan penurunan kekal nilai aset berdasarkan faedah yang dijangka boleh dijana oleh aset tersebut. Ia tidak memberi kesan ke atas kedudukan tunai DBKL. Aliran tunai hanya terpengaruh pada ketika pembelian dan pembinaan aset.

**Pembangunan dan penyelenggaraan** - Perbelanjaan ini adalah bersifat penyelenggaraan berkaitan kemudahan awam, bangunan pejabat, kemudahan lalulintas, tempat letak kereta, kerja-kerja jalan raya, perparitan dan sebagainya. Pecahan perbelanjaan ini pada tahun semasa adalah seperti carta di bawah.



## Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata kedudukan kewangan mendedahkan nilai bersih DBKL dan secara jelas menunjukkan sumber yang dimiliki DBKL sebagai aset dan obligasi DBKL sebagai liabiliti. Aset dan liabiliti dianggap antara kategori semasa dan bukan semasa. Aset semasa dan liabiliti semasa merupakan amaun yang dijangka akan diperolehi semula atau diselesaikan dalam masa 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Komponen Penyata Kedudukan Kewangan terdiri daripada:

### **Aset semasa dan bukan semasa**

- Baki bank dan wang tunai merupakan baki di akaun bank dan juga baki tunai di tangan.
- Deposit tetap di institusi kewangan merupakan komponen aset terbesar DBKL dan merujuk kepada nilai pasaran deposit tetap yang diletakkan di institusi kewangan.
- Urusniaga bukan pertukaran belum terima adalah merujuk kepada amaun cukai pintu yang terhutang daripada pembayar cukai.
- Urusniaga pertukaran belum bayar terdiri daripada penghutang harta tanah, sewaan, jualan, yuran perkhidmatan, projek penswastaan dan lain-lain.
- Inventori merujuk kepada alat kenderaan di bengkel DBKL, alat tulis dan barang-barang stor.

▸ Hartanah, loji dan peralatan merujuk kepada tanah, bangunan, aset infrastruktur, kenderaan, taman, peralatan dan sebagainya. Selaras dengan keperluan piawaian perakaunan baru yang digunakan, DBKL dalam proses untuk mengenalpasti dan mengiktiraf aset infrastruktur yang diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun-tahun sebelumnya. Hal ini akan meningkatkan nilai aset di dalam penyata kewangan DBKL di masa akan datang.

- Pelaburan harta tanah merujuk kepada harta tanah yang dipegang untuk tujuan mendapatkan keuntungan hasil dari peningkatan nilai harta tanah.
- Aset kewangan merujuk kepada nilai pasaran pegangan saham DBKL dan juga pelaburan unit amanah.
- Aset harta tanah untuk dijual merupakan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat di sekitar Kuala Lumpur serta lot kedai, kilang dan rumah berderet dua tingkat di Bandar Tun Razak.

### **Liabiliti semasa dan bukan semasa**

- Urusniaga pertukaran belum bayar merujuk kepada nilai hutang DBKL kepada pelbagai pembiutang termasuk cagaran dipegang pada 31 Disember.
- Pendapatan tertunda merujuk kepada terima bayaran bagi penjualan aset yang mana proses penjualan belum selesai.

- Pinjaman merupakan pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia.
- Peruntukan manfaat kakitangan adalah termasuk peruntukan gantian cuti rehat kepada kakitangan yang akan dibayar pada masa hadapan.
- Penerimaan terdahulu merupakan penerimaan bagi kerja-kerja dan projek pembangunan yang belum selesai.

### **Aset bersih**

Istilah yang digunakan ini merujuk kepada perbezaan antara jumlah aset dan liabiliti. Ia mewakili nilai bersih DBKL pada 31 Disember.


### **Jumlah ekuiti**

Amaun ini akan sentiasa sama dengan amaun aset bersih. Ianya terdiri daripada komponen berikut:


- Lebihan terkumpul: Ini merupakan lebihan operasi DBKL yang telah terkumpul dari semasa ke semasa.
- Rizab: Ini diwujudkan bagi tujuan pengapungan harta modal dan penggunaan tertentu di masa hadapan seperti pembangunan, pinjaman pelajaran kakitangan, penyelenggaraan perumahan kos rendah dan lain-lain.

Kedudukan kewangan DBKL meningkat sebanyak RM873 juta pada tahun semasa kesan daripada lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan pada tahun semasa.

### Kedudukan Kewangan



### Pembahagian Aset



● Tunai dan setara tunai  
● Aset hartanah untuk dijual

● Akaun belum terima  
● Lain-lain

● Hartanah, loji dan peralatan

## Penyata Perubahan Ekuiti

Komponen ekuiti DBKL terdiri daripada Lebihan Terkumpul dan Rizab-rizab.

Sepanjang tahun 2016, amaun komponen ekuiti seperti yang diterakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan mengalami perubahan. Penyata ini menunjukkan bagaimana perubahan ini berlaku. Sebab utama perubahan adalah seperti berikut:-

- Kesan penggunaan MPSAS merupakan pelarasan yang dibuat terhadap baki awal ekuiti bagi mematuhi piawaian perakaunan ini yang mula digunakan pada tahun 2016.
- Lebihan tahun semasa adalah amaun pendapatan yang melebihi perbelanjaan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- Pindahan di dalam ekuiti menunjukkan amaun yang diguna daripada rizab atau ditambah ke dalam rizab untuk kegunaan di masa hadapan.

## Penyata Aliran Tunai


Penyata Aliran Tunai merupakan ringkasan bayaran dan terimaan tunai oleh DBKL. Penyata ini telah disediakan menurut keperluan piawaian perakaunan MPSAS.

Ia tidak termasuk belanja yang tidak melibatkan tunai seperti susutnilai, rosotnilai dan peruntukan hutang rugu. Amaun yang diterakan di Penyata Aliran Tunai mungkin berbeza daripada yang ditunjukkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan kerana Penyata Prestasi Kewangan disediakan menurut asas perakaunan akruan manakala Penyata Aliran Tunai disediakan berdasarkan masa penerimaan dan pembayaran tunai.

Tunai DBKL diguna dan dijana dari 3 aktiviti utama seperti berikut:

### Aliran tunai mengikut aktiviti

RM'bilion



#### Aktiviti operasi

Aliran tunai daripada aktiviti ini sebahagian besarnya terhasil daripada aktiviti utama penjanaan tunai DBKL

- Penerimaan tunai adalah termasuk terimakan cukai, dendra, caj perkhidmatan, fi, faedah pelaburan dan hasil operasi yang lain.
- Pembayaran tunai adalah termasuk bayaran kepada pembekal, kakitangan, faedah pinjaman dan bayaran operasi yang lain seperti penyelenggaraan aset.

Secara keseluruhannya, penyata ini memberi gambaran keupayaan tunai DBKL untuk melaksanakan tanggungjawab mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### Aktiviti pelaburan

Aliran tunai keluar daripada aktiviti ini menunjukkan setakat mana aliran tunai telah dibuat bagi pembelian hartanah, loji dan peralatan yang akan menyumbang kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan DBKL di masa hadapan.

Aliran tunai masuk daripada aktiviti ini merujuk kepada penjualan harta tanah, loji dan peralatan serta dividen diterima daripada pelaburan aset kewangan.

#### Aktiviti pembiayaan

Aliran tunai daripada aktiviti ini merujuk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik pinjaman jangka panjang.

**Nota:** Ringkasan kewangan di atas tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan statutori dan oleh itu tidak tertakluk kepada pendapat juruaudit. Ia telah disediakan untuk membantu komuniti Kuala Lumpur dalam memahami prestasi dan kedudukan kewangan DBKL dengan lebih baik. Ringkasan ini hendaklah dibaca bersama penyata kewangan.

## 2016 SEPINTAS LALU

Kewangan

**RM3.18b**

jumlah pendapatan

**9,616**

tenaga kerja

**RM11.35b**

jumlah aset

Perumahan Awam dan Rakyat

**18,247**

unit dijual

**44,292**


unit disewakan

**40,794**

unit dikawal selia



Program Kesihatan

**RM4.5j**

dibelanjakan

**60%**

penurunan kematian akibat denggi

**1,095,000**



tan metrik sisa domestik diangkut setahun



Pembersihan Bandar



# Penyata Kewangan



*BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG*



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### **Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

#### **Pendapat**

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

#### **Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Penasihat.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Penasihat, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Penasihat, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Penasihat terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Penasihat dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
24 OGOS 2017



## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Saya, **DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ**, Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



---

**DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ**  
**DATUK BANDAR**  
**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Bertarikh : **07 AUG 2017**

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR****AKUAN BERKANUN**

Saya, **MOHAMAD BIN HAMIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

353

Ditandatangani dan diperakui oleh }  
yang tersebut di atas, }  
**MOHAMAD BIN HAMIM** }  
di **KUALA LUMPUR** }  
pada }

**07 AUG 2017**

Dihadapan saya,



Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,  
**PESURUHJAYA SUMPAH**,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

Nota	31.12.2016 RM	31.12.2015 RM	1.1.2015 RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Baki bank dan wang tunai	175,269,332	88,049,640	99,006,522
Deposit tetap di institusi kewangan	5,225,468,926	5,088,419,886	4,333,507,749
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	249,029,411	309,837,339
Urusniaga pertukaran belum terima	5	1,349,671,435	1,577,661,954
Inventori	6	4,004,005	5,377,563
	7,003,443,109	7,069,346,382	5,698,783,863
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	7	3,207,669,312	2,739,512,899
Pelaburan harta tanah		260,781	3,228,248
Aset kewangan sedia dijual	8	141,046,332	149,685,781
Aset harta tanah untuk dijual	9	761,967,549	848,860,316
Urusniaga pertukaran belum terima	5	234,232,522	-
	4,345,176,496	3,741,287,244	3,909,537,492
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>11,348,619,605</b>	<b>10,810,633,626</b>	<b>9,608,321,355</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urusniaga pertukaran belum bayar	10	882,995,493	725,521,878
Pendapatan tertunda	11	200,330,282	547,500,683
Pinjaman	12	6,915,548	6,879,501
Peruntukan manfaat kakitangan	13	4,500,000	4,500,000
	1,094,741,323	1,284,402,062	960,728,805
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Kumpulan wang	14	419,175,668	598,733,627
Pinjaman	12	163,896,556	170,812,103
Penerimaan terdahulu	15	326,666,809	286,362,185
Peruntukan manfaat kakitangan	13	15,005,453	14,254,283
	924,744,486	1,070,162,198	1,098,660,466
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,019,485,809</b>	<b>2,354,564,260</b>	<b>2,059,389,271</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>9,329,133,796</b>	<b>8,456,069,366</b>	<b>7,548,932,084</b>
<b>EKUITI/ASET BERSIH</b>			
Lebihan terkumpul	3,207,018,490	2,575,482,719	1,466,123,437
Rizab	6,122,115,306	5,880,586,647	6,082,808,647
<b>JUMLAH EKUITI/ASET BERSIH</b>	<b>9,329,133,796</b>	<b>8,456,069,366</b>	<b>7,548,932,084</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN</b>			
Cukai taksiran		1,080,550,632	1,060,084,773
Bantuan daripada kerajaan		70,278,775	57,873,803
Peruntukan projek pembangunan direalisasi		313,668,691	316,304,078
Denda		22,888,389	36,428,449
Lesen		47,326,837	50,880,495
		<b>1,534,713,324</b>	<b>1,521,571,598</b>
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN</b>			
Kawalan binaan dan perancangan		594,674,875	548,374,093
Faedah daripada pelaburan		228,355,727	203,905,774
Sewaan perumahan		63,816,934	67,937,633
Sewaan lain		62,418,754	52,200,891
Hasil dari projek penswastaan		4,211,419	164,890,455
Keuntungan dari pelupusan aset		635,587,923	827,020,400
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan		34,055,120	27,643,013
Lain-lain hasil		105,180,572	180,499,064
		<b>1,728,301,324</b>	<b>2,072,471,323</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>			
		<b>3,263,014,648</b>	<b>3,594,042,921</b>
<b>BELANJA MENGURUS</b>			
Emolumen		442,612,397	420,734,231
Elaun lebih masa		72,114,401	67,547,672
Perkhidmatan dan bekalan	16	887,632,385	930,986,371
Aset kecil (Inventori)		3,251,716	8,243,137
Pemberian dan kenaan tetap		31,906,142	50,497,121
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan		86,032,094	75,059,157
Peruntukan kerugian rosot nilai penghutang		3,630,947	12,032,320
Kerugian daripada pelupusan aset		56,348,170	189,531,055
Peruntukan kerugian rosot nilai aset untuk dijual		15,667,802	274,046,091
Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan		25,728,301	24,611,488
Perbelanjaan lain		166,947,313	183,210,739
<b>BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN</b>			
	17	598,078,550	450,406,260
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>			
		<b>2,389,950,218</b>	<b>2,686,905,642</b>
<b>LEBIHAN TAHUN SEMASA</b>			
		<b>873,064,430</b>	<b>907,137,279</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUTI BAGI TAHUN KEWANGANAN 31 DISEMBER 2016

	<u>Rizab belum belanja</u> <u>RM</u>	<u>Rizab pembangunan</u> <u>RM</u>	<u>Rizab modal</u> <u>RM</u>	<u>Tabung pinjaman pelajaran</u> <u>RM</u>	<u>Rizab penjihalan rumah</u> <u>RM</u>	<u>Tabung amanah</u> <u>RM</u>	<u>Kumpulan wang perumahan</u> <u>RM</u>	<u>Lebihan terkumpul</u> <u>RM</u>	<u>Jumlah</u> <u>RM</u>
Pada 1 Januari 2015, <i>seperti dinyatakan sebelum Kesan penggunaan MPSAS</i>	2,960,862,266 (2,960,862,266)	935,960,279	- 1,024,895,259	3,326,736,558 15,022,761	162,458,904 -	2,252,579 -	60,067,000 -	1,674,377,753 347,160,994	7,964,229,156 (415,297,069)
Pada 1 Januari 2015, <i>seperti dinyatakan semula</i>	-	935,960,279	- 4,351,631,817	15,022,761 1,459,239	162,458,904 -	2,252,579 55,937	60,067,000 -	2,021,538,747 905,622,103	7,548,932,087 907,137,279
Lebihan tahun semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kerugian nilai saksama aset kewangan sedia dijual	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan lain	-	132,498,282	-	99,679,735	750,000	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2015, <i>seperti dinyatakan semula</i>	-	1,068,458,561	4,451,311,552	17,232,000	281,209,018	2,308,516	60,067,000	2,575,482,719	8,456,069,366

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUTI BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

	Rizab belum beliau pembangunan RM	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Tabung pinjaman pelajaran RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung amanah RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2015, <i>seperti dinyatakan sebelum</i> Kesan penggunaan MPSAS	3,211,422,035 (3,211,422,035)	1,068,458,561	1,228,105,465	3,223,206,087 17,232,000	281,209,018	2,308,516	-	60,067,000	2,233,173,046 342,309,673
Pada 31 Disember 2015, <i>seperti dinyatakan semula</i>	-	1,068,458,561	4,451,311,552	17,232,000	281,209,018	2,308,516	60,067,000	2,575,482,719	8,456,069,366
Lebihan tahun semasa	-	(826,991,250)	-	-	-	22,332	873,042,098	873,064,430	
Belanja pembangunan: Dana DBKL	-	-	474,789,605	-	-	-	404,815,897		
Belanja pembangunan: Dana Luar	-	-	120,406,038	-	-	-	(120,406,038)		
Pelipusan aset	-	-	(15,741,414)	-	-	-	15,741,414		
Hapuskira pinjaman	-	445,748,450	(102,085,260)	(49,075)	12,039,954	-	49,075		
Pindahan lain	-	-	-	-	-	-	60,233,000	(416,686,144)	
Pindahan Mengikut Keputusan	-	-	-	-	125,020,531	-	(125,020,531)		
Menteri Wilayah Persekutuan*	-	-	-	-	-	-			
Pada 31 Disember 2016	-	687,215,761	4,928,680,521	17,932,925	365,655,251	2,350,848	120,300,000	3,207,018,490	9,329,133,796

\*Merujuk kepada perintahannya mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan rumah PPR MTEN dan Perumahan Awam DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan tahun semasa	873,064,430	907,137,279
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	86,032,093	75,059,157
Faedah dari pelaburan	(216,456,289)	(191,661,569)
Faedah wang pinjaman dikenakan	281,387	315,791
Peruntukan hutang rugu	3,630,947	12,032,320
Keuntungan ke atas jualan aset tetap	(645,220,191)	(638,018,518)
Pendapatan dividen	(11,899,438)	(12,173,143)
Geran pembangunan direalisasi	(313,668,691)	(316,304,078)
Rosot nilai Aset Untuk Dijual	15,667,802	274,046,091
Pendapatan dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(208,567,950)	110,433,330
(Pertambahan)/Pengurangan:		
Penghutang	51,225,971	(639,424,155)
Inventori	1,373,558	(275,856)
Pembiutang	(148,640,991)	304,424,050
Tunai dijana daripada/(digunakan oleh) operasi	(304,609,412)	(224,842,631)
Bayaran faedah wang pinjaman	(281,387)	(315,791)
Faedah pelaburan diterima	216,456,289	191,661,569
Tunai bersih dihasilkan oleh aktiviti operasi	(88,434,510)	(33,496,853)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Penerimaan dari:		
Pelupusan aset tetap	726,075,997	871,841,747
Pelupusan aset untuk dijual	71,224,965	124,236,813
Pelupusan aset kewangan	8,639,449	-
Jualan pelaburan hartanah	2,967,467	4,400,000
Pembelian aset tetap	(635,044,312)	(537,513,839)
Pembelian pelaburan hartanah	-	(4,740,776)
Dividen diterima	11,899,438	12,173,143
Tunai bersih diterima oleh aktiviti pelaburan	185,763,004	470,397,088

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

	2016	2015
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(6,879,500)	(6,845,097)
Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan	133,819,739	313,900,117
Tunai bersih digunakan dari aktiviti pembiayaan	126,940,239	307,055,020
<b>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>		
	224,268,733	743,955,255
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>		
	5,176,469,526	4,432,514,271
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>		
	5,400,738,259	5,176,469,526
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>		
Wang tunai dan dana jangka pendek	175,269,332	88,049,640
Deposit tetap	5,225,468,926	5,088,419,886
	5,400,738,258	5,176,469,526

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	<u>Bajet asal</u> RM	<u>Bajet akhir</u> RM	<u>Amaun sebenar</u> <u>pada asas</u> <u>setanding</u> RM	<u>Perbezaan</u> <u>bajet akhir dan</u> <u>amaun sebenar</u> RM
<b>TERIMAAN</b>				
Cukai taksiran	1,026,114,000	1,026,114,000	1,080,550,632	54,436,632
Bantuan daripada Kerajaan	524,400,000	407,330,000	70,278,775	(337,051,225)
Denda	20,000,000	20,000,000	22,888,389	2,888,389
Kawalan binaan dan perancangan	160,000,000	160,000,000	594,674,875	434,674,875
Faedah daripada pelaburan	162,000,000	162,000,000	228,355,727	66,355,727
Lesen	45,000,000	45,000,000	47,326,837	2,326,837
Sewaan perumahan	82,441,000	82,441,000	63,816,933	(18,624,067)
Sewaan lain	32,591,200	32,591,200	62,418,754	29,827,554
Hasil dari projek penswastaan	93,074,600	93,074,600	4,211,419	(88,863,181)
Lain-lain hasil	579,023,500	579,023,500	757,377,544	178,354,044
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<b>2,724,644,300</b>	<b>2,607,574,300</b>	<b>2,931,899,885</b>	<b>324,325,585</b>
<b>BELANJA MENGURUS</b>				
Emolumen	500,249,300	492,319,680	442,612,397	(49,707,283)
Elaun lebih masa	66,058,600	73,988,220	72,114,401	(1,873,819)
Perkhidmatan dan Bekalan				
Pengurusan dan Pentadbiran	212,667,000	216,790,275	193,407,512	(23,382,763)
Pembersihan Bandar	282,020,000	264,094,300	236,763,319	(27,330,981)
Penghijauan, Penyelenggaraan				
Taman, Tanah Lapang dan				
Kemudahan Rekreasi	72,284,800	70,185,600	61,543,794	(8,641,806)
Jalan Raya dan Saliran	116,650,000	113,675,300	69,908,334	(43,766,966)
Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem				
Lalulintas	86,000,000	92,992,000	82,562,377	(10,429,623)
Tempat Letak Kereta, Hentian Bas				
dan Siarkaki	5,218,000	4,368,000	3,487,065	(880,935)
Penyelenggaraan, Naik Taraf dan				
Ubahsuai Bangunan	41,929,600	42,797,600	34,750,374	(8,047,226)
Penjaja dan Peniaga Kecil	13,980,000	19,810,100	18,767,159	(1,042,941)
Penguatkuasaan	27,922,500	20,060,800	17,883,553	(2,177,247)
Perumahan Awam dan Rakyat	153,090,000	150,299,000	113,746,151	(36,552,849)
Kesihatan	6,432,000	6,432,000	4,588,238	(1,843,762)
Pembangunan Komuniti	37,280,000	41,197,350	35,556,596	(5,640,754)
Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	15,780,000	16,264,000	12,417,637	(3,846,363)
Pelancongan	13,750,000	8,898,700	2,250,277	(6,648,423)
Aset kecil (Inventori)	6,669,800	7,277,675	3,251,716	(4,025,959)
Pemberian dan kenaan tetap	37,028,000	47,948,000	31,906,143	(16,041,857)
Perbelanjaan lain	32,634,700	38,245,700	50,629,567	12,383,867
	<b>1,727,644,300</b>	<b>1,727,644,300</b>	<b>1,488,146,610</b>	<b>(239,497,690)</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

	<u>Bajet asal</u> <u>RM</u>	<u>Bajet akhir</u> <u>RM</u>	<u>Amaun sebenar</u> <u>pada asas</u> <u>setanding</u> <u>RM</u>	<u>Perbezaan</u> <u>bajet akhir dan</u> <u>amaun sebenar</u> <u>RM</u>
<b>BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN</b>				
Pembangunan am	311,010,000	615,934,100	23,113,900	(592,820,200)
Perkhidmatan kemajuan	559,600,000	384,597,700	296,798,878	(87,798,822)
Perumahan awam	17,800,000	35,037,000	-	(35,037,000)
Perumahan rakyat	30,250,000	25,030,000	35,361,618	10,331,618
Tempat letak kereta	54,140,000	66,169,000	988,490	(65,180,510)
Usahasama dan penswastaan	100,000	234,952,000	224,551,316	(10,400,684)
Aset modal	24,100,000	31,180,100	11,714	(31,168,386)
	997,000,000	1,392,899,900	580,825,916	(812,073,984)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>2,724,644,300</b>	<b>3,120,544,200</b>	<b>2,068,972,526</b>	<b>(1,051,571,674)</b>
<b>TERIMAAN BERSIH</b>	<b>-</b>	<b>(512,969,900)</b>	<b>862,927,359</b>	<b>1,375,897,259</b>

**Nota kepada penyata perbandingan bajet dan amaun sebenar:-**

1. Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016, dan termasuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam DBKL.
2. Bajet asal telah diluluskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 55(5) dan seksyen 16(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 pada 4 November 2015. Manakala bajet tambahan telah diluluskan pada 7 November 2016 oleh Menteri Wilayah Persekutuan selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
3. DBKL menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.
4. Peningkatan keseluruhan sebanyak 3% dalam jumlah terimaan sebenar berbanding bajet akhir adalah disumbangkan daripada peningkatan hasil daripada urusniaga pertukaran iaitu kawalan binaan dan perancangan kerana pertambahan bilangan kelulusan bagi permohonan merancang.
5. Kurangan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak 14% (RM1,488,146, 609) daripada bajet akhir yang diperuntukkan (RM1,727,644,300) adalah disebabkan langkah-langkah penjimatan dan pebelanjaan berhemah (value for money) yang dilaksanakan oleh DBKL selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1), Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dikuatkuasakan pada 11 Mac 2016 oleh Kerajaan Persekutuan.
6. Tambahan sebanyak 40% bajet akhir belanja pembangunan kepada RM1,392,899,900 berbanding bajet asal iaitu RM997,000,000 adalah disebabkan oleh pembelian harta tanah dan bayaran penyelesaian projek. DBKL telah menggunakan sumber dalaman bagi menampung perbelanjaan tambahan tersebut. Kesan daripada penggunaan sumber dalaman DBKL ini telah menyebabkan defisit dalam bajet akhir.
7. Perbandingan bajet akhir dan perbelanjaan sebenar belanja pembangunan seperti dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah tidak menggambarkan prestasi perbelanjaan sebenar kerana perbezaan dalam asas perakaunan. Belanja pembangunan yang ditunjukkan adalah merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyeleggaraan sahaja. Manakala belanja pembangunan sebenar yang dipermodalkan tidak ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 1. MAKLUMAT AM

Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Bandaraya Kuala Lumpur. Datuk Bandar adalah perbadanan tunggal di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960. Semua kuasa pentadbiran Datuk Bandar Kuala Lumpur digariskan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Kedua-dua akta di atas dibaca bersama.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Datuk Bandar selaku pihak yang berkuasa untuk meluluskan Penyata Kewangan berdasarkan Seksyen 54(3) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur pada 12 April 2017.

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

#### 2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*) dengan mengambil pakai pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu.

Dalam peralihan kepada MPSAS, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini terhadap aset infrastruktur. Pada tahun sebelumnya, aset infrastruktur adalah tidak dipermodalkan. DBKL akan mengenalpasti dan mempermudahkan aset infrastruktur secara berperingkat sepanjang tempoh yang dibenarkan.

Kesan pengiktirafan ini akan dilaraskan secara retrospektif kepada baki awal lebihan terkumpul.

Untuk tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan DBKL telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan untuk Entiti Persendirian (PERS – *Private Entities Reporting Standards*).

#### 2.2 Perubahan Polisi Perakaunan

Pada 1 Januari 2016, DBKL memilih untuk menerima pakai awal MPSAS yang akan berkuat kuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24, Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Pekerja
- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjanaan Tunai
- MPSAS 27, Agrikultur
- MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Persembahan

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara
- MPSAS 32, Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Pemberi
- MPSAS 33, Kali Pertama Penggunaan Asas Akruan MPSAS
- MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
- MPSAS 37, Pengaturan Bersama
- MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas. Kesan pertukaran kepada MPSAS ditunjukkan pada Nota 24.

#### 2.1 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

#### 2.2 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu matawang fungsian untuk DBKL.

#### 2.3 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

#### 3.1 Instrumen Kewangan

##### 3.1.1 Aset Kewangan

###### (a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila DBKL menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit.
- Pinjaman dan Penghutang;
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang; dan
- Aset Kewangan Sedia Dijual.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal (sambungan)

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

#### (b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

##### i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

##### ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

##### iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila DBKL berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas rosot nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskau pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepudu sebagai faedah efektif. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

##### iv. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengelakkkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

#### (d) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

#### i. Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan samada terdapat, secara individual, bukti objektif tentang rosot nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

#### ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai.

‘Signifikan’ bermaksud bandingan kepada kos asal manakala ‘berpanjangan’ bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual (sambungan)

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan rosot nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimana pun, amanah yang dinyatakan untuk rosot nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan diantara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

##### 3.1.2 Liabiliti Kewangan

###### (a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai:-

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemutang dagangan dan pemutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan, untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

###### (b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutnya untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

###### i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

###### ii. Pinjaman dan Pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskauan atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

###### (c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisahkan keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktiraf liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan diantara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

###### (d) Hapus silang (Offsetting) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amanah yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.2 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

#### 3.3 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai terealisasi bersih selepas ditolak kos penyiapan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barang terentukan berdasarkan asas purata wajaran. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

#### 3.4 Hartanah, loji dan peralatan

##### (a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepada dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahktirah ke lebihan atau defisit.

Kerja dalam proses merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

##### (b) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah Milik Bebas dan Kerja dalam Proses tidak disusutnilaikan.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:-

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (b) Susut Nilai (sambungan)

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	50 tahun
Kenderaan dan Jentera	5 tahun
Peralatan	5 tahun
Gerai perniagaan	10 tahun
Taman dan Rekreasi	50 tahun
Rumah panjang	10 tahun
Infrastruktur	25 – 50 tahun

Nilai bawa asset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai asset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

#### 3.5 Aset Hartanah untuk Dijual

Aset hartaanah untuk dijual terdiri daripada unit-unit bangunan siap yang dikenalpasti dalam program sewa-jual DBKL dan dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

#### 3.6 Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskauan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Manfaat Kakitangan.

Jenis Peruntukan Manfaat Kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekerja mengumpulkan cuti tahunan sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai tahap maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Kesan kewangan kepada DBKL pada tahun 2015 kerana pematuhan kepada Seksyen 25 MPSAS – Manfaat Pekerja ialah pengiktirafan belanja sebanyak RM4,500,000 telah dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa dan sejumlah RM18,754,283 yang merujuk kepada liabiliti setakat 31 Disember 2015 telah ditunjukkan sebagai Perubahan tahun sebelumnya di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

#### 3.7 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila DBKL mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

#### (a) Liabiliti Rehabilitasi

Kos rehabilitasi diperuntukkan pada nilai semasa kos jangkaan untuk menyelesaikan obligasi, menggunakan anggaran aliran tunai sebagai sebahagian kos aset berkenaan. Aliran tunai didiskaunkan pada kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan risiko spesifik untuk liabiliti rehabilitasi berkenaan. Perungkaihan diskauan dicaj sebagai kos kewangan di Penyata Prestasi Kewangan. Anggaran kos di masa hadapan untuk pemberhentian dikaji secara tahunan dan diselaraskan sebagaimana yang sesuai. Perubahan kepada anggaran kos di masa hadapan atau kadar diskauan yang digunakan akan dicampur atau ditolak dari kos asal aset berkenaan.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (b) Liabiliti Kontingen

DBKL tidak mengiktiraf liabiliti kontingen, tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan, kecuali kemungkinan aliran sumber ekonomi adalah terpencil.

#### 3.8 Sifat dan tujuan rizab

##### *Rizab Pembangunan dan Rizab Modal*

Untuk pembiayaan projek penyelengaraan, infrastruktur dan aset harta tanah, loji dan peralatan menggunakan dana dalaman, DBKL mewujudkan Rizab Pembangunan sebagai sebahagian dari ekuiti. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

###### i. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Rizab Modal dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

###### ii. Perbelanjaan lain

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Lebihan Terkumpul dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

###### iii. Penjualan aset dan hapuskira

Rizab Modal akan direalisasi secara pindahan ke Lebihan Terkumpul apabila aset berkenaan dijual atau dihapuskira.

##### *Rizab Nilai Saksama*

Merujuk kepada untung atau rugi nilai saksama yang tidak direalisasi bagi aset kewangan sedia dijual.

##### *Tabung Pinjaman Pelajaran*

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL serta anak pegawai dan kakitangan DBKL untuk melanjutkan pelajaran.

##### *Rizab Penjualan Rumah*

Memorendum Jemaah Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengenai “mekanisma dan prosedur pelaksanaan Skim Pembentukan Khas bagi penjualan rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam DBKL” bertarikh Januari 2012 telah menetapkan penyediaan peruntukan khas daripada terimaan hasil penjualan PPR (MTEN) sebagai Rizab Penjualan Rumah seperti berikut:

- 3.8.1 Peruntukan 20% bagi tujuan pembelian semula
- 3.8.2 Peruntukan 20% bagi tujuan pembangunan projek perumahan awam dan pembelian perumahan swasta
- 3.8.3 Peruntukan 10% bagi tujuan bantuan sewa rumah
- 3.8.4 Peruntukan 50% bagi tujuan pembaikan dan penyelenggeraan

##### *Tabung Amanah*

Tabung ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kerana kemaslahatan rumah kediaman di Kuala Lumpur akibat banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.9 Kumpulan Wang (KW)

Untuk pembiayaan projek infrastruktur dan aset hartanah, loji dan peralatan menggunakan dana sumbangan pihak luar, DBKL mewujudkan KW sebagai liabiliti bukan semasa. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

##### i. Penerimaan dana

Dana diterima dikredit kepada KW.

##### ii. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan perbelanjaan yang diasetkan dibuat pindahan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Modal
- Jumlah perbelanjaan yang diasetkan direalisasi sebagai pendapatan.

##### iii. Perbelanjaan lain

Jumlah bersamaan perbelanjaan direalisasi sebagai pendapatan.

#### 3.10 Pengiktirafan Pendapatan

##### Pendapatan transaksi bukan tukaran

- i. Geran Kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.
- ii. Geran Kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
- iii. Kawalan binaan dan perancangan, pengeluaran lesen dan denda diiktiraf mengikut asas tunai.

##### Pendapatan transaksi tukaran

- iv. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap mengikut asas akruan.
- v. Pendapatan dari kutipan sewaan adalah diiktiraf mengikut asas akruan.
- vi. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- vii. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

#### 3.11 Rosot nilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami rosot nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai (“UPT”), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai gunaan. Untuk mentafsir nilai gunaan, umuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Rosot nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikkan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambilkira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlunasan dan susutnilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambilkira. Nilai yang diterbalikkan ini diambilkira ke lebihan atau defisit bagi tahun semasa.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.12 Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam lebihan atau defisit dalam tempoh perbelanjaan berkenaan digunakan.

#### 3.13 Pajakan

##### i. Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada DBKL secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke lebihan atau defisit. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

##### ii. Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana DBKL secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.10.

#### 3.13 Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemutang atau penghutang dagangan berdominasikan matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemutang, atau dari pelaporan semula pemutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

#### 3.14 Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan DBKL yang didedahkan di dalam satu penyata.

#### 3.15 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Pertimbangan

Dalam proses menggunakan pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:-

##### i. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa rosot nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan rosot nilai. Dalam menjalankan semakan rosot nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami rosot nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

##### ii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke lebihan atau defisit. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakkan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

#### (b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

##### i. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

###### Nilai Atas Ekuiti

Bagi pelaburan ekuiti, rosot nilai terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

##### ii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan rosot nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisasi bersih cagaran.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

#### 4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016 RM	2015 RM
Penghutang cukai pintu	339,114,764	327,360,056
Penghutang lain	5,263,420	79,671,701
	344,378,184	407,031,757
Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai	(95,348,773)	(97,194,418)
	249,029,411	309,837,339

#### 4(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Belum tertunggak dan tidak dirosotnilai	31,392,464	119,253,582
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dirosotnilai	76,859,511	112,781,617
Lebih dari 3 tahun dan tidak dirosotnilai	140,777,436	77,802,140
	249,029,411	309,837,339
Dirosotnilai (Nota 4(a)(iii))	95,348,773	97,194,418
	344,378,184	407,031,757

##### (i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

##### (ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosotnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

##### (iii) Penghutang yang dirosotnilai

Penghutang yang dirosotnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian rosot nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Pada 1 Januari	97,194,418	91,874,092
Caj pada tahun kewangan semasa	10,138,315	5,320,326
Hapuskira kerugian rosot nilai	(11,983,960)	-
Pada 31 Disember	95,348,773	97,194,418

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dirosotnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

## 5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016 RM	2015 RM
Penghutang harta tanah	588,540,710	825,728,880
Penghutang sewaan (Nota 5(b))	269,770,386	106,867,551
Penghutang jualan	109,416,074	31,534,280
Penghutang perkhidmatan dan utiliti	61,034,264	49,084,741
Penghutang projek penswastaan	266,683,518	365,597,182
Penghutang pelbagai	161,596,287	103,216,978
Hasil faedah terakru	85,161,141	97,230,585
Pinjaman kakitangan	6,927,646	8,725,212
Cagaran	5,486,065	6,748,375
Bayaran terdahulu	102,379,641	52,238,839
	1,656,995,732	1,646,972,623
Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai	(73,091,775)	(69,310,669)
	1,583,903,957	1,577,661,954
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	1,349,671,435	1,577,661,954
Aset bukan semasa	234,232,522	-
	1,583,903,957	1,577,661,954

### 5(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Belum tertunggak dan tidak dirosotnilai	643,643,511	908,559,302
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dirosotnilai	748,430,178	527,807,778
Lebih dari 3 tahun dan tidak dirosotnilai	191,830,268	141,294,874
	1,583,903,957	1,577,661,954
Dirosotnilai (Nota 5(a)(iii))	73,091,775	69,310,669
	1,656,995,732	1,646,972,623

#### (i) Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai

Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dirosotnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

#### (ii) Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai

Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dirosotnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosotnilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

#### 5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

##### 5(a) Analisis pengumuran (sambungan)

###### (iii) *Penghutang yang dirosotnilai*

Penghutang yang dirosotnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian rosot nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Pada 1 Januari	69,310,669	62,982,430
Caj pada tahun kewangan semasa	5,458,617	6,669,385
Hapuskira kerugian rosot nilai	(1,677,511)	(341,146)
Pada 31 Disember	73,091,775	69,310,669

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dirosotnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

##### 5(b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak DBKL bertindak sebagai pemberi pajak. Bayaran pajakan kewangan belum terima adalah seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Dalam masa setahun	8,706,548	-
Antara 2 hingga 5 tahun	49,402,380	-
Selepas 5 tahun	176,123,594	-
	234,232,522	-

#### 6. INVENTORI

Inventori dinyatakan pada kos. Amaun inventori diiktiraf di dalam lebahan dan defisit pada tahun semasa adalah adalah RM 4,004,005 (2015: RM 5,377,563).

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Tanah dan bangunan*		Infrastruktur dan alat jentera		Peralatan dan komputer		Gerai perniagaan		Taman dan rekreasi		Kerja dalam proses		<u>2015</u> RM
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	
Pada awal tahun	2,317,691,742	-	260,810,745	303,187,779	104,275,291	-	86,326,911	-	762,599,294	3,834,891,762	3,724,859,086	-	-
Pembelian	46,570,368	-	13,523,418	4,839,568	-	-	-	-	570,110,958	635,044,312	334,303,631	-	-
Pelupusan	(70,568,754)	-	(2,406,359)	(5,721)	-	-	-	-	(18,941,150)	(91,921,984)	(224,270,955)	-	-
Pindahan	90,891,978	194,674,624	345,000	15,941,404	325,369	34,152,480	(336,330,855)	-	-	-	-	-	-
Pada akhir tahun	2,384,585,334	194,674,624	272,272,804	323,963,030	104,600,660	120,479,391	977,438,247	4,378,014,090	3,834,891,762	-	-	-	-
Susutnilai terkumpul													
Pada awal tahun	566,185,756	-	219,495,669	270,449,349	26,990,489	12,257,600	-	-	1,095,378,863	1,036,911,238	-	-	-
Susutnilai tahun semasa	37,944,097	7,786,985	14,284,610	14,740,601	9,010,982	2,264,818	-	-	86,032,993	75,059,157	-	-	-
Pelupusan	(8,832,089)	-	(2,232,659)	(1,430)	-	-	-	-	(11,066,178)	(16,591,532)	-	-	-
Pada akhir tahun	505,297,764	7,786,985	231,547,620	285,188,520	36,001,471	14,522,418	-	-	1,170,344,778	1,095,378,863	-	-	-
Nilai bawa bersih													
Pada 31.12.2016	1,789,287,570	186,887,639	40,725,184	38,774,510	68,599,189	105,956,973	977,438,247	3,207,669,312	-	-	-	-	-
Pada 31.12.2015	1,751,505,986	-	41,315,076	32,738,430	77,284,802	74,069,311	762,599,294	-	2,739,512,899	-	-	-	-
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31.12.2015	31,174,099	8,490,777	11,042,545	14,351,848	9,247,107	752,781	-	-	75,059,157	-	-	-	-

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

#### 7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

\* Tanah dan bangunan terdiri daripada berikut:-

	<u>Tanah milik bebas RM</u>	<u>Tanah pajakan RM</u>	<u>Bangunan RM</u>	<u>Rumah pangsa dan rumah panjang RM</u>	<u>Jumlah 2016 RM</u>
<b><u>Kos</u></b>					
Pada awal tahun	175,315,113	247,799,579	1,200,261,895	694,315,155	2,317,691,742
Pembelian	46,570,368	-	-	-	46,570,368
Pelupusan	-	(27,319,202)	(5,686,613)	(37,562,939)	(70,568,754)
Pindahan dari kerja dalam proses	-	8,101,509	82,790,469	-	90,891,978
Pada akhir tahun	221,885,481	228,581,886	1,277,365,751	656,752,216	2,384,585,334
<b><u>Susutnilai terkumpul</u></b>					
Pada awal tahun	-	26,064,159	311,956,342	228,165,255	566,185,756
Susutnilai bagi tahun kewangan	-	2,418,962	24,045,172	11,479,963	37,944,097
Pelupusan	-	(3,674,917)	(71,023)	(5,086,149)	(8,832,089)
Pada akhir tahun	-	24,808,204	335,930,491	234,559,069	595,297,764
<b><u>Nilai bawa bersih</u></b>					
Pada 31.12.2016	221,885,481	203,773,682	941,435,260	422,193,147	1,789,287,570

#### 8. ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
Pegangan saham		
- Tersiar harga, pada nilai saksama	19,206,000	23,742,000
- Tidak tersiar harga, pada kos	100,000	100,000
Pelaburan unit amanah, pada nilai saksama	121,840,332	125,943,781
	141,146,332	149,785,781
Peruntukan kerugian rosot nilai:-		
Pegangan saham tidak tersiar harga	(100,000)	(100,000)
	141,046,332	149,685,781
<b><u>Nilai pasaran pada 31 Disember</u></b>		
Pegangan saham tersiar harga	19,206,000	23,742,000
Pelaburan unit amanah	121,840,332	125,943,781
	141,046,332	149,685,781

#### 9. ASET HARTANAH UNTUK DIJUAL

Aset hartaanah untuk dijual dinyatakan pada nilai realisasi bersih.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 10. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2016 RM	2015 RM
Pemutang pelbagai	619,495,324	523,945,210
Bayaran terakru	64,199,138	9,100,381
Cagaran	199,301,031	192,476,287
	<b>882,995,493</b>	<b>725,521,878</b>

### 11. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda merujuk kepada penerimaan jualan aset yang mana proses penjualan belum selesai.

### 12. PINJAMAN

	2016 RM	2015 RM
<u>Pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia</u>		
Pinjaman I	238,016	348,491
Pinjaman II	165,294,122	172,026,021
Pinjaman III	3,340,086	3,192,310
Pinjaman IV	1,939,880	2,124,782
	<b>170,812,104</b>	<b>177,691,604</b>
Dibayar dalam setahun		
Dibayar antara 2 hingga 5 tahun	6,915,548	6,879,501
Dibayar selepas 5 tahun	43,395,701	43,509,842
	<b>120,500,855</b>	<b>127,302,261</b>
	<b>170,812,104</b>	<b>177,691,604</b>
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	6,915,548	6,879,501
Liabiliti bukan semasa	163,896,556	170,812,103
	<b>170,812,104</b>	<b>177,691,604</b>

#### Pinjaman I

Kadar faedah dikenakan adalah 5% (2015: 5%) setahun.

Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM63,268 setiap setengah tahun untuk tempoh selama 60 tahun.

#### Pinjaman II

Pinjaman ini dikenakan kadar faedah 5% (2015: 5%) setahun.

Pada 19 Januari 1995, satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan DBKL untuk menyusun semula tempoh bayaran balik. Mulai 1 Januari 1994, tiada faedah akan dikenakan ke atas baki pinjaman yang dijadual semula ini.

Pada 28 Mac 1997, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani untuk menyusun semula tempoh bayaran balik baki pinjaman akibat daripada penyelesaian pinjaman sebanyak RM6,929,462 pada 30 Oktober 1996.

Berdasarkan penjadualan semula, pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM2,575,526 setiap 4 bulan untuk tempoh selama 47 tahun.

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

#### 12. PINJAMAN (SAMBUNGAN)

##### Pinjaman III

Kadar faedah dikenakan adalah 4% (2015: 4%) setahun.

Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM612,385 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

##### Pinjaman IV

Kadar faedah dikenakan adalah 6% (2015: 6%) setahun.

Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM312,390 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

#### 13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2016 RM	2015 RM
Pada awal tahun	18,754,283	18,981,078
Peruntukan tahun semasa	6,008,980	4,500,000
Pembayaran tahun semasa	(5,257,810)	(4,726,795)
Pada akhir tahun	19,505,453	18,754,283
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	4,500,000	4,500,000
Liabiliti bukan semasa	15,005,453	14,254,283
	19,505,453	18,754,283

#### 14. KUMPULAN WANG

Kumpulan wang terdiri daripada berikut:-

	2016 RM	2015 RM
	545,464,298	450,406,260
Kumpulan wang pembangunan dan penyelenggaraan	389,529,348	566,525,665
Tabung penyelenggaraan 1Malaysia	22,677,380	25,239,022
Kumpulan wang pembangunan rumah awam	6,735,293	6,735,293
Akaun pengurusan Desa Tasik	228,096	228,096

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 15. PENERIMAAN TERDAHULU

- i. Sewa pajakan terima terdahulu merupakan premium tanah yang dibayar oleh pemaju-pemaju yang memajak tanah daripada DBKL untuk projek pembangunan. Premium tanah akan diiktiraf sebagai hasil sewa pajakan mengikut tempoh pajakan tanah yang termaktub dalam perjanjian dengan pemaju.
- ii. Bayaran kemajuan daripada pemaju merupakan bayaran untuk kegunaan tanah DBKL mengikut ansuran yang termaktub dalam perjanjian yang ditandatangani. Bayaran kemajuan ini akan direalisasi sebagai hasil pulangan projek mengikut tahap kemajuan projek berkenaan.

### 16. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2016 RM	2015 RM
Pengurusan dan pentadbiran	193,407,512	196,169,607
Pembersihan bandar	236,763,319	223,603,653
Penghijauan, penyelenggaraan taman, tanah lapang dan taman rekreasi	61,543,794	56,246,893
Penyelenggaraan jalan raya dan saliran	69,908,334	106,379,260
Penyelenggaraan lampu jalan dan kemudahan sistem lalulintas	82,562,377	77,270,926
Penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan siarkaki	3,487,065	4,575,581
Penyelenggaraan, naik taraf dan ubahsuai bangunan	34,750,374	32,168,745
Perkhidmatan penjaja dan peniaga kecil	18,767,159	13,222,250
Penguatkuasaan	17,883,553	22,252,343
Penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat	113,746,151	138,735,314
Kesihatan awam dan alam sekitar	4,588,238	7,324,807
Pembangunan komuniti	35,556,596	34,082,201
Kebudayaan, kesenian dan sukan	12,417,637	11,268,930
Penggalakan pelancongan	2,250,277	7,685,861
	887,632,386	930,986,371

### 17. BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Belanja pembangunan merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Pembangunan am	23,113,900	53,636,071
Perkhidmatan kemajuan	296,798,878	362,675,171
Perumahan	52,614,252	-
Tempat letak kereta	988,490	32,430,208
Aset modal	11,714	1,664,810
Usahasama dan penswastaan	224,551,316	-
	598,078,550	450,406,260

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 18. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

#### 18.1 Kategori instrumen kewangan

	<b>Pinjaman dan belum terima</b> <b>2016</b>	<b>Sedia dijual</b>	<b>Liabiliti kewangan pada kos terlunas</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Aset kewangan</b>				
Baki bank dan wang tunai				
Deposit tetap di institusi kewangan	175,269,332	-	-	175,269,332
Urusniaga pertukaran belum terima	5,225,468,926	-	-	5,225,468,926
Aset kewangan sedia dijual	1,498,742,816	-	-	1,498,742,816
	-	141,046,332	-	141,046,332
	<b>6,899,481,074</b>	<b>141,046,332</b>	<b>-</b>	<b>7,040,527,406</b>
<b>Liabiliti kewangan</b>				
Urusniaga pertukaran belum bayar				
Pinjaman	-	-	882,995,493	882,995,493
	-	-	170,812,104	170,812,104
	-	-	<b>1,053,807,597</b>	<b>1,053,807,597</b>
<b>2015</b>				
<b>Aset kewangan</b>				
Baki bank dan wang tunai				
Deposit tetap di institusi kewangan	88,049,640	-	-	88,049,640
Urusniaga pertukaran belum terima	5,088,419,886	-	-	5,088,419,886
Aset kewangan sedia dijual	1,480,431,369	-	-	1,480,431,369
	-	149,685,781	-	149,685,781
	<b>6,656,900,895</b>	<b>149,685,781</b>	<b>-</b>	<b>6,806,586,676</b>
<b>Liabiliti kewangan</b>				
Urusniaga pertukaran belum bayar				
Pinjaman	-	-	725,521,878	725,521,878
	-	-	177,691,604	177,691,604
	-	-	<b>903,213,482</b>	<b>903,213,482</b>

#### 18.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

DBKL terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan DBKL adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

##### a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkiri obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amanah bawaan setiap kelas aset kewangan.

##### Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang harta tanah. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya DBKL tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 18. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### 18.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

##### Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

##### Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran majoritinya timbul daripada fungsi berkanun DBKL.

##### Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang cukai taksiran kerana terdapat bilangan pembayar cukai yang besar. Pendedahan kepada risiko kredit adalah tidak ketara kerana DBKL mempunyai hak berkanun untuk memungut cukai taksiran belum bayar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

##### Pinjaman kepada Kakitangan

DBKL memberi pinjaman kenderaan, komputer, pelajaran dan rawatan hospital yang tidak bercagar kepada kakitangan.

##### Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

#### b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan DBKL memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan DBKL kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif DBKL adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

##### Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan DBKL pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah atas seperti berikut:-

	Amaun bawaan	Aliran tunai berkontrak	Dalam 1 tahun	1 hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun
	RM	RM	RM	RM	RM
<u>2016</u>					
Urusniaga pertukaran belum bayar	882,995,493	882,995,493	882,995,493	-	-
Pinjaman	170,812,104	190,208,969	8,777,891	34,731,955	146,699,123
	1,053,807,597	1,073,204,462	891,773,384	34,731,955	146,699,123
<u>2015</u>					
Urusniaga pertukaran belum bayar	725,521,878	725,521,878	725,521,878	-	-
Pinjaman	177,691,604	201,702,939	8,777,891	34,858,491	158,066,557
	903,213,482	927,224,817	734,299,769	34,858,491	158,066,557

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 18. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi DBKL akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

DBKL terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

DBKL juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi pinjaman kadar tetap yang mendedahkan DBKL kepada risiko perubahan nilai saksama.

#### *Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap*

DBKL tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjaskankan lebihan atau defisit.

#### 18.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti DBKL yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Nilai saksama aset kewangan sedia dijual yang diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan berdasarkan rujukan kepada harga pasaran disiarharga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Ianya tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dalam saham tak tersiar harga kerana kekurangan harga disiarkan yang boleh dibandingkan dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan yang lain, beserta amaun bawaan diterakan di dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:-

	2016		2015	
	Amaun bawaan RM	Nilai saksama RM	Amaun bawaan RM	Nilai saksama RM
Pinjaman	170,812,104	118,408,015	177,691,604	121,129,434

Nilai saksama di atas yang ditentukan untuk tujuan pendedahan, adalah dikira berdasarkan nilai kini aliran tunai pokok dan faedah masa hadapan, didiskaunkan pada kadar faedah pasaran pada akhir tarikh pelaporan. Kadar faedah ditentukan dengan merujuk kepada pengaturan pinjaman yang sama.

Nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 2.

#### Hierarki nilai saksama

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:-

- Tahap 1: Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- Tahap 2: Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.
- Tahap 3: Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 18. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Pegangan saham tersiarharga dan pelaburan unit amanah diukur pada nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 1.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2015: Tiada pindahan)

### 19. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal DBKL, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebihan terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

DBKL menguruskan modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

DBKL sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan DBKL untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

### 20. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

#### **Identiti pihak berkaitan**

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada DBKL sekiranya DBKL mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana DBKL dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti DBKL sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada DBKL. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah DBKL, dan ahli pengurusan tertinggi DBKL.

#### **20.1 Transaksi pihak berkaitan**

Semua urus niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh DBKL pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunakan dalam urusniaga tulus untuk keadaan yang sama.

#### **20.2 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi**

Jumlah gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi pada tahun semasa adalah sebanyak RM11,300,688 (2015: RM11,459,305)

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

#### 21. KOMITMEN MODAL

	2016 RM	2015 RM
<b>Perbelanjaan modal</b>		
Diluluskan dan telah/belum dikontrakkan	5,297,193,304	3,273,468,338

DBKL mempunyai komitmen lain berkaitan pembelian semula Aset Hartanah untuk Dijual (Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat) jika sekiranya terdapat pembeli yang tidak dapat melunaskan bayaran pinjaman selama 6 bulan sepanjang tempoh pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP).

Jumlah komitmen tidak dapat dianggarkan kerana ianya bergantung kepada kemungkinan pembeli.

#### 22. LIABILITI LUAR JANGKA

DBKL menghadapi beberapa tindakan undang-undang daripada pihak luar. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM2,012,100. Tuntutan dibuat oleh plaintif akibat daripada operasi roboh dan pengalihan barang-barang kitar semula dan barang lusuh yang dilaksanakan oleh DBKL.
- (ii) Satu kes tuntutan gantirugi sebanyak RM476,013. Tuntutan dibuat oleh plaintif akibat kerosakan longkang dan tembok batu (perimeter wall).
- (iii) Satu kes melibatkan tuntutan sebanyak RM187,131. Tuntutan dibuat oleh plaintif adalah berkaitan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan bagi sebuah pusat penjaja.
- (iv) Satu kes melibatkan tuntutan sebanyak RM160,000,000. Tuntutan dibuat oleh plaintif melibatkan permohonan injuksi untuk menghalang City Motorsports daripada memasuki mana-mana kontrak serta menganjur Lumba KL City 2016 dan permohonan deklarasi bahawa penamatkan perjanjian antara DBKL dan GT Global Race (M) Sdn. Bhd. adalah tidak sah.
- (v) Satu kes melibatkan tuntutan sebanyak RM10,719,963. Tuntutan dibuat oleh plaintif adalah berkaitan perintah injuksi mandatori di mana DBKL diminta mengalihkan longkang konkrit dan mengembalikan keadaan harta tersebut di bahagian mana di mana longkang konkrit tersebut dibina kepada keadaan asal dengan kos pemulihan ditanggung oleh DBKL

Oleh kerana keputusan ke atas kes-kes tersebut masih belum diketahui, kesan kewangan ke atas akaun, sekiranya ada, belum dapat ditentukan dengan pasti.

#### 23. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS

Seperti yang dinyatakan di Nota 2.1, penyata kewangan ini merupakan set penyata kewangan pertama yang disediakan menurut MPSAS.

Polisi perakaunan seperti yang dinyatakan di Nota 3 telah digunakan dalam penyediaan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, pembentangan maklumat perbandingan di dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan dalam penyediaan penyata kedudukan kewangan pembukaan MPSAS pada 1 Januari 2015 (tarikh peralihan DBKL kepada MPSAS).

Dalam menyediakan penyata kedudukan kewangan pembukaan pada 1 Januari 2015, DBKL telah menyelaraskan amaun yang dilaporkan di dalam penyata kewangan sebelum ini yang disediakan menurut PERS. Penjelasan bagaimana peralihan daripada PERS kepada MPSAS telah menjelaskan kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai DBKL dibentangkan seperti berikut:-

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016**

**24.**

### **PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)**

**24.1** Penyesuaian kedudukan kewangan

	PERS RM	Kesan peralihan RM	MPSAS RM	PERS RM	Kesan peralihan RM	MPSAS RM
<b>ASET SEMASA</b>						
Baki bank dan wang tunai	98,945,316	61,206	99,006,522	87,988,334	61,206	88,049,640
Deposit tetap di institusi kewangan	4,333,507,749	-	4,333,507,749	5,088,419,886	-	5,088,419,886
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	-	273,736,673	273,736,673	-	309,837,339	309,837,339
Urusniaga pertukaran belum terima	-	987,431,212	987,431,212	-	1,577,661,954	1,577,661,954
Penghitung pelbagai, deposit dan bayaran terdahulu	1,265,101,956	(1,265,101,956)	-	1,890,209,459	(1,890,209,459)	-
Inventori	5,101,707	-	5,101,707	5,377,563	-	5,377,563
	5,702,656,728	(3,872,865)	5,698,783,863	7,071,995,342	(2,648,960)	7,069,346,382
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>						
Hartanah, loji dan peralatan	2,049,458,935	435,278,705	2,484,737,640	1,976,913,604	762,599,295	2,739,512,899
Kerja dalam proses	272,713,146	(272,713,146)	-	396,823,526	(396,823,526)	-
Pelaburan hartanah	1,721,152	(1,721,152)	-	208,624	3,019,624	3,228,248
Aset kewangan sedia dijual	112,260,464	36,364,890	148,625,354	123,629,007	26,056,774	149,635,781
Aset hartanah untuk dijual	1,274,453,345	1,721,153	1,276,174,498	851,879,940	(3,019,624)	848,860,316
	3,710,607,042	198,950,450	3,909,537,492	3,349,454,701	391,832,543	3,741,287,244
JUMLAH ASET	9,413,263,770	195,057,585	9,608,321,355	10,421,450,043	389,183,583	10,810,633,626

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 24. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

#### 24.1 Penyesuaian kedudukan kewangan (sambungan)

	PERS RM	Kesan peralihan RM	MPSAS RM	PERS RM	Kesan peralihan RM	MPSAS RM
<b>LIABILITI SEMASA</b>						
Pemutang pelbagai dan bayaran terakru	963,647,717	(963,647,717)	-	847,163,454	(847,163,454)	-
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	952,648,098	952,648,098	-	725,521,878	725,521,878
Pendapatan tertunda	-	1,235,607	1,235,607	440,123,116	107,377,567	547,500,683
Pinjaman	6,845,097	-	6,845,097	6,879,501	-	6,879,501
Peruntukan manfaat kakitangan	-	-	-	-	4,500,000	4,500,000
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>970,492,814</b>	<b>(9,764,012)</b>	<b>960,728,802</b>	<b>1,294,166,071</b>	<b>(9,764,009)</b>	<b>1,284,402,062</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>						
Kumpulan wang	-	601,137,588	601,137,588	-	598,733,627	598,733,627
Pinjaman	177,691,604	-	177,691,604	170,812,103	-	170,812,103
Sewa pajakan terima terdahulu	106,123,821	194,726,375	300,850,196	104,873,146	181,489,039	286,362,185
Bayaran kemajuan daripada pemaju	194,726,375	(194,726,375)	-	181,489,039	(181,489,039)	-
Peruntukan manfaat kakitangan	-	18,981,078	18,981,078	-	14,254,283	14,254,283
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>478,541,800</b>	<b>620,118,666</b>	<b>1,098,660,466</b>	<b>457,174,288</b>	<b>612,987,910</b>	<b>1,070,162,198</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>1,449,034,614</b>	<b>610,354,654</b>	<b>2,059,389,268</b>	<b>1,751,340,359</b>	<b>603,223,901</b>	<b>2,354,564,260</b>
<b>ASSET BERSIH</b>	<b>7,964,229,156</b>	<b>(415,297,069)</b>	<b>7,548,932,087</b>	<b>8,670,109,684</b>	<b>(214,040,318)</b>	<b>8,456,069,366</b>

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 24. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

#### 24.1 Penyesuaian kedudukan kewangan (sambungan)

	1.1.2015	31.12.2015
	Kesan peralihan RM	Kesan peralihan RM
	PERS RM	PERS RM
<b>EKUTI/ASET BERSIH</b>		
Lebihan terkumpul	1,674,377,753	347,160,994
Rizab	6,289,851,403	(762,458,063)
	5,527,393,340	5,527,393,340
	<b>7,964,229,156</b>	<b>(415,297,069)</b>
	<b>7,548,932,087</b>	<b>8,670,109,684</b>
	<b>(214,040,318)</b>	<b>(214,040,318)</b>
	<b>8,456,069,366</b>	<b>8,456,069,366</b>

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 24. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

#### 24.2 Penyesuaian prestasi kewangan

	<u>PERS</u> RM	31.12.2015 Kesan peralihan RM	<u>MPSAS</u> RM
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA</b>			
BUKAN PERTUKARAN			
Cukai taksiran	1,060,084,773	-	1,060,084,773
Bantuan daripada kerajaan	57,873,803	-	57,873,803
Peruntukan projek pembangunan direalisasi	-	316,304,078	316,304,078
Denda	36,428,449	-	36,428,449
Lesen	50,880,495	-	50,880,495
	<b>1,205,267,520</b>	<b>316,304,078</b>	<b>1,521,571,598</b>
<b>HASIL DARIPADA URUSNIAGA</b>			
PERTUKARAN			
Kawalan binaan dan perancangan	548,374,093	-	548,374,093
Faedah daripada pelaburan	203,809,530	96,244	203,905,774
Sewaan perumahan	67,937,633	-	67,937,633
Sewaan lain	52,200,891	-	52,200,891
Hasil dari projek penswastaan	164,890,455	-	164,890,455
Keuntungan dari pelupusan aset	705,491,775	121,528,625	827,020,400
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan	27,643,013	-	27,643,013
Lain-lain hasil	77,413,108	103,085,956	180,499,064
Pelunasan rizab modal	8,490,777	(8,490,777)	-
Penulisan balik peruntukan	152,583	(152,583)	-
	<b>1,856,403,858</b>	<b>216,067,465</b>	<b>2,072,471,323</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>3,061,671,378</b>	<b>532,371,543</b>	<b>3,594,042,921</b>

# DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

### 24. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

#### 24.2 Penyesuaian prestasi kewangan (sambungan)

	Nota	PERS RM	Kesan peralihan RM	MPSAS RM
BELANJA PENTADBIRAN			31.12.2015	
Emolumen	420,818,514	(84,283)	420,734,231	
Elaun lebih masa	67,547,672	-	67,547,672	
Perkhidmatan dan bekalan	252,665,184	678,321,187	930,986,371	
Aset kecil (Inventori)	-	8,243,137	8,243,137	
Pemberian dan kenaan tetap	-	50,497,121	50,497,121	
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	75,059,157	-	75,059,157	
Peruntukan kerugian rosot nilai pengutang	12,032,320	-	12,032,320	
Kerugian daripada pelupusan aset	70,780,941	118,750,114	189,531,055	
Peruntukan kerugian rosot nilai aset untuk dijual	274,046,091	-	274,046,091	
Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan	24,611,488	-	24,611,488	
Perbelanjaan lain	57,552,774	125,657,965	183,210,739	
Pentadbiran	259,456,790	(259,456,790)	-	
Sosial, rekreasi dan kebudayaan	90,002,340	(90,002,340)	-	
Penyelenggaraan lampu isyarat dan jalanraya	162,349,562	(162,349,562)	-	
Penyelenggaraan rumah pangsa dan rumah panjang	94,720,686	(94,720,686)	-	
Penyelenggaraan bangunan	29,424,632	(29,424,632)	-	
Penyelenggaraan lain	59,121,973	(59,121,973)	-	
Sewaan	9,464,267	(9,464,267)	-	
Faedah wang pinjaman	315,791	(315,791)	-	
Caruman kepada dana	1,250,000	(1,250,000)	-	
 BELANJA PEMBANGUNAN	 -	 450,406,260	 450,406,260	
JUMLAH PERBELANJAAN	1,961,220,182	725,685,460	2,686,905,642	
LEBIHAN TAHUN SEMASA	1,100,451,196	(193,313,917)	907,137,279	

#### 24.3 Penyesuaian aliran tunai

Tiada perbezaan ketara di antara penyata aliran tunai diterakan menggunakan MPSAS dan penyata aliran tunai diterakan menggunakan PERS.



